

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI RABU : 11 DISEMBER 2019

NO SOALAN: 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kecelakaan jalan raya yang membawa maut di lebuh raya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) sejak ia dibuka sehingga sekarang.

NO SOALAN: 1

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Senator bertanyakan berkenaan dengan statistik kemalangan jalan raya yang berlaku di Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2, ataupun LPT2 serta punca-puncanya. Tuan Yang di-Pertua, punca-punca kemalangan maut di jalan raya di Malaysia terdiri daripada 15 keadaan, di antaranya adalah cuai ketika melintas jalan, terbabas sendiri, makan jalan, sedang memotong atau menukar lorong, cuai ketika keluar atau masuk simpang jalan susur, mengekor rapat kenderaan di hadapan, dan lain-lain. DN 11.12.2019 2 Bagi Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) ini yang telah beroperasi sejak Januari 2016 sehingga Oktober 2019, jumlah kemalangan maut adalah sebanyak 246 kes yang melibatkan 275 kematian. Sebagai tambahan Tuan Yang di-Pertua, jumlah kemalangan biasa yang tidak melibatkan kematian di LPT2 bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 12,167 kes.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 2

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO'
SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha pihak Kerajaan untuk menentukan masa hadapan Sistem Kewangan Islam agar mampu memberi impak yang lebih besar kepada pembangunan ekosistem ekonomi Negara sekali gus berupaya untuk memperkasakan Sistem Ekonomi Kewangan Islam ini.

NO SOALAN: 2

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kewangan Islam merupakan komponen penting yang sentiasa menjadi salah satu fokus utama dalam agenda pembangunan sistem kewangan di Malaysia. Kerajaan dan agensi-agensi berkaitan seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) serta semua institusi kewangan Islam di Malaysia telah sama-sama berusaha untuk membina sebuah ekosistem yang kukuh dan berdaya saing bagi memacu kemajuan sektor kewangan Islam di negara ini.

Di samping itu, Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC) telah memainkan peranan yang penting pada peringkat awal pengantarabangsaan kewangan Islam melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif terutamanya dengan sokongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan Nazrin Muizzuddin Shah sebagai Penaung Diraja untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa.

Kerajaan sentiasa menambah baik sistem penyampaian kewangan Islam agar ia mampu memberi impak yang lebih besar kepada pembangunan ekosistem ekonomi negara. Antara usaha-usaha yang telah dijalankan adalah:

NO SOALAN: 2

- i. **Mengukuhkan rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan pematuhan Syariah.** Antaranya melalui penggubalan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 bagi memastikan kestabilan sistem kewangan Islam dan aspek Syariah dipatuhi sepenuhnya oleh institusi kewangan Islam. BNM juga telah menerbitkan 14 piawaian syariah untuk memberikan garis panduan yang jelas dan komprehensif mengenai kontrak-kontrak syariah dan aplikasi operasinya. Piawaian syariah ini turut dijadikan rujukan bagi membangunkan piawaian syariah di negara-negara lain seperti Qatar dan Afghanistan.
- ii. **Memperkenalkan konsep pengantaraan berasaskan nilai (*value-based intermediation, VBI*)** sejak tahun 2017 bagi menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals, SDG*) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
- iii. **Penubuhan Jawatankuasa Khas Kewangan Islam (JKKI)** oleh Kementerian Kewangan (MOF) pada Ogos 2019 untuk mempromosi dan menggalakkan pembangunan kewangan Islam serta berperanan untuk menyelaras peranan dan tanggungjawab pihak berkepentingan bagi meningkatkan industri kewangan Islam di Malaysia.
- iv. **Meneroka instrumen kewangan sosial** bagi mengurangkan jurang pembiayaan dan perlindungan takaful bagi golongan berpendapatan rendah atau B40.

NO SOALAN: 2

- a. Platform MyWakaf yang melibatkan perjanjian usaha sama antara enam buah bank Islam dan sembilan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Setakat ini, MyWakaf telah berjaya mengumpul RM2.8 juta wakaf tunai bagi membiayai projek-projek yang memberi impak kepada rakyat.
 - b. Terdapat syarikat takaful yang menawarkan perlindungan asas takaful keluarga untuk tempoh 12 bulan secara percuma bagi mengurangkan beban keluarga miskin tegar apabila ketua isi rumah ditimpa musibah.
- v. **Memperhebat sokongan kewangan Islam ke arah pertumbuhan perniagaan halal** melalui Skim Pembiayaan Patuh Syariah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Subsidi kadar keuntungan sebanyak 2% telah diperuntukkan oleh Kerajaan dalam Belanjawan 2019 dengan dana berjumlah RM1 bilion jumlah pembiayaan yang diberikan oleh bank-bank Islam kepada syarikat pengeksport halal.
- vi. **Mempelbagaikan peluang pelaburan menerusi pengenalan Akaun Pelaburan (*Investment Account, IA*) dan Platform Akaun Pelaburan (*Investment Account Platform, IAP*)**. Sejak ditubuhkan pada 2016, IAP yang dikendalikan oleh beberapa buah institusi perbankan Islam telah berjaya menyalurkan dana pelaburan sebanyak RM204 juta untuk membiayai 13 projek, termasuk sejumlah RM80 juta yang disalurkan untuk pembiayaan PKS, setakat September 2019.

NO SOALAN: 2

- vii. **Membangunkan kapasiti modal insan untuk menyokong ekonomi negara dan kewangan Islam** dengan menyediakan latihan, pendidikan serta penyelidikan melalui institusi-institusi pendidikan kewangan Islam seperti *International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)* dan *International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA)*.

Hasil usaha yang berterusan dan tersusun ini telah berjaya mengekalkan kedudukan Malaysia di tempat teratas daripada 56 buah negara dalam pelbagai dimensi indikator kemajuan kewangan Islam di peringkat global, sebagaimana yang dilaporkan pada setiap tahun dalam Laporan Pembangunan Kewangan Islam yang diterbitkan oleh Thomson Reuters sejak tahun 2013.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 3

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ABDUL GHANI BIN
MOHAMED YASSIN
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan strategi Kementerian bagi mengatasi masalah penduduk golongan B40 di kawasan bandar yang tinggal di dalam rumah yang usang atau daif. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan atau cadangan untuk menambah jumlah peruntukan bagi skim Program Baik Pulih Rumah Daif di bandar.

NO SOALAN: 3

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Program Bantuan Baik Pulih Rumah Daif di Bandar merupakan salah satu strategi Kerajaan dalam menyediakan tempat kediaman yang selamat dan selesa untuk dihuni oleh penduduk golongan B40 yang berhadapan dengan isu rumah yang didiami mengalami kerosakan kecil atau disebabkan faktor musibah seperti kebakaran, banjir dan ribut.
2. Bantuan baik pulih ini hanya melibatkan komponen-komponen asas rumah sahaja seperti bumbung, dinding, lantai, tingkap serta tidak melibatkan struktur asas rumah. Kadar bagi Baik Pulih Rumah adalah sebanyak RM13,000 untuk Semenanjung Malaysia dan RM15,000 bagi Wilayah Persekutuan Labuan/ Sarawak/Sabah.
3. Penambahan jumlah peruntukan ini tertakluk kepada keperluan semasa dan peruntukan bagi program ini untuk tahun 2020 adalah sebanyak RM28.5 juta. Program ini adalah selaras dengan komitmen Kerajaan dalam *Sustainable Development Goals* (SDGs) 2030, Teras 1: Membasmi Kemiskinan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 4

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Puan Raj Munni binti Sabu minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mekanisme pelaksanaan Program Sarapan percuma (PSP) untuk semua pelajar sekolah rendah mulai tahun 2020 dan apakah usaha Kementerian bagi memastikan guru-guru tidak terbeban serta tidak akan berlaku pembaziran.

NO SOALAN: 4

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Sarapan Pagi (PSP) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertujuan untuk memberikan makanan tambahan yang memenuhi keperluan nutrisi penting bagi pertumbuhan fizikal dan kognitif murid-murid sekolah rendah. PSP akan dilaksanakan pada tahun 2020 secara berperingkat-peringkat dengan memberi keutamaan kepada murid-murid daripada kumpulan B40.

Pelaksanaan PSP dicadangkan melalui dua (2) mekanisme. Mekanisme pertama ialah pengoperasian PSP selama 30 minit menggunakan kombinasi menu utama dalam bentuk makanan bermasak dan menu buah-buahan. Mekanisme kedua ialah pengoperasian PSP selama 10 minit menggunakan kombinasi menu minuman produk tenusu /minuman berkhasiat dan menu makanan ringkas (berkonsepkan *ready to eat/ grab n go*) seperti roti, biskut, snek bijirin, kuih atau telur rebus.

Waktu makan murid akan dijadualkan secara berperingkat-peringkat mengikut kesesuaian sekolah dan lokasi tempat makan murid akan dipelbagaikan menggunakan ruang/bilik yang ada di sekolah. Ini dapat memberikan masa untuk murid mencuci peralatan makan masing-masing. Di samping itu, kaedah makan di dalam kelas bersama-sama guru merupakan satu langkah praktikal daripada segi ruang dan hubungan mesra guru murid.

NO SOALAN: 4

Elemen pendidikan kesihatan turut diterapkan dalam PSP. Murid mengamalkan pengambilan sarapan yang berkhasiat dan gaya hidup sihat dari segi fizikal dan mental. PSP juga menerapkan nilai-nilai murni, berdisiplin dan adab pemakanan yang baik di samping meningkatkan pengetahuan dan kesedaran aspek kesihatan diri. Langkah ini mengelakkan pembaziran dalam kalangan murid dan mengurangkan kompleksiti tugas guru.

Sebanyak 2,691,231 orang murid sekolah rendah termasuk anak golongan B40 di seluruh negara dijangka mendapat manfaat daripada PSP jika dilaksanakan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah mencadangkan kepada Kementerian bahawa ianya perlu dilaksanakan secara bertahap untuk memastikan pengoperasian PSP dan mekanisme pembiayaan jangka masa panjang yang mampan. Untuk tujuan itu, PSP akan dilaksanakan secara berfasa dan Fasa 1 akan dilaksanakan di setiap negeri mengikut jumlah murid B40 tertinggi. Kementerian akan memilih sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan murid daripada B40 yang tinggi selain mengambil kira kesediaan pihak kantin dan pihak pembekal. Pelaksanaan sarapan pula akan menggunakan peruntukan tambahan daripada pihak Kementerian Kewangan di samping mengumpulkan dana daripada pihak ketiga. Ini dilakukan bersama-sama dengan perancangan dan juga sumbang saran daripada MTEN.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 5

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah bagi mengukuhkan sektor pembinaan memandangkan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sektor pembinaan telah menurun sebanyak 48% dalam tempoh 2 tahun ini yang menyebabkan lebih banyak lagi penggangguran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, berdasarkan rekod Kementerian, terdapat penurunan dari segi nilai kerja pembinaan yang diawad dari tahun 2017 hingga Jun 2019. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang mengambil langkah-langkah bagi memperkukuhkan industri pembinaan Negara bagi meminimakan kesan-kesan negatif ekoran penurunan tersebut dan memastikan industri pembinaan akan kekal mapan dan berdaya saing. Antara langkah yang diambil adalah memfokuskan kepada pembangunan modal insan binaan dan penggunaan teknologi pembinaan seperti berikut :

A. Pembangunan Modal Insan Binaan

1. Latihan Kemahiran Personel Binaan dan Latihan Kemahiran Belia

Kementerian melalui agensi di bawahnya CIDB telah melaksanakan program latihan dan penilaian selaras dengan peruntukan di bawah Akta 520 yang bertujuan untuk memastikan pekerja mahir binaan akan dapat diberi latihan secara formal dan kecekapan mereka akan dapat dinilai bagi melahirkan pekerja binaan yang berkemahiran dan bertauliah. Pelaksanaan program latihan dan penilaian CIDB juga telah dijadikan sebagai salah satu inisiatif penting di bawah teras Produktiviti dalam Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020.

NO SOALAN: 5

2. Fokus kepada Tred Berimpak Tinggi

2.1 Kementerian melalui agensi di bawah seliaannya Akademi Binaan Malaysia (ABM) memfokuskan kepada latihan kemahiran berimpak tinggi bagi memenuhi keperluan industri pembinaan seperti bidang *scaffolding erection, welding, wireman, chargin, gas pipe fitting, blasting & painting, non destructive test, crane operation, plant operation, plumbing* dan *air conditioning & mechanical ventilation*.

2.2 Permintaan yang tinggi bagi bidang-bidang tersebut merupakan jaminan pekerjaan sama ada di dalam mahupun di luar negara. Bidang-bidang tersebut mampu menawarkan pendapatan yang lebih tinggi berbanding bidang-bidang lain dan ini dapat menarik minat belia dan personel untuk menceburi pekerjaan dalam industri pembinaan.

3. Penilaian Kompetensi Kemahiran Personel Binaan

Selain itu, CIDB turut melaksanakan Program Penilaian Kompetensi Kemahiran di mana 273,000 personel binaan telah menjalani sesi penilaian kompetensi kemahiran. Dari jumlah tersebut, 190,000 adalah pekerja binaan mahir binaan tempatan manakala 83,000 adalah pekerja binaan mahir asing.

4. Program Perantisan

CIDB juga telah menganjurkan Program Perantisan Industri Pembinaan bermula tahun 2016 di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan – CITP (2016-2020). Ia juga diselaraskan dengan Rancangan Malaysia Ke-11

NO SOALAN: 5

iaitu bagi meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju menjelang tahun 2020.

B. Penggunaan Teknologi Pembinaan

1. Industrialised Building System (IBS)

Kementerian Kerja Raya melalui agensi di bawah seliaannya JKR dan CIDB sentiasa memberi penekanan ke arah meningkatkan tahap penerimaan dan kesediaan penggunaan IBS di sepanjang rantai bekalan IBS dengan pelbagai usaha seperti berikut:

1.1 Penekanan kepada polisi yang mampu memberi impak kepada pemain industri;

1.2 Memperkenalkan elemen galakan seperti insentif yang tertentu; dan

1.3 Peningkatan tahap kemahiran melalui latihan 'hands-on' dalam menggunakan kaedah IBS kepada personel binaan.

2. Building Information Modelling (BIM)

Kementerian Kerja Raya melalui CIDB sentiasa memberi inisiatif bagi menggalakkan penggunaan BIM dalam projek pembinaan menerusi:

NO SOALAN: 5

2.1 Penyediaan fasiliti dan kemudahan dalam mengaplikasikan kaedah BIM dalam pelaksanaan projek pembinaan melalui MyBIM Centre dan MyBIM Satelit;

2.2 Pembangunan modul latihan dan pelaksanaan program latihan serta akreditasi BIM bagi meningkatkan kemahiran dan kompetensi personel binaan dalam aplikasi BIM;

2.3 Penyediaan Skim Insentif kepada syarikat berstatus PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana) yang terlibat dalam industri pembinaan bagi menggalakkan penggunaan BIM dalam projek pembinaan;

2.4 Pelaksanaan Program Perantisan (*Apprenticeship Program*) untuk pelajar lepasan bidang pembinaan bagi mempersiapkan industri dengan tenaga kerja mahir BIM; dan

2.5 Penyediaan lebih 10,000 komponen BIM yang boleh dimuatnaik secara percuma untuk kemudahan penggiat industri dalam menggunakan kaedah BIM dengan lebih intensif.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 6

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan Kementerian Perdagangan India melalui notis bertarikh 26.8.2019 mencadangkan kenaikan duti import sebanyak 5% terhadap minyak kelapa sawit Malaysia iaitu dari 45% kepada 50% yang mana sebelum ini dinikmati Malaysia atas dasar hubungan baik kedua-dua negara. Apakah implikasi kepada industri minyak sawit Malaysia jika India menaikkan duti import tersebut.

NO SOALAN: 6

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

India dijangka mengurangkan pembelian minyak sawit Malaysia berikutan langkah Kerajaan India yang telah mengenakan duti perlindungan atau *safeguard duty* sebanyak 5% bagi minyak sawit proses berkuatkuasa pada 4 September 2019 bagi tempoh 6 bulan iaitu sehingga Mac 2020. Duti ini adalah bertujuan untuk melindungi dan menggalakkan industri penapisan minyak tempatan dan mengurangkan kebergantungan terhadap import minyak sayuran.

Dengan berkuatkuasanya duti perlindungan ini, duti import ke atas minyak sawit proses meningkat kepada 50%, iaitu pada paras yang sama dengan minyak sawit proses dari Indonesia di bawah perjanjian *ASEAN-India FTA*. Berdasarkan statistik Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), eksport minyak sawit Malaysia ke India telah menurun 60% kepada 219,956 tan pada Oktober 2019 berbanding 550,452 tan pada Ogos 2019.

Walau bagaimanapun, India dijangka akan meningkatkan pembelian minyak sawit berikutan keperluan dalam negara tersebut yang meningkat kesan daripada bekalan minyak sayuran tempatan yang terhad disebabkan oleh pengeluaran bijian minyak yang merosot akibat faktor cuaca yang tidak menentu.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 7

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha-usaha proaktif yang telah dirancang oleh pihak Kerajaan dalam persediaan menjelang tahun melawat Malaysia 2020 untuk memastikan kebersihan alam sekitar secara menyeluruh khususnya mengawal lambakan sampah sarap yang dijangka pada tahun 2020 penghasilan sampah sarap mencecah 30,000 tan sehari.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) sentiasa memberi perhatian serius terhadap aspek kebersihan alam sekitar dan sentiasa melaksanakan pelbagai usaha melibatkan kempen dan program kesedaran untuk melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab menguruskan sisa pepejal dengan baik. Usaha ini juga sejajar dengan persediaan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2020 yang akan memberikan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang bersih dan sejahtera.
2. Pada 3 November 2019 yang lalu, KPKT telah melancarkan Dasar Kebersihan Negara (DKN) yang merupakan inisiatif Kerajaan untuk mewujudkan negara bersih, mampan dan sejahtera melalui pembudayaan amalan kebersihan diri, keluarga, komuniti dan masyarakat dalam usaha melestarikan alam sekitar. Dalam hubungan ini, selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2020, Kluster 1 Dasar Kebersihan Negara iaitu kesedaran mengenai kebersihan menekankan agar setiap lapisan masyarakat di negara ini perlu bersama-sama melaksanakan tanggungjawab menjaga kebersihan.

NO SOALAN: 7

3. Antara usaha-usaha Kementerian ini dalam memastikan kebersihan alam sekitar dan mengawal lambakan sampah adalah:

(a) Mengadakan kempen pendidikan secara berterusan

Di bawah pelaksanaan DKN, KPKT juga telah melancarkan Kempen Berani Tegur, *Let's Do it Right* dengan harapan rakyat Malaysia dapat menerapkan budaya berani menegur kepada sikap tidak mengamalkan kebersihan dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, Kempen 3 Tong juga turut dilaksanakan dan diharapkan melalui inisiatif kempen ini, masyarakat akan lebih bertanggungjawab untuk mengasingkan sisa dan seterusnya membudayakan amalan kitar semula yang dapat menjana pendapatan sampingan.

Selain itu, KPKT juga telah memperuntukkan sebanyak RM400,000 bagi pelaksanaan Kempen #Jangan Gunalah dan promosi *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-use Plastics* bagi menggalakkan masyarakat untuk tidak menggunakan beg plastik sekali guna dan plastik sekali guna yang lain seperti penyedut minuman yang boleh mencemarkan alam sekitar.

KPKT komited dalam memberikan pendidikan serta menjalankan kempen kesedaran masyarakat secara berterusan dan mengamalkan konsep libat urus. Sehingga bulan Oktober 2019, sebanyak 2,613 ceramah dan 970 pameran telah dilaksanakan. Selain itu, program-program kitar semula yang melibatkan pelajar-pelajar tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, institut

NO SOALAN: 7

pengajian tinggi serta komuniti, industri dan agensi Kerajaan juga dilaksanakan secara berterusan.

(b) Mengadakan kerjasama dan libat urus dengan agensi-agensi berkaitan

Selain melaksanakan kempen kesedaran secara berterusan, KPKT melalui SWCorp juga mengadakan kerjasama dengan insititusi pengajian tinggi seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Putra Malaysia, TNB Research Sdn. Bhd., Japan International Cooperation Agency (JICA) bagi berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam usaha untuk meningkatkan lagi pengurusan sisa pepejal supaya lebih teratur, cekap dan efisien.

Selain itu, KPKT juga terlibat dalam Program Mysavefood yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan MARDI untuk mengadakan kempen kesedaran bagi menghentikan pembaziran dalam kalangan pembeli.

Bagi menggalakkan Badan Bukan Kerajaan (NGO) agar terus melaksanakan program-program kesedaran yang melibatkan komuniti dan masyarakat, SWCorp turut memberikan insentif pembitaran amalan 3R kepada NGO-NGO terlibat. Dengan adanya kerjasama semua pihak dan masyarakat, diharap usaha untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk memastikan kebersihan dapat diterapkan.

NO SOALAN: 7

(c) Peraturan-Peraturan Baharu

Kementerian juga telah menguatkuasakan peraturan baharu berkaitan sisa pepejal komersial, perindustrian, keinstitusian dan sisa pembinaan seperti berikut:

- i. Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan bagi Sisa Pepejal Pembinaan) 2018;
- ii. Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim bagi Sisa Pepejal Pembinaan) 2018;
- iii. Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan Bagi Sisa Pepejal Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian) 2018; dan
- iv. Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim Bagi Sisa Pepejal Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian) 2018.

Penguatkuasaan 4 Peraturan ini kelak akan dapat mengawal lambakan sisa pepejal dan pembuangan sampah secara haram khususnya sisa komersial, perindustrian, keinstitusian dan sisa pembinaan dan seterusnya mengurangkan sisa pepejal yang dilupuskan di tapak pelupusan. Kementerian juga akan mengambil

NO SOALAN: 7

tindakan denda kepada penjana sisa yang gagal mematuhi perkara-perkara di bawah Peraturan ini kelak.

(d) Tindakan penguatkuasaan

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian serius menangani isu pembuangan sisa pepejal di lokasi yang tidak dibenarkan (sampah haram) dalam memastikan kebersihan persekitaran terutamanya bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020. Pemantauan secara bersepadu juga ditingkatkan di antara SWCorp, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan masyarakat setempat bagi memastikan lokasi terkumpulnya sampah haram tidak berlaku dan tidak berulang. Untuk rekod, bermula 2014 sehingga 2019 sebanyak 2,278 pembasmian lokasi sampah haram telah dilaksanakan dan 59 kes pendakwaan sampah haram telah disabitkan dengan jumlah denda sebanyak RM825,500.00.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan inisiatif-inisiatif untuk membangunkan ekonomi di koridor utara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) terus komited untuk menjadikan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) sebagai wilayah yang membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang inklusif di setiap peringkat kumpulan pendapatan, etnik, daerah serta rantaian bekalan selaras dengan halatuju Kerajaan Pusat melalui Wawasan Kemakmuran Bersama.

Melalui Rangka Pelaksanaan Strategik NCER 2021 – 2025, NCER telah mensasarkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5% setiap tahun bagi mencapai sasaran RM 300 bilion ekonomi pada 2025. Justeru, bagi memastikan hala tuju pembangunan dapat dicapai, NCIA telah menambahbaik Rangka Strategik NCER 2021-2025.

Melalui Rangka Strategik Strategik NCER 2021 – 2025 ini, empat (4) *Key Outcomes* yang telah dikenalpasti akan diberikan tumpuan oleh NCIA bagi mengatasi isu – isu pembangunan utama di NCER seperti berikut:

a) Menjana Peluang Pekerjaan Baharu

Penumpuan akan diberikan kepada penciptaan peluang – peluang pekerjaan kepada golongan belia, mahasiswa menganggur serta menggalakkan penyertaan golongan wanita sebagai tenaga kerja;

NO SOALAN: 8

b) Menggalakkan Keusahawanan

Penumpuan akan diberikan kepada mewujudkan lebih banyak peluang keusahawanan di NCER melalui antaranya penyediaan *micro-credentials* bagi PKS;

c) Meningkatkan Pendapatan Isu Rumah

Penumpuan akan diberikan terutamanya bagi golongan B40 dan M40 untuk merapatkan jurang ekonomi di NCER;

d) Meningkatkan Peluang Pelaburan (Dalam dan Luar Negara)

Penumpuan akan diberikan kepada pemerksaan daya saing NCER untuk menarik kemasukkan pelabur serta meningkatkan penglibatan pelabur dalam aktiviti pembangunan di NCER.

Selain itu, NCIA juga telah mengenalpasti tiga (3) Teras Strategik Utama iaitu Pertumbuhan Ekonomi Yang Mampan (*Sustainable Economic Growth*), Merekayasa Pembangunan Sosial (*Social Re-engineering*), Pemuliharaan dan Pemeliharaan Alam Sekitar (*Conversation and Preservation of Environment*). Teras strategik ini adalah selaras dengan 3 dimensi pembangunan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK 12), 17 *Global Goals of Social Development Goals* serta tujuh (7) Teras Strategik Wawasan Kemakmuran Bersama iaitu:

- a. Ekosistem Perniagaan & Industri
- b. Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama
- c. Transformasi Modal Insan
- d. Pengukuhan Pasaran Buruh & Peningkatan Pampasan Pekerja

NO SOALAN: 8

- e. Kesejahteraan Sosial
- f. Keterangkuman Wilayah
- g. Modal Sosial

Inisiatif pembangunan berimpak yang tinggi dan *catalytic* juga telah dikenal pasti dan akan dilaksanakan untuk menerajui pembangunan di NCER.

Concentrated Decentralisation Strategy juga akan terus diadaptasi melalui 35 Zon Pembangunan Utama (*Key Development Zones*) yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan bagi memastikan pembangunan dilaksanakan secara inklusif, tidak hanya tertumpu di bandar-bandar besar dan dapat memberikan lebih banyak peluang ekonomi kepada penduduk di luar bandar.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Puan Siti Fatimah binti Yahaya minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan perbelanjaan yang telah ditanggung oleh pihak Kerajaan Persekutuan bagi negeri Pahang untuk :-

- (a) membayar elaun pengerusi dan anggota Majlis Pembangunan Komuniti Kampung (MPKK) pada tahun 2018 dan 2019; dan
- (b) menyalurkan peruntukan kepada MPKK bagi menjalankan program-program sepanjang tahun 2018 dan 2019 dan menganjurkan program diploma khas bagi pengerusi-pengerusi MPKK.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan berjumlah RM8,836,500 telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membiayai elaun MPKK Negeri Pahang pada tahun 2018 dan 2019 seperti berikut :

- (i) RM1,560,200 bagi tahun 2018 (bermula pada tarikh kuat kuasa MPKK iaitu Oktober 2018); dan
- (ii) RM7,276,300 bagi tahun 2019

Pada tahun 2018, tiada Pengerusi MPKK Negeri Pahang terlibat dalam program Diploma Eksekutif Pembangunan Luar Bandar (DEPLB). Manakala pada tahun 2019, seramai 75 Pengerusi MPKK Negeri Pahang telah menyertai program Diploma Profesional Pembangunan Luar Bandar (DPPLB) yang melibatkan peruntukan berjumlah RM222,860.

Bermula tahun 2019, KPLB juga telah menyediakan peruntukan kepada MPKK bagi pelaksanaan Geran MPKK yang bernilai tidak melebihi RM10,000 yang boleh dipohon bagi melaksanakan program dan aktiviti berkaitan peningkatan ekonomi, keceriaan dan kesejahteraan kampung.

Pada tahun 2019, sebanyak 517 Geran MPKK telah diluluskan bagi negeri Pahang dengan peruntukan berjumlah RM5,074,217.50.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil untuk menyeragamkan yuran-yuran yang dikenakan oleh pihak sekolah kepada ibubapa khususnya yuran PIBG.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memansuhkan bayaran tambahan persekolahan di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan berkuat kuasa mulai tahun 2012 melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 11 Tahun 2011: Pemansuhan Bayaran Tambahan Persekolahan Di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan bertarikh 3 November 2011.

Walau bagaimanapun bayaran atau kos yang ditanggung oleh ibu bapa adalah termasuk penyediaan keperluan asas seperti peralatan, pakaian, dan juga bayaran yuran makan asrama.

Untuk memastikan bahawa kutipan bagi bayaran keperluan asas tersebut tidak membebankan ibu bapa, Kementerian telah mengeluarkan Surat Siaran KPM Bilangan 4 Tahun 2011: Garis Panduan Kutipan/ Bayaran Keperluan Persekolahan Murid Di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan.

Berhubung bayaran bagi Persatuan Ibu Bapa-Guru (PIBG), Kementerian ingin menjelaskan bahawa bayaran tersebut adalah berbentuk sumbangan dan bukannya yuran. Sumbangan Persatuan Ibu Bapa-Guru adalah seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 5(4) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa-Guru) 1998. Kadar sumbangan adalah ditetapkan setelah mendapat persetujuan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu

NO SOALAN: 10

Bapa dan Guru dan berbeza-beza mengikut keperluan di sekolah masing-masing.

Namun begitu, kadar sumbangan tersebut hendaklah munasabah dan tidak membebankan ibu bapa. Sebelum kutipan dibuat, pihak sekolah hendaklah mengemukakan keputusan berhubung sumbangan tersebut kepada Pendaftar (Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri).

Pendaftar boleh memberikan apa-apa arahan secara bertulis tentang perjalanan kuasa atau penunaian kewajipan sebagai mana yang Pendaftar didapati suai manfaat, dan adalah menjadi kewajipan Persatuan atau anggota mematuhi arahan ini.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN NGA HOCK CHEH
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Tuan Nga Hock Cheh minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) sama ada terdapat sebarang undang-undang mengenai duti harta pusaka digunapakai terhadap harta pusaka si mati; dan
- (b) jika jawapan di atas adalah negatif, mengapakah Peraturan 4 Jadual 4 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (Akta 169) masih dikekalkan dalam undang-undang tersebut.

NO SOALAN: 11

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Enakmen Duti Harta Pesaka 1941, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sabah, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sarawak, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1965, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1971, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1979 dan Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1980 adalah dimansuhkan berkuat kuasa mulai 1 November 1991.

Walaupun enakmen/ordinan telah dimansuhkan, namun di bawah Peruntukan Kecualian Akta Kewangan 1992 (Akta 476) menyatakan bahawa “Pemansuhan undang-undang yang disebut dalam subseksyen (1) tidak menjejaskan kuatkuasa undang-undang tersebut terhadap mana-mana orang yang mati sebelum mula berkuatkuasanya pemansuhan undang-undang tersebut seolah-olah pemansuhan itu telah tidak dibuat”. Oleh itu duti harta pusaka masih dikenakan ke atas harta pusaka mana-mana individu yang meninggal dunia sebelum 1 November 1991.

Perenggan 4 Jadual 4 ACKHT pula mengecualikan suatu keuntungan yang sama banyak dengan amaun duti harta pusaka yang kena dibayar oleh waris/ pentadbir harta di bawah undang-undang yang berkaitan dengan duti harta pusaka tertakluk kepada Ketua Pengarah LHDN berpuas hati bahawa waris/pentadbir harta terpaksa melupuskan harta pusaka itu untuk membayar duti harta pusaka berkenaan.

NO SOALAN: 11

Memandangkan pada masa ini duti harta pusaka masih dikenakan ke atas harta pusaka mana-mana individu yang meninggal sebelum dunia sebelum 1 November 1991, maka perenggan 4 Jadual 4 ACKHT masih perlu dikekalkan dalam undang-undang.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah pendidikan politik dalam kalangan anak muda (belia) apabila meningkat umur 18 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bermula 2015 hingga kini, Kementerian Belia dan Sukan telah menganjurkan program Parlimen Belia Malaysia sebagai platform untuk anak muda meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkenaan sosialisasi politik. Ahli Parlimen Belia Malaysia juga didedahkan tentang bagaimana proses undang-undang digubal dengan bimbingan pelbagai pihak terutamanya oleh Parlimen Malaysia. Penyertaan sehingga kini adalah seperti berikut:

Sidang	Penyertaan
2015 – 2016	133
2017 – 2018	138
2018 – 2019	153

2. Seajar mendepani perubahan had umur mengundi, usaha ini akan dipergiatkan lagi bagi tahun 2020 dengan memberi pendedahan kepada pelajar sekolah seawal 14 tahun berkenaan asas demokrasi, kepentingan membuat pilihan dan kepentingan mengambil bahagian melalui Parlimen Belia Malaysia Peringkat Sekolah Menengah. Turut bakal dilaksanakan pada tahun 2020 nanti adalah Parlimen Belia Wanita.

NO SOALAN: 12

3. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman demokrasi di kalangan belia dengan melaksanakan Program Sekolah Rukun Negara. Program ini bertujuan untuk memberi dan meningkatkan pengetahuan generasi muda berkenaan konsep dan nilai demokrasi. Program ini telah dilaksanakan bermula 27 Julai 2019 sehingga 5 Oktober 2019 dan melibatkan peserta yang berumur 14 hingga 25 tahun dengan penyertaan seramai 2,819 anak muda di seluruh Malaysia. Konsep pelaksanaan program adalah berbentuk seminar atau *townhall* dan aktiviti simulasi pilihanraya yang dikendalikan dengan kerjasama SPR, SKMM dan Persatuan Pengundi Muda.
4. Program ini juga berfungsi sebagai platform untuk memberikan kesedaran tentang kepentingan semangat kenegaraan, patriotik, nilai-nilai politik dan tadbir urus negara di kalangan generasi muda.
5. Pelaksanaan program selama satu hari (bermula jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang) berbentuk *townhall* / seminar dengan empat modul adalah seperti berikut:
 - a. Rukun Negara
 - b. Suara Demokrasi Belia
 - c. Klik Dengan Bijak
 - d. Pendidikan Pengundi

NO SOALAN: 12

6. Kumpulan sasaran bagi program-program ini adalah seperti berikut:
 - a. Warga Malaysia yang berumur 14 - 25 tahun
 - b. Pelajar sekolah
 - c. Pelajar IPTA/ IPTS
 - d. Sekretariat Rakan Muda IPTA/S
 - e. Majlis Belia Negeri / Daerah
 - f. Persatuan-persatuan belia
 - g. Belia tidak berpersatuan
 - h. Kepelbagaian bangsa, kaum dan agama

7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi tahun 2020 satu inisiatif baru yang akan dilaksanakan oleh KBS yang dikenali sebagai Program Rukun Negara (PRN). Ianya bertujuan bagi meningkatkan pengetahuan belia bagi memahami konsep dan nilai demokrasi, mendidik belia celik minda, mendidik pemahaman berkenaan sistem demokrasi yang dilaksanakan di Malaysia melalui Pilihan Raya dalam menentukan pembentukan kerajaan serta memberikan kesedaran terhadap kepentingan semangat bernegara, cintakan tanah air dan nilai-nilai politik tadbir urus negara.

8. Program ini akan dikendalikan melalui empat (4) kaedah pelaksanaan iaitu Sekolah Rukun Negara, Kursus Rukun Negara, Simposium Rukun Negara dan Dialog / Forum Rukun Negara. Mensasarkan belia yang berumur 15 hingga 30 tahun, PRN akan berkonsepkan fun dan interaktif, dilaksanakan selama satu (1) hingga tiga (3) hari, 70% adalah aktiviti dan simulasi serta 30% melalui perkongsian maklumat. Program ini akan dilaksanakan di Institut Latihan Awam sedia ada.

NO SOALAN: 12

9. Program ini juga akan turut melibatkan kerjasama strategik dari pelbagai pihak termasuk Kementerian, Agensi dan Badan Bukan Kerajaan. Antara pihak yang terlibat adalah Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya, Akademi Pilihan Raya, Sekretariat Rakan Muda dan Sekretariat Rukun Negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Theodore Douglas Lind minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah Kementerian yang telah dan sedang dilaksanakan bagi membanteras berita palsu yang semakin berleluasa di media sosial.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, peruntukan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) adalah antara instrumen perundangan yang tergunapakai di dalam mengawal perekaan, penerbitan dan penularan kandungan atau berita tidak benar. Namun langkah pengemaskinian serta penambahbaikan terhadap peruntukan sedia ada akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan peruntukan undang-undang terbabit terus kekal relevan selaras peredaran semasa.
2. Secara umumnya, pihak yang menggunakan kemudahan atau perkhidmatan rangkaian seperti internet dan media sosial secara tidak wajar boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).
3. Satu jawatankuasa penguatkuasaan bersepadu yang dikenali sebagai “Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC” telah ditubuhkan bagi menerajui gerak kerja dan tindakan yang lebih strategik dan tersusun, termasuklah bagi perkara melibatkan isu kesalahan jenayah siber termasuklah berkaitan penyebaran kandungan, maklumat, berita atau laporan tidak benar atau palsu.

NO SOALAN: 13

4. Selain usaha bersifat penguatkuasaan, pelbagai program berbentuk kesedaran di seluruh negara turut dijalankan pihak SKMM. Program yang dijalankan antara lain bertujuan mendidik masyarakat dari aspek etika dan seterusnya bagi mengelakkan penyalahgunaan media sosial. Program yang dijalankan juga memupuk pengguna Internet agar lebih bertanggungjawab dan sama-sama mengekang maklumat atau berita palsu daripada terus disebar.

5. Pihak Kementerian melalui SKMM baru-baru ini juga telah menghubungkan semula jalinan kerjasama antara berbilang agensi melalui “Jawatankuasa Operasi Pengurusan Berita yang Tidak Ditentusahkan Dalam Talian” yang telah ditubuhkan bagi menyelaraskan koordinasi dalam menguruskan kandungan atau berita palsu. Kenyataan-kenyataan penafian atau penjelasan yang dibuat akan diterbitkan dalam portal Sebenarnya.my sebagai repositori kepada berita-berita yang telah ditentusahkan dan untuk menjadi sumber rujukan bagi orang ramai menentusahkan sesuatu berita yang tular.

6. Pada ketika ini juga, pihak Kementerian atau agensi Kerajaan yang lain juga dilihat memainkan peranan aktif dalam mengesan dan memantau penularan berita/maklumat yang tidak benar yang timbul atau menular (viral) melibatkan perkara-perkara yang berada di dalam ruang lingkup pengawalseliaan serta bidang kuasa mereka, seterusnya mengeluarkan kenyataan menjelaskan atau menafikan sebarang berita palsu dan mengelirukan melibatkan agensi dan Kementerian masing-masing, mahupun melibatkan perkara atau isu yang berada di dalam radar kawalselia mereka.

NO SOALAN: 13

7. Di samping itu, pelbagai program advokasi dan kesedaran telah dijalankan pihak SKMM di media dan di lapangan bagi menyokong inisiatif portal sebenarnya.my, memupuk kesedaran awam mengenai gejala berita palsu, serta pembudayaan amalan menyemak dan menentusahkan sesuatu berita.

8. Antara tahun 2018 sehingga Oktober 2019, sejumlah 60 kes telah disiasat oleh pihak SKMM berhubung penyebaran berita palsu, dan 5 daripadanya telah dihadapkan ke mahkamah.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN
MUSTAFA
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perbezaan antara jawatan gred UD41 'House Officer' dan UD41 'Medical Officer' Kontrak. Apakah alasan kedua-dua jawatan yang berbeza ini memegang status gred yang sama.

NO SOALAN: 14

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Graduan perubatan yang menamatkan pengajian perubatan akan dilantik ke skim perkhidmatan Pegawai Perubatan. Pada masa ini, pelantikan dibuat secara kontrak atas Gred UD41 bagi tujuan mereka menjalani latihan siswazah. Mengikut dasar yang diputuskan oleh Kerajaan pada Oktober 2016, Pegawai Perubatan yang menamatkan latihan siswazah dengan jayanya tetapi tidak dilantik tetap kerana tiada kekosongan perjawatan akan terus dilantik secara kontrak atas Gred UD41 bagi tujuan mereka melengkapkan tempoh khidmat wajib selama dua (2) tahun. Oleh yang demikian, tidak ada perbezaan antara Gred UD41 *House Officer* dengan Pegawai Perubatan Gred UD41 (*Medical Officer* Gred UD41) kerana pegawai masih kekal dilantik atas skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan masih lagi menerima kenaikan gaji tahunan mengikut yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah seni budaya masyarakat Siam yang telah diketengahkan oleh Kementerian melalui JKKN agar seni budaya masyarakat Siam diketahui umum dan dijadikan sebagai salah satu pertunjukan bersama dengan seni budaya rakyat Malaysia yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) sentiasa mengambil inisiatif dalam memelihara kesenian dan kebudayaan masyarakat Siam melalui pelaksanaan pelbagai program seperti berikut:

- (1) melaksanakan Program Perantisan Kesenian Masyarakat Siam yang bertujuan untuk memulihara, memelihara dan mengekalkan kesenian tradisional yang hampir pupus termasuk kesenian masyarakat Siam melalui pewujudan kumpulan pelapis dalam kalangan generasi muda yang mampu mengadakan persembahan melalui bimbingan menggunakan kaedah pembelajaran yang sistematik. Kesenian Menora telah diangkat sebagai Program Perantisan di Negeri Kelantan pada tahun 2014 hingga 2016 dan di negeri Kedah pada tahun 2017; dan
- (2) menjalankan aktiviti penyemarakan kesenian masyarakat Siam seperti berikut:
 - (i) Citrawarna Kelantan 2016 bertempat di Wat Sukhontharam, Tumpat;
 - (ii) Citrawarna Kelantan 2017 bertempat di Wat Sukhontharam, Tumpat;
 - (iii) Citrawarna Kelantan 2018 bertempat di Wat Pothihivan, Tumpat;

NO SOALAN: 15

- (iv) Perayaan Tahun Baharu Siam (Songkran) Peringkat Negeri Kelantan pada 13 April 2019 bertempat di Wat Chonprachumtad Kampung Dalam, Tumpat;
- (v) Persembahan Gendang Panjang Siam dalam Festival Kesenian Rakyat Kelate 2018;
- (vi) Persembahan Gendang Siam dalam Festival Kesenian Rakyat Kelate 2019;
- (vii) Temasya Orang Kedah 2019 pada 27 Julai 2019 bertempat di Taman Kota Nelayan, Kuala Kedah;
- (viii) Kerjasama bersama Astro untuk Dokumentasi “Amalan Ritual Dalam Persembahan masyarakat Siam” pada bulan September – Disember 2019;
- (ix) Kerjasama dengan penulis bebas TV3 dan RTM untuk Dokumentari “Menelusuri jejak peninggalan, pengekalan, perubahan, persamaan seni budaya masyarakat Siam dari Thailand sehingga ke Kedah”;
- (x) Mendokumentasikan foto rumah ibadat bagi mencerminkan seni bina yang indah di negeri Perlis sepanjang tahun 2019;
- (xi) Persembahan Kesenian Masyarakat Siam turut dijadikan sebahagian pengisian program Pesta Angin Timur Perlis pada 23 Mac 2018 bertempat di Kompleks DUN Perlis;
- (xii) Pesta Songkran pada 9 April 2018 bertempat di Dewan Warisan Kangar;
- (xiii) Persembahan Menora pada 30 Disember 2019 di Wat Guar Musang, Chuping.
- (xiv) Pesta Angin Timur Perlis 2019 pada 3 Mac 2019 bertempat Bersebelahan Kompleks DUN Perlis;

NO SOALAN: 15

- (xv) Pesta Songkran 2019 pada 21 April 2019 bertempat di Wat Jejawi; dan
- (xvi) Persembahan Adat Siam pada 15 Mei 2019 bertempat di Guar Nangka, Chuping.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar-pelajar mengikut kaum (sehingga November 2019) yang :-

- (a) berdaftar di sekolah harian (Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan, SBP, Kolej Vokasional dan SM Agama Persekutuan atau (SBPI) seluruh negara; dan
- (b) berdaftar di SJKC, SJKT, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Menengah Persendirian Cina di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Berdasarkan data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 30 November 2019, jumlah keseluruhan murid di lima (5) jenis sekolah adalah seramai 4,041,589 orang murid. Jumlah murid berdasarkan jenis sekolah adalah seperti berikut:

1. Sekolah Kebangsaan seramai 2,105,791 orang murid;
2. Sekolah Menengah Kebangsaan seramai 1,794,409 orang murid;
3. Sekolah Menengah Berasrama Penuh seramai 40,567 orang murid;
4. Kolej Vokasional 61,654 orang murid; dan
5. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama seramai 39,168 orang murid.

Daripada jumlah tersebut, bilangan murid mengikut kaum pula adalah seperti berikut, Melayu seramai 2,737,597 orang murid; Cina seramai 345,228 orang murid; India seramai 198,370 orang murid; Asli seramai 33,611 orang murid; Asal Sabah seramai 365,997 orang murid; Asal Sarawak seramai 242,265 orang murid dan lain-lain seramai 118,521 orang murid.

NO SOALAN: 16

- (a) Manakala jumlah murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina adalah seramai 519,624 orang murid, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil seramai 81,402 orang murid dan jumlah murid di Sekolah Menengah Persendirian Cina sehingga Jun 2019 seramai 81,214 orang murid.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status pencarian anak perempuan dan bekas suami Puan Indira Gandhi oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) selaras dengan kenyataan Ketua Polis Negara bertarikh 29 Julai 2019 dengan tajuk 'Police doubling efforts to locate Indira Gandhi's daughter and ex-husband, says IGP?' seperti yang telah dilaporkan oleh akhbar 'The Star'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sebaik sahaja Mahkamah Tinggi, Ipoh, Perak memberikan hak penjagaan ketiga-tiga anak kepada Puan Indira Gandhi pada 11 Mac 2010, pihak PDRM telah memulakan usaha mencari bekas suami Puan Indira iaitu Patmanathan A/L Krishnan atau Muhammad Ridzuan Bin Abdullah dan anak perempuan mereka yang dipercayai berada dalam jagaan Encik Muhammad Ridzuan pada ketika itu.
2. Pihak PDRM telah membuat semakan dengan rekod di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan telah membuat pemeriksaan di semua alamat yang pernah didiami oleh Encik Muhammad Ridzuan, namun dia didapati tidak lagi menginap di alamat-alamat tersebut.
3. Selanjutnya, pihak PDRM melalui Ketua Polis Daerah Ipoh telah membuat siaran akhbar pada 29 April 2016 memohon bantuan masyarakat untuk mengesan Encik Muhammad Ridzuan dan anak perempuan mereka. Namun sehingga kini tiada pihak yang tampil memberikan maklumat.
4. Encik Muhammad Ridzuan telah disenaraikan oleh pihak PDRM sebagai orang yang dikehendaki. Selain itu, namanya juga telah disenaraihitamkan dalam rekod Jabatan Imigresen untuk mengesan serta menangkapnya jika dia cuba melarikan diri keluar negara.

NO SOALAN: 17

5. Buat masa ini, Encik Muhammad Ridzuan dan anak perempuan mereka masih belum ditemui. Walau bagaimanapun, saya memberi jaminan bahawa usaha ini akan diteruskan sehinggalah mereka berdua ditemui.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah hasil kajian dan perundingan rasionalisasi SESB bersama Kerajaan Negeri Sabah. Apakah pelan tindakan untuk memastikan kemapanan kewangan SESB supaya ia dapat beroperasi dengan baik setelah pelaksanaan rancangan rasionalisasi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri Sabah telah melaksanakan kajian *due diligence* berhubung cadangan penyerahan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) kepada Kerajaan Negeri Sabah. Hasil kajian tersebut akan dibentangkan kepada Kementerian pada 13 Disember 2019 semasa mesyuarat bersama Menteri MESTECC dan Ketua Menteri Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. YAAKOB BIN SAPARI
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Dr. Yaakob bin Sapari minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan terdapat banyak bangunan sekolah-sekolah daif di negeri Sarawak. Berapa jumlah sebenar sekolah-sekolah kategori daif di Sarawak. Apakah langkah Kerajaan untuk menangani masalah bangunan sekolah ini dan berapa banyak bangunan sekolah boleh dibina setahun.

NO SOALAN: 19

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), bilangan sekolah di negeri Sarawak yang mempunyai bangunan daif dengan skala 6 dan skala 7 adalah sebanyak 606 buah sekolah iaitu melibatkan 571 buah sekolah di skala 6 dan 35 buah sekolah di skala 7.

Pelaksanaan naik taraf dan pembanguanan semula sekolah daif di negeri Sarawak melibatkan 198 buah sekolah dengan peruntukan berjumlah RM678.97 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI). Untuk pelaksanaan projek daif bagi tahun 2018, sebanyak 116 buah sekolah daif telah dinaik taraf di Sarawak dengan peruntukan sebanyak RM416.58 juta. Sehingga 17 Oktober 2019 sebanyak 123 buah sekolah telah siap dibina dan telah digunakan manakala baki 73 sekolah lagi masih dalam peringkat pelaksanaan termasuk 17 buah dalam proses tender semula. Baki dua (2) projek sekolah lagi dijangka akan ditender pada akhir Disember 2019. Untuk makluman, projek-projek sekolah daif ini adalah sekolah yang berskala 7 dan telah disahkan tidak selamat untuk digunakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Khusus bagi pelaksanaan naik taraf dan pembanguanan semula sekolah daif di Sarawak yang diluluskan di dalam peruntukan pembangunan RM350 juta (Fasa 1) di bawah peruntukan khas bayaran balik RM1 billion Sarawak, terdapat 37 buah projek yang terlibat di mana 22 projek sedang di dalam

NO SOALAN: 19

proses perolehan, manakala baki 15 projek sedang di dalam proses reka bentuk akhir dan dijangka akan ditender pada akhir Disember 2019.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian akan menugaskan dan mewajibkan Pegawai Hal Ehwal Islam di setiap agensi dan aktiviti seni budaya bagi mempertingkatkan syarat patuh syariah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada ketika ini, Kementerian telahpun mempunyai dua (2) orang Pegawai Hal Ehwal Islam yang boleh memainkan peranan dalam memberikan khidmat nasihat dan pandangan berhubung kepatuhan syariah bagi setiap aktiviti seni budaya yang dianjurkan oleh Kementerian ini, Jabatan atau Agensi di bawahnya. Kementerian ini tidak bercadang untuk menempatkan Pegawai Hal Ehwal Islam di setiap agensi memandangkan pegawai sedia ada mampu melaksanakan peranan dengan baik dan ini juga dapat mengelakkan berlakunya kos tambahan kepada Kementerian dan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ISA BIN AB. HAMID
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah Kampung Orang Asli yang belum menerima projek air terawat dan perancangan serta bajet untuk menyediakannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

Isu bekalan air terawat di perkampungan Orang Asli menjadi fokus utama JAKOA bagi memastikan masyarakat Orang Asli menikmati kemudahan asas yang terbaik dan tidak tercicir dari arus pembangunan negara.

Sehingga November 2019, sebanyak 81% iaitu 698 buah kampung telah menerima bekalan air terawat manakala hanya 155 buah kampung Orang Asli sahaja yang belum menerima bekalan air terawat dengan anggaran jumlah peruntukkan yang diperlukan berjumlah RM230 juta bagi menyediakan kemudahan asas tersebut. JAKOA sentiasa berkolaborasi dengan pelbagai agensi seperti Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menyediakan bekalan air terawat di perkampungan Orang Asli.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jaminan terhadap pendapatan pesawah padi dengan pelaksanaan model koperasi dalam projek penggabungan tanah sawah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pelaksanaan penyatuan tanah ini akan hanya melibatkan penyatuan pengurusan tanah tanpa sebarang pengambilalihan atau pertukaran hak milik tanah pesawah. Cadangan penyatuan tanah ini bukan sahaja dengan hasrat untuk meningkatkan produktiviti hasil, tetapi yang lebih utama juga adalah bahawa manfaat daripadanya harus diraih oleh kelompok tuan tanah dan pesawah yang terlibat itu, selain juga kepentingan Kerajaan sendiri. Faktor kejayaan utama bagi penyatuan tanah adalah penerimaan pesawah dan tuan tanah terlibat.
2. Program penyatuan tanah ini boleh melibatkan beberapa model pengurusan ladang secara berpusat mulai peringkat penanaman, penuaian sehingga ke pemasaran. Buat masa ini, Kerajaan berusaha mengetengahkan idea penyatuan pengurusan ladang yang akan diuruskan oleh satu badan pengurusan samada seperti syarikat *Special Purpose Vehicle* (SPV) atau koperasi. Buat masa ini, beberapa program sedia ada di bawah Projek Pemacu Pertanian (PPP) seperti *Entry Point Project*, EPP#10 dan EPP#11 boleh diambil sebagai asas pelaksanaan konsep penyatuan tanah ini. Konsep penyatuan tanah ini akan memberi kesan positif kepada pemilik tanah sawah terutamanya yang bersaiz kecil apabila pengurusan tanah ini disatukan di bawah satu badan pengurusan.

NO SOALAN: 22

3. Antara jaminan terhadap pendapatan pesawah padi dengan pelaksanaan model koperasi dalam projek penyatuan tanah sawah adalah seperti berikut:
- i. Keseragaman dalam pengurusan estet padi secara efisien;
 - ii. Pengurangan kos pengeluaran padi berdasarkan pelaksanaan program penyatuan tanah dilaksanakan secara berpusat selain menjimatkan sumber seperti input;
 - iii. Menambah pengeluaran hasil padi melalui pelaksanaan projek secara berskala besar dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan pesawah; dan
 - iv. Meningkatkan kecekapan pengurusan ladang di mana aktiviti penanaman padi dilaksanakan secara seragam dan mematuhi syor yang ditetapkan seperti jadual penanaman dan *Rice Check*.
4. Agensi berkaitan boleh memainkan peranan dalam aspek penggemblengan tenaga kerja, penyelarasan jadual gerak kerja, pengagihan sumber dan input, khidmat bimbingan dan pemasaran. Melalui penyatuan tanah, sawah milik petani didaftarkan melalui PPK untuk menjadi satu kawasan pengeluaran padi yang luas dan tersusun. Dengan pelaksanaan aktiviti persawahan secara sistematik dan mendisiplinkan peladang kepada amalan pengurusan ladang yang baik (myGAP), hasil padi dapat ditingkatkan secara optima yang

NO SOALAN: 22

akhirnya akan menjana peningkatan pendapatan kepada pemilik tanah dan pesawah.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD
SALLEH
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah sambungan internet jalur lebar mengikut kawasan parlimen di Terengganu dan berapakah jumlah peruntukan projek jalur lebar di pinggir bandar untuk negeri Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kerajaan melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar dan luar bandar di seluruh negara termasuk di Negeri Terengganu. Sehingga kini, sebanyak 28,484 sambungan tersedia melalui projek SUBB dan RBB manakala 3,120 sambungan lagi dalam peringkat pelaksanaan. Pecahan mengikut parlimen adalah seperti jadual di bawah.

Terengganu - Parlimen	Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) (sambungan)	
	Siap	Pelaksanaan
Besut	3,080	16
Dungun	5,320	1,148
Hulu Terengganu	3,392	92
Kemaman	2,616	68
Kuala Nerus	2,344	-
Kuala Terengganu	1,616	-
Marang	4,368	1,796
Setiu	5,748	-
Jumlah	28,484	3,120

NO SOALAN: 23

Sehingga kini, sebanyak lebih RM860 juta telah diperuntukkan di Negeri Terengganu menerusi Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat (PPS) melalui pelbagai inisiatif termasuklah pembinaan menara komunikasi baharu, penaiktarafan stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada, SUBB dan RBB, pusat internet, penaiktarafan jaringan gentian optik, dan sistem kabel dasar laut yang menghubungkan Besut ke Pulau Perhentian.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LEE TIAN SING
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Lee Tian Sing minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil selain daripada insentif graduan untuk mengelakkan peningkatan kadar pengangguran yang juga boleh disebabkan inti pati kursus yang tidak sepadan dengan permintaan pasaran. Adakah Kementerian akan merombak semula pendidikan tinggi supaya mengikut permintaan pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap program-program yang hendak ditawarkan oleh universiti awam. Pihak universiti awam mestilah menjalankan kajian analisis yang terperinci terhadap program-program akademik yang hendak ditawarkan, dijumudkan, dibekukan atau dilupuskan supaya hanya program yang menjadi fokus dan keperluan guna tenaga negara sahaja yang ditawarkan.

Program akademik yang hendak ditawarkan juga mesti mengambil kira keperluan guna tenaga dan bidang kritikal yang telah dikaji dan dibentangkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perangkaan Malaysia, ILMIA, Talentcorp, dan lain-lain agensi berkaitan yang turut hadir dalam mesyuarat saringan awal dan perakuan program. Ini bagi memastikan program akademik yang hendak ditawarkan dapat memenuhi keperluan guna tenaga negara dan tidak berlaku lambakan graduan dalam bidang-bidang dan pekerjaan yang tidak diperlukan.

Kementerian dan universiti awam melaksanakan transformasi penawaran program akademik universiti awam bagi memastikan program akademik yang hendak ditawarkan merupakan program yang relevan, terkini dan mempunyai kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi 2u2i, *work based learning* dan sebagainya. Pihak Kementerian juga memberi penekanan kepada universiti awam supaya menyemak semula program akademik sedia ada sama ada masih relevan dan bersesuaian dengan keperluan pasaran.

NO SOALAN: 24

Program akademik yang tidak mempunyai permintaan yang tinggi, tidak menepati kehendak pasaran dan industri, tidak berdaya saing, rendah kadar kebolehpasaran graduan serta tidak bersifat *nation building*, akan dijumudkan atau dilupuskan. Manakala, program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah program yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan, tiada duplikasi program akademik sedia ada dalam kalangan institusi pendidikan tinggi (IPT), implikasi kewangan, perjawatan dan fizikal serta perkembangan polisi dan dasar terkini negara berkaitan bidang pendidikan tinggi agar relevan, berdaya saing serta memenuhi keperluan industri semasa selari dengan IR 4.0 melalui penubuhan Jawatankuasa Transformasi Program Akademik Universiti Awam.

Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Tinggi sentiasa memastikan bahawa pengisian pembelajaran di peringkat universiti adalah selari dengan permintaan pasaran pekerjaan dan keperluan industri. Pelbagai program kerjasama yang terjalin antara pihak industri dan kementerian dengan bermatlamat ke arah meningkatkan kebolehpasaran graduan telah dilaksanakan dan berfokus kepada program berimpak tinggi.

Antaranya adalah melalui pengenalan *Academia Talent Exchange Programme (AixCHANGE) :CEO@ Faculty Programme*, di mana pelajar-pelajar didedahkan dengan perkongsian pengalaman dan kemahiran kolaborasi antara akademia dan pihak industri, melalui syarahan dan slot interaksi dengan pelbagai tokoh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan industri-industri terkemuka antarabangsa serta tempatan. Pada tahun

NO SOALAN: 24

2019, program ini telah berjaya mendapat penyertaan seramai 64 orang CEO yang terdiri daripada pelbagai sektor industri.

Selain aspek akademik, pihak kementerian mengetengahkan elemen kasih sayang (*love*), kebahagiaan (*happiness*), saling hormat menghormati (*mutual respect*) dan manusiawi (*humanity*) di dalam diri pelajar IPT melalui pelaksanaan program-program kokurikulum yang dijalankan.

Antara program berimpak tinggi yang akan /telah dilaksanakan adalah Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM), Debat Diraja, Konvensyen Pemimpin Mahasiswa Islam IPT (*ISLC*) dan Anugerah Tokoh Siswa. Selain itu, program seperti Kembara Siswa Patriotik, misi kesukarelawanan, MyInovasi, *ROBOCON*, *Gap Year*, *International Student Sports Carnival (ISSC)* dan penglibatan pelajar melalui badan-badan beruniform seperti Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS), Kor Siswa/Siswi Pertahanan Awam (Kor Sispa) dan Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM) dilihat mampu memperkukuhkan lagi nilai-nilai jati diri pelajar seterusnya meningkatkan nilai kebolehpasaran graduan.

Pihak kementerian menaruh harapan yang tinggi agar segala pendekatan yang telah / akan dilaksanakan ini dapat membina jati diri dan kekuatan diri pelajar IPT seterusnya mampu memberi nilai tambah kepada graduan dalam menghadapi alam pekerjaan yang mencabar.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk John Ambrose minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kaedah terbaik/inisiatif untuk mengatasi isu vandalisme dan kerosakan kemudahan terutamanya di apartmen kos rendah yang masih berterusan dan membimbangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Isu vandalisme dan kerosakan kemudahan terutamanya di apartment kos rendah sentiasa menjadi perhatian dan isu ini perlu ditangani secara serius oleh semua pihak.
2. Antara kaedah penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu vandalisme ini adalah dengan menggubal Dasar Komuniti Negara (DKomN) yang bertujuan untuk menangani isu sosial perumahan di peringkat komuniti setempat, khususnya di kawasan perumahan berstrata kos rendah di seluruh negara.
3. Objektif utama DKomN adalah untuk mendayaupayakan (*empowering*) komuniti setempat supaya mereka boleh melibatkan diri secara aktif dalam pengurusan dan penyelenggaraan harta awam dan harta bersama yang merupakan sebahagian daripada tempat tinggal mereka. Ini selaras dengan Kluster 3 Dasar Komuniti Negara di bawah Strategi 3.1 dan 3.3 di mana Kerajaan ingin memastikan persekitaran hidup yang selamat dan terjamin serta memperkukuh jalinan kerjasama sosial antara komuniti dengan pihak berkaitan dalam usaha memastikan isu keselamatan diberi keutamaan di apartment kos rendah khususnya PPR.

NO SOALAN: 25

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan tidak akan dapat menyelesaikan isu vandalisme dan kerosakan kemudahan di apartment kos rendah tanpa kerjasama semua pihak terutamanya penghuni yang tinggal di perumahan berstrata kos rendah awam dan swasta serta komuniti setempat. Selain itu, pihak pengurusan sama ada pengurus harta yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan badan pengurusan bersama (JMB)/ perbadanan pengurusan (MC) juga perlu memainkan peranan dalam memastikan kemudahan bersama dijaga dengan baik. Antara inisiatif yang boleh diambil oleh pihak pengurusan atau komuniti setempat adalah dengan menggunakan khidmat pengawal keselamatan dan juga pemasangan CCTV.
5. Penglibatan dan kerjasama penduduk juga amat penting untuk membantu pihak pengurusan (pengurus harta/JMB/MC) menyelesaikan isu vandalisme dan kerosakan kemudahan. Sebagai contoh, penduduk boleh mengambil inisiatif dengan melaksanakan kaedah rondaan malam secara berjadual. Kaedah ini sedikit sebanyak akan membantu pihak pengurusan untuk menangani isu vandalisme dan kerosakan kemudahan.
6. Pihak pengurusan (pengurus harta/JMB/MC) juga boleh mengadakan kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai inisiatif untuk menangani isu vandalisme dan kemudahan kerosakan di apartment kos rendah. Mana-mana orang yang melakukan vandalisme boleh didakwa melakukan kesalahan khianat di bawah Seksyen 425 Kanun Keseksaan [Akta 574] dan seterusnya boleh dihukum penjara

NO SOALAN: 25

selama tempoh sehingga maksimum 5 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 426 Akta 574 jika sabit kesalahan.

7. Akhir sekali, kerjasama semua pihak amat diharapkan bagi menjayakan inisiatif/kaedah yang dinyatakan di atas dan seterusnya dapat menangani isu vandalisme dan kerosakan kemudahan di apartment kos rendah yang masih berterusan dan membimbangkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan membuat perkadaran komik di Malaysia mengikut kategori dan mengharamkan komik berunsurkan lucah di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian Dalam Negeri melihat tiada keperluan untuk membuat perkadaran (klasifikasi) buku komik di negara ini. Ini berbeza dengan amalan sebahagian negara yang memerlukan pengklasifikasian dibuat memandangkan penerbitan yang terdapat kandungan lucah (*explicit contents*) adalah dibenarkan. Selain itu, sekiranya keperluan untuk membuat perkadaran (klasifikasi) dilaksanakan, ia dikhuatiri akan melambatkan proses penerbitan sesebuah karya kerana perlu melalui proses penapisan terlebih dahulu.

Dasar semasa Kementerian Dalam Negeri adalah jelas tidak membenarkan sebarang penerbitan yang mengandungi unsur lucah atau memudaratkan kemoralan untuk diedarkan di negara ini. Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa dijalankan ke atas semua bahan penerbitan termasuk komik-komik yang dijual di pasaran serta diimport dari luar negara. Mengikut statistik bahan penerbitan yang diimport untuk tahun 2019, sebanyak 477 tajuk telah dikenakan tindakan Tahan Penghantar Serahan dan 4 tajuk telah dikenakan tindakan Tolak Pengimportan. Sebahagian besar daripada penerbitan tersebut adalah komik berunsur lucah yang diimport dari Negara Jepun, Taiwan dan Hong Kong.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ALAN LING SIE KIONG
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah rancangan jangka panjang Kementerian untuk menjadikan Sarawak dan Sabah sebagai kawasan ekopelancongan yang menjadi tumpuan pelancong selaras dengan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah negara yang kaya dengan keindahan alam semula jadi, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah merangka Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 atau NEP sebagai hala tuju dalam memperkukuhkan pembangunan segmen ekopelancongan dan memastikan kelestarian produk ekopelancongan di seluruh negara. NEP menggariskan 19 strategi dan 86 pelan tindakan yang memfokuskan kepada pembangunan produk ekopelancongan di samping menonjolkan kepelbagaian budaya dan adat warisan masyarakat tempatan.

Bagi Negeri Sabah, sebanyak 8 kluster ekopelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan telah dikenalpasti iaitu:

- 1) Kota Kinabalu-Papar-Beaufort-Klias-Kuala Penyu;
- 2) Sandakan-Kinabatangan;
- 3) Kota Kinabalu-Kota Belud-Kota Marudu-Kudat;
- 4) Kota Kinabalu-Tambunan-Crocker Range Park Keningau-Tenom;
- 5) Kota Kinabalu-Tamparuli-Kundasang-Ranau;
- 6) Maliau Basin-Imbak Canyon;
- 7) Danum Valley-Tabin (Lahad Datu); dan
- 8) Tawau-Semporna-Mabul-Sipadan-Kunak

NO SOALAN: 27

Manakala di Sarawak pula, terdapat 9 kluster ekopelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan iaitu:

- 1) Lundu-Sematan-Telok Melano-Tanjung Datu;
- 2) Bako-Santubong-Kubah-Semenggoh-Bau-Padawan;
- 3) Sri Aman-Batang Ai-Ulu Sungai Menyang-Maludam;
- 4) Sibuh-Kapit-Tunoh-Baleh-Palagus;
- 5) Mukah-Daro-Pulau Brait-Tanjung Manis;
- 6) Bintulu-Bakun-Belaga-Lusong Laku-Nanga Merit-Murum;
- 7) Miri-Sibuti-Niah-Loagan Bunut;
- 8) Limbang-Mulu-Gunung Buda; dan
- 9) Lawas-Bario-Ba'kalalan-Baram.

Menerusi pembangunan kluster-kluster ekopelancongan, aktiviti pelancongan berasaskan komuniti atau *Community-Based Tourism* (CBT) diberi fokus terutamanya program homestay yang dapat dikembangkan serta dipromosi secara holistik. Pada masa yang sama destinasi-destinasi ekopelancongan di sepanjang kluster-kluster ini boleh dipromosikan sebagai destinasi pelancongan bersepadu yang seterusnya mampu menarik pelancong untuk tinggal lebih lama dan berbelanja lebih.

Berdasarkan NEP, kerajaan-kerajaan negeri digalakkan untuk menubuhkan *Destination Coordination Group* atau DCG bagi membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan dan pengurusan produk ekopelancongan, konservasi dan pemuliharaan alam semula jadi serta promosi dan pemasaran bersama agensi-agensinya kerajaan, pihak berkuasa tempatan, penggiat industri, badan bukan kerajaan dan komuniti setempat.

NO SOALAN: 27

Pada masa yang sama, Kerajaan juga menggalakkan lebih banyak projek pelancongan untuk menggunakan konsep konsesi bagi meningkatkan daya tarikan produk pelancongan menerusi pengurusan destinasi yang inovatif dan berdaya saing, seperti yang telah dilaksanakan di Taman Kinabalu, Sabah dan Taman Negara Gunung Mulu, Sarawak. Ini juga adalah selari dengan strategi Dasar Pelancongan Negara 2020-2030 yang memberi penekanan kepada kerjasama awam-swasta demi menarik lebih ramai pelabur tempatan dan antarabangsa untuk membangunkan produk-produk pelancongan negara.

Pembangunan kluster-kluster ekopelancongan memerlukan penglibatan dan kerjasama erat daripada semua pihak berkepentingan terutamanya di peringkat kerajaan tempatan bagi memastikan objektif Pelan Ekopelancongan Kebangsaan ini tercapai.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan
:-

- (a) berapakah jumlah hutang PTPTN yang belum dijelaskan oleh peminjam dan jumlah yang akan ditanggung oleh Kerajaan sekiranya bayaran ditangguh bagi peminjam gaji di bawah RM4000; dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji syarat kelayakan dan kadar pinjaman semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Oktober 2019, jumlah bayaran balik pinjaman PTPTN yang belum diterima atau tertunggak adalah sebanyak RM6.8 bilion yang terdiri daripada:

1. 658,529 peminjam yang bayar secara tak konsisten, dengan jumlah tunggakan sebanyak RM3.8 bilion; dan
2. 363,127 peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik dengan jumlah tunggakan sebanyak RM3 bilion.

Sekiranya dasar penangguhan bayaran balik bagi peminjam gaji di bawah RM4000 dilaksanakan, dianggarkan 68% peminjam tidak perlu membuat bayaran balik pinjaman mereka (gaji di bawah RM4,000), menjadikan unjuran kutipan bayaran balik pinjaman PTPTN berkurangan kepada RM920 juta, berbanding prestasi kutipan yang antara RM2 bilion hingga RM4 bilion setahun untuk tempoh 3 tahun terkini.

Tiada cadangan untuk mengkaji syarat kelayakan dan kadar pinjaman semasa dalam tempoh terdekat. Walau bagaimanapun ianya adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa PTPTN.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Puan Sopiah binti Sharif minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jenis-jenis bantuan yang telah disalurkan oleh Kementerian kepada nelayan-nelayan Sungai Chenaam, Nibong Tebal, Penang dari tahun 2018-2019. Sejauh manakah cadangan Kementerian untuk meningkatkan lagi bantuan subsidi petrol dan elaun nelayan kepada para nelayan di sana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian telah menyediakan pelbagai bantuan kepada nelayan dalam usaha untuk mengurangkan beban golongan sasar ekoran daripada kenaikan kos sara hidup dan operasi menangkap ikan. Secara keseluruhannya, dianggarkan sebanyak RM6.65 juta nilai bantuan telah disalurkan kepada nelayan di Sungai Chenaam, Nibong Tebal, Pulau Pinang dari tahun 2018 hingga 2019. Antara jenis-jenis bantuan tersebut adalah:
 - Pemberian elaun sara hidup kepada 1,328 nelayan dengan kos perbelanjaan sebanyak RM682.6 ribu.
 - Pembayaran insentif hasil pendaratan ikan berjumlah RM571.9 ribu kepada 799 buah vesel.
 - Penyaluran sebanyak 3.97 juta liter diesel bersubsidi dengan anggaran kos RM1.6 juta dan penyaluran sebanyak 9.67 juta liter petrol bersubsidi dengan nilai RM3.1 juta.
 - Pembayaran pampasan kepada 13 nelayan di bawah skim perlindungan insurans nelayan berjumlah RM40.7 ribu.

NO SOALAN: 29

- Pemberian bantuan bencana alam dan kebajikan nelayan kepada 155 nelayan dengan nilai sebanyak RM92.5 ribu.
 - Penyaluran bantuan sebanyak RM130.18 ribu bagi galakan pemasaran dan kerja-kerja naiktaraf infrastruktur Pasar Nelayan Sungai Chenaam.
 - Pembinaan jeti nelayan Sungai Chenaam dengan kos berjumlah RM427.8 ribu yang memberi manfaat kepada 100 nelayan.
2. Bagi menjawab pertanyaan mengenai cadangan Kementerian untuk meningkatkan bantuan subsidi petrol dan elaun nelayan, baru-baru ini Kerajaan telah meluluskan kenaikan kadar elaun sara hidup daripada RM200 kepada RM250 sebulan bermula pada tahun 2020. Manakala bagi petrol dan diesel, kadar subsidi kepada nelayan masih lagi dikekalkan. Namun begitu, peningkatan bantuan yang disediakan oleh Kementerian ini adalah tertakluk kepada kemampuan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan progresif dari pihak Kerajaan dalam memastikan khususnya golongan miskin bandar dan B40 secara keseluruhannya dalam menghadapi kadar inflasi yang dijangka lebih tinggi sedikit menjelang tahun 2020 berbanding tahun ini berdasarkan laporan dari Bank Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada 2019, kadar inflasi diunjur meningkat ke 0.9%.

Maklumat setakat bulan Oktober 2019 menunjukkan bahawa kadar inflasi di negara ini adalah terkawal dan tidak akan membawa kepada peningkatan kos sara hidup yang ketara bagi miskin bandar dan kumpulan pendapatan isi rumah 40% terendah (B40) pada tahun 2019 dan 2020. Inflasi keseluruhan bagi tempoh Januari hingga Oktober 2019 adalah 0.6% berbanding 1.1% bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan yang rendah ini disebabkan oleh penetapan harga petrol dan diesel pada kadar RM2.08 bagi RON 95 dan RM2.18 bagi diesel sejak Mac 2019. Inflasi bagi kawasan bandar dan golongan berpendapatan bawah RM3,000 masing-masing pula adalah 0.6% dan 0.5% bagi tempoh tersebut.

Inflasi dijangka berada pada kadar 2% pada 2020 terutamanya disebabkan oleh jangkakan pengenalan subsidi minyak bersasar. Peningkatan ini dijangka tidak memberikan kesan yang serius ke atas kenaikan harga barang dan perkhidmatan memandangkan kadar ini berada di bawah kadar purata jangka panjang sebanyak 2.5%. Unjuran inflasi ini tertakluk kepada perubahan kadar pertukaran asing dan ketidaktentuan harga minyak global berikutan ketegangan perdagangan dan geopolitik.

NO SOALAN: 30

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar bahawa bantuan perlu diberikan bagi mengawal kos sara hidup bagi golongan B40 dan penduduk berpendapatan rendah di kawasan bandar. Antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan termasuklah:-

- meningkatkan liputan dan kualiti pengangkutan awam di bandar mahupun di kawasan luar bandar;
- menawarkan pas perjalanan pada harga RM100 untuk rakyat negara ini bagi penggunaan tanpa had dalam tempoh 30 hari bagi semua perkhidmatan pengangkutan rel dan bas yang disediakan oleh Rapid KL dan pas bulanan pada harga RM50 tanpa had perkhidmatan bagi bas Rapid KL termasuk perkhidmatan bas perantara MRT;
- mengkaji semula pengenaan tol lebuhraya;
- menanggung sebahagian besar kos persekolahan di sekolah Kerajaan dan memberikan pelbagai bantuan persekolahan kepada pelajar sekolah;
- menanggung sebahagian besar daripada kos pengajian di institusi pengajian tinggi awam;
- memberi pelbagai pinjaman dan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam atau swasta;

NO SOALAN: 30

- meneruskan usaha bagi meningkatkan kemahiran tenaga buruh berasaskan keperluan industri;
- meningkatkan produktiviti dalam sektor pertanian melalui penyediaan pelbagai bantuan untuk meningkatkan hasil;
- meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan di hospital dan klinik Kerajaan yang berkualiti untuk rakyat dengan sebahagian besar kos ditanggung oleh Kerajaan;
- meningkatkan bilangan rumah mampu milik;
- memastikan bekalan barangan makanan mencukupi terutamanya pada musim perayaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menambahbaik kriteria penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dengan memperluaskan skim ini meliputi 1.1 juta individu bujang berumur melebihi 40 tahun yang berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan. Sebagai tambahan, OKU berumur 18 tahun dan ke atas dengan pendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan juga layak menerima bayaran BSH. Individu bujang berumur 40 tahun ke atas dan OKU layak menerima sebanyak RM300.

NO SOALAN: 30

Sebagaimana sedia maklum, kos perubatan juga merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kos sara hidup rakyat. Justeru, Kerajaan telah memperkenalkan skim perlindungan kesihatan takaful percuma MySalam pada tahun 2019 yang memanfaatkan 4.3 juta individu sekiranya mereka menghadapi penyakit kritikal atau dimasukkan ke hospital. Bagi mereka yang disahkan menghidap penyakit kritikal, mereka akan menerima bayaran tunai sebanyak RM8,000. Manakala, bagi individu yang dimasukkan ke hospital kerajaan, mereka boleh menuntut bayaran penggantian pendapatan sebanyak RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari.

Skim ini telah ditambah baik oleh Kerajaan melalui Ucapan Belanjawan 2020 di mana perlindungan tersebut diperluaskan kepada 45 penyakit kritikal termasuk penyakit terminal dan polio berbanding 36 penyakit yang dilindungi pada masa ini. Semua penerima isi rumah BSH yang berumur antara 18 hingga 65 tahun dilindungi secara automatik dan percuma berbanding sehingga 55 tahun sahaja sebelum ini. Penambahbaikan ini dijangka memanfaatkan 1.5 juta individu. Manakala Individu yang mempunyai pendapatan kasar tahunan sehingga RM100,000 akan menerima bayaran penyakit kritikal sebanyak RM4,000 dan bayaran penggantian pendapatan sebanyak RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari apabila didiagnos dan dimasukkan ke hospital kerajaan yang dijangka memanfaatkan 5 juta individu.

Bermula tahun 2020 juga, golongan B40 yang berusia antara 40 hingga 60 tahun layak menerima Skim Peduli Kesihatan (PeKa B40) yang menyediakan pemeriksaan dan intervensi awal bagi mengesan penyakit tidak berjangkit seperti kesihatan mental dan kanser.

NO SOALAN: 30

Kerajaan komited dalam membantu golongan yang memerlukan terutamanya golongan B40. Justeru, pelbagai inisiatif sedang dikaji dan diteliti bagi memastikan subsidi/insentif/bantuan benar-benar sampai kepada golongan yang memerlukan dan bersasar agar sumber kekayaan negara dapat diagihkan dengan lebih adil dan saksama.

Kerajaan melalui Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri sedang merangka Pelan Perlindungan Sosial Kebangsaan bagi menilai semula keberkesanan bantuan kewangan dan kebajikan. MySPC merupakan badan induk penyelarasan dasar dan program perlindungan sosial bagi memperkasakan sistem perlindungan sosial negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga akan terus menguruskan ekonomi dan kewangan awam negara dengan baik dan berkesan bagi memacu pembangunan ekonomi negara yang sihat dan mapan serta berkualiti. Ini termasuk memastikan kemahiran tenaga buruh yang memenuhi keperluan industri dan pasaran serta mencapai produktiviti yang tinggi. Perbelanjaan Kerajaan yang cekap dan berkesan serta produktif dari segi pelaksanaan dan pencapaian hasil yang dimatlamatkan oleh Kerajaan juga adalah penting. Pengurusan ekonomi yang baik dan mantap dijangka dapat membantu meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan rakyat serta mengurangkan kos sara hidup yang ditanggung oleh rakyat.

NO SOALAN: 30

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN
ABDULLAH
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah cadangan bagi menarik perhatian pelancong dari dalam dan luar negara ke Kedah dan apakah Kerajaan bercadang mewujudkan Taman Tema dan Rekreasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui agensinya Tourism Malaysia sentiasa dan akan terus mempergiatkan usaha untuk menarik lebih banyak kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa ke destinasi-destinasi pelancongan di seluruh Malaysia termasuk ke negeri Kedah.

Ini termasuklah penyertaan dalam pameran MATTA Travel Fair pada 15 hingga 16 Mac 2019 dan 6 hingga 8 September 2019 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Malaysia International Travel Mart (MITM) Travel Fair pada 9 hingga 11 Ogos 2019 di Mid Valley *Exhibiton Centre*, dua sesi Tourism Malaysia Travel Mart 2019 pada 14 Mac 2019 di Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur dan 5 September 2019 di PWTC dan *Corporate Travel Bazaar* yang berkonsepkan *business to business* (B2B) pada 10 Oktober 2019 di Hotel Pullman Bangsar, yang disertai pengusaha-pengusaha pelancongan dari seluruh negara termasuk dari negeri Kedah.

Penyebaran maklumat terkini mengenai produk dan perkhidmatan pelancongan di setiap negeri termasuk negeri Kedah kepada pelancong-pelancong juga dilaksanakan secara terus menerus melalui Pejabat - Pejabat Tourism Malaysia Wilayah dan 20 Pusat Penerangan Pelancongan (*Tourist Information Center*) di seluruh Malaysia serta melalui laman media sosial seperti *Instagram*, *Facebook* dan *Twitter* milik Tourism Malaysia.

NO SOALAN: 31

E-risalah Kalendar Acara-Acara Pelancongan juga telah dimuat naik di laman web Tourism Malaysia dan boleh diakses oleh orang ramai bagi mendapatkan maklumat berkenaan acara-acara pelancongan utama yang akan diadakan di setiap negeri sepanjang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

Diperingkat antarabangsa pula, Tourism Malaysia terus bergiat aktif mempromosikan destinasi dan produk pelancongan Malaysia di luar negara. Ini dibuat melalui penyertaan dalam pameran pelancongan atau aktiviti-aktiviti promosi oleh pejabat Tourism Malaysia luar negeri. Antara aktiviti promosi yang disertai Tourism Malaysia adalah seperti ASEAN Tourism Forum (ATF), International Tourism Borse (ITB) di Berlin, Jerman, Arabian Travel Mart (ATM) di Dubai, United Arab Emirates dan World Travel Market (WTM) di London, United Kingdom. Tourism Malaysia turut menjemput negeri-negeri termasuk negeri Kedah bagi menengahkan produk pelancongan negeri untuk dipromosikan dan dipakejkan dengan pengusaha pelancongan di dalam dan luar negara.

Di era media sosial dan dalam industri 4.0 ini, Tourism Malaysia terus aktif mempromosikan destinasi negeri-negeri di Malaysia melalui laman media sosial. Sehingga Julai ke September 2019, laman facebook telah mencatatkan seramai 3.38 juta pengikut dengan '*post impression*' sebanyak 5.77 juta. Begitu juga dengan laman *instagram*, Malaysia telah menerima sebanyak 4.98 juta '*post impression*' dengan pengikut melebihi 90 ribu. Kerjasama seperti mempromosikan destinasi dan produk pelancongan yang unik di laman web dan media sosial ini mendapat perhatian daripada

NO SOALAN: 31

pelancong yang ingin menerokai sesuatu destinasi yang baru dan pengalaman yang berbeza.

Pejabat Tourism Malaysia luar negeri juga terus aktif mempromosi destinasi pelancongan negara melalui penganjuran seminar pelancongan dengan menjemput pengusaha-pengusaha pelancongan, persatuan, kelab dan juga pengamal media tempatan. Sebagai contoh pada 27 November 2019, satu program seminar pelancongan dan sesi B2B telah diadakan di Hat Yai, Thailand bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai masyarakat Selatan Thailand melancong ke Malaysia melalui pintu masuk di sempadan.

Tuan Yang di-Pertua,

Negeri Kedah sememangnya terkenal dengan pulau peranginan Langkawi yang menggamit kedatangan pelancong-pelancong domestik dan antarabangsa. Namun, pihak Kementerian komited untuk terus mempromosikan produk-produk pelancongan lain di Kedah supaya manfaat pelancongan diterima oleh keseluruhan negeri Kedah. Program Pengalaman Homestay Malaysia merupakan satu inisiatif Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) untuk menggalakkan dan meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar dalam sektor pelancongan dan kebudayaan secara pelancongan berasaskan komuniti (*community-based tourism*). Bagi mempromosi produk ini, satu lawatan ke Daerah Yan sempena penganjuran program Ekspresi Media 2019 dari 8 hingga 11 Julai 2019 yang turut melawat Gunung Jerai, Homestay Kampung Raga dan Batas Ubi Deer Farm yang melibatkan 23 orang media termasuk *blogger*.

NO SOALAN: 31

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah merangka Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 sebagai hala tuju dalam memperkukuhkan pembangunan segmen ekopelancongan dan memastikan kelestarian produk ekopelancongan di seluruh negara termasuklah bagi negeri Kedah.

Antara kluster ekopelancongan yang telah dikenalpasti di bawah Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 adalah Kluster Ekopelancongan Sungai Petani-Ulu Muda, Langkawi Geopark-Pulau Payar dan Jitra-Alor Setar-Gunung Jerai yang mempunyai tarikan-tarikan pelancongan seperti Muzium Padi, Hutan Lipur Rekreasi Tupah, Lembah Bujang, Ladang Nipah Kipli, Ladang Mempelam Tobiar dan Gunung Keriang yang berpotensi dibangun dan dipromosi secara bersepadu di Kedah. Menerusi pembangunan kluster ekopelancongan ini, aktiviti ekopelancongan di negeri Kedah dapat dibangunkan secara holistik dan meliputi inisiatif 'Community Based Tourism' (CBT) dalam kluster tersebut. Pembangunan secara kluster pastinya dapat menarik lebih ramai pelancong untuk melawat, tinggal lebih lama dan seterusnya berbelanja lebih.

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa sekarang ini, terdapat 2 buah Taman Tema Air di negeri Kedah iaitu Taman Tema Air The Carnival, Sungai Petani dan Fantasia Aquapark, Jitra. Terdapat 1 lagi Taman Tema Air yang akan mula beroperasi dalam masa terdekat iaitu Taman Tema Air Splash Out, Pulau Langkawi.

NO SOALAN: 31

Kementerian dan Kerajaan Negeri Kedah sentiasa mengalu-alukan pelaburan daripada syarikat swasta yang berminat membina lebih banyak Taman Tema dan Rekreasi di negeri ini bagi menarik perhatian lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara ke negeri Kedah.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' CHAI KIM SEN
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Dato' Chai Kim Sen minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah permohonan kewarganegaraan kanak-kanak yang masih ditangguhkan dan apakah rancangan untuk mempercepatkan proses ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2013 sehingga 2018 sebanyak 50,512 permohonan kewarganegaraan telah diterima di pejabat JPN seluruh Malaysia. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak 32,270 permohonan kewarganegaraan masih dalam proses dan pertimbangan di peringkat JPN dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KDN telah memuktamadkan pengemaskinian prosedur pengendalian standard (SOP) permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan bagi individu berumur bawah 21 tahun. SOP berkenaan yang akan dilaksanakan bermula tahun hadapan, mengandungi mekanisme pemakluman kepada pemohon berkaitan sebab-sebab sesuatu permohonan kewarganegaraan itu ditolak serta tempoh pemprosesan permohonan kewarganegaraan.

Tempoh pemprosesan permohonan kewarganegaraan yang lengkap diterima bermula pada tahun hadapan adalah seperti mana berikut:-

- a. Di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN): tiga (3) bulan, 14 hari; dan
- b. Di Kementerian Dalam Negeri (KDN): lapan (8) bulan.

NO SOALAN: 32

Penambahbaikan SOP berkenaan adalah berdasarkan kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan *Citizenship Rules* 1964 [LN82/1964] serta turut mengambil kira pelbagai aspek termasuklah kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L
SOMASUNDARAM
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah wang dan harta milik 1MDB yang dirampas setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Setakat ini, jumlah wang dan harta melibatkan kes 1MDB yang telah dirampas adalah berjumlah RM960,686,059.18. Ini adalah termasuk wang tunai dan harta yang telah selesai dibuat lucuthak di Malaysia, Singapura dan Amerika Syarikat. Walaubagaimanapun, jumlah ini tidak termasuk hasil penjualan kapal mewah Equanimity dan juga jet peribadi Bombardier. Selain itu, pihak SPRM juga ada membuat lucuthak melibatkan kes Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. (anak syarikat berkaitan 1MDB) berjumlah RM1,132,419,002.00.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan senarai kawasan yang bakal ditempatkan bas elektrik dan apakah mekanisme untuk melaksanakannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan pada masa ini sedang dalam peringkat perancangan dan perbincangan awal berkaitan dengan inisiatif penyediaan perkhidmatan bas elektrik di Malaysia. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, inisiatif ini adalah merupakan salah satu usaha dan komitmen berterusan Kerajaan untuk menambahbaik dan menyediakan satu sistem pengangkutan awam yang menyeluruh, berkesan dan juga mesra kepada alam sekitar kepada seluruha rakyat Malaysia.

2. Bagi memastikan semua pelaburan yang bakal dibuat adalah mencapai objektifnya, berdaya saing, boleh dilaksanakan dan untuk jangka masa panjang, Kementerian akan membangunkan satu *blueprint* pelaksanaan dan pembangunan ekosistem bas elektrik yang mampan di Malaysia. Proses pembangunan *blueprint* ini dijangka akan mengambil masa tiga bulan. Antara lain, *blueprint* ini akan menjadi panduan yang lengkap ke atas pelaksanaan bas elektrik di Malaysia, dengan mengambil kira aspek pembangunan infrastruktur, pembangunan sumber manusia, impak pelaksanaan, garis panduan pelaksanaan dan pelaburan yang diperlukan bagi membangunkan satu ekosistem yang lengkap bagi menyokong pelaksanaan untuk jangka masa yang panjang.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO'
SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah insentif yang ditawarkan oleh pihak PTPTN kepada peminjam yang membuat pembayaran balik pinjaman pengajian ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN telah menyediakan/ melaksanakan pelbagai insentif bagi membantu peminjam membayar balik pinjaman mereka, seperti:

1. Pelaksanaan tempoh *Grace Period* selama 12 bulan selepas tamat pengajian, di mana peminjam tidak perlu membuat bayaran balik dan tidak dikenakan kos pentadbiran/ Ujrah sepanjang tempoh tersebut;
2. Kemudahan pengstruktur semula pinjaman mengikut kemampuan bayaran balik oleh peminjam;
3. Kelulusan penangguhan bayaran balik pinjaman sehingga maksimum 24 bulan bagi peminjam yang belum bekerja;
4. Pengecualian bayaran balik pinjaman bagi peminjam golongan B40 dan M40 yang cemerlang; dan
5. Insentif pelepasan cukai kepada majikan yang membantu membuat bayaran balik pinjaman bagi pihak pekerja.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan selain daripada pembinaan projek lebuh raya TransBorneo, apakah persiapan dan rancangan Kerajaan bagi memastikan negara khususnya Sabah dan Sarawak mendapat pulangan positif daripada keputusan kerajaan Indonesia untuk memindahkan ibu negara mereka ke daerah Kalimantan Timur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, tumpuan Kerajaan adalah ke arah memastikan pembangunan yang seimbang dilaksanakan merentasi wilayah dan negeri. Ia adalah penting bagi memastikan supaya setiap lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan yang adil dan saksama serta kesejahteraan semua rakyat terjamin berdasarkan konsep Kemakmuran Bersama atau "*shared prosperity*".
2. Cadangan pemindahan pusat pentadbiran dari Jakarta ke Kalimantan oleh pihak Indonesia dijangka akan memperkukuh hubungan serta merancakkan lagi aktiviti ekonomi antara kedua-dua negara. Kerajaan berpandangan bahawa cadangan perpindahan pusat pentadbiran ini bakal memberi kesan limpahan kepada pertumbuhan ekonomi di kawasan sekitar yang terlibat, khususnya di Sabah dan Sarawak. Menyedari perkara ini, perancangan serta pelaksanaan program dan projek-projek yang berimpak dan bernilai tinggi akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi pertumbuhan ekonomi negeri dan peningkatan kesejahteraan penduduk di Sabah dan Sarawak.
3. Di bawah platform Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA), pelbagai perkara dibincangkan khususnya untuk meningkatkan kesalinghubungan (*connectivity*) antara wilayah dan juga mengurangkan jurang kemiskinan antara penduduk wilayah BIMP-

NO SOALAN: 36

EAGA. Dokumen *BIMP-EAGA Vision 2025* (BEV2025) telah menetapkan halatuju strategik pembangunan kerjasama serantau ini serta menetapkan sasaran untuk menjadi sebuah wilayah yang berdaya saing dan mampan. Di bawah BEV2025, sebanyak 72 Projek Infrastruktur Utama (PIP) telah disenaraikan dengan anggaran kos sebanyak AS\$23 bilion untuk dilaksanakan di keempat-empat negara anggota BIMP-EAGA. PIP ini merangkumi projek seperti pembinaan jalan raya, landasan keretapi, pembangunan lapangan terbang dan pelabuhan.

4. Antara usaha yang dilaksanakan melalui platform BIMP-EAGA termasuk penaiktarafan pos sempadan Tebedu, Sarawak dan Entikong, Kalimantan Barat kepada pintu masuk Antarabangsa dan peluasan Pelabuhan Kontena Teluk Sapangar di Sabah untuk merancakkan industri logistik di wilayah ini. Usaha juga diambil bagi menambah baik kesalinghubungan antara wilayah melalui pembinaan Lebuh raya Pan Borneo serta pembinaan jalan menghubungkan Kalabakan dan Serudong di Sabah sepanjang 40km yang diluluskan peruntukan sebanyak RM600 juta melalui Belanjawan 2020.
5. Pada masa sama, Kerajaan komited untuk meneruskan projek-projek infrastruktur yang dijangka boleh meningkatkan hubungan dagang di antara Malaysia dan Indonesia. Projek infrastruktur yang sedang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) seperti Pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay, Kelompok Industri Berasaskan Kelapa Sawit di Lahad Datu dan

NO SOALAN: 36

Sandakan, Taman Perindustrian Samalaju, Pusat Hab Halal Tanjung Manis, dan projek Baram – *Integrated Highland Agriculture Station* dijangka akan memberi lebih banyak peluang perdagangan di antara rakyat Sabah dan Sarawak dengan rakyat Kalimantan, Indonesia, seterusnya berpotensi meningkatkan pendapatan rakyat dan ekonomi negara.

6. Kerajaan juga menyokong usaha RECODA untuk membangunkan kawasan Tunoh sebagai sebuah bandar baharu yang berpotensi dimanfaatkan susulan cadangan pemindahan ibu kota Indonesia ke Kalimantan. Dalam hal ini, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan telah pun memperuntukkan RM5 juta untuk pelaksanaan Kajian Pusat Bandar Baharu Tunoh. Kajian tersebut telah siap pada April 2019 ini menunjukkan bahawa kawasan Tunoh yang belum diterokai, berpotensi untuk dibangunkan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi baharu di Sarawak. Kajian juga mendapati bahawa pelbagai sektor ekonomi termasuk perladangan, pertanian, penternakan dan pelancongan boleh dibangunkan di Tunoh. Kerajaan Persekutuan akan bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk mengenalpasti strategi, inisiatif dan pelan tindakan yang bersesuaian untuk membangunkan industri fokus di Tunoh yang dijangka akan memberi limpahan ekonomi kepada masyarakat setempat.
7. Justeru, melalui sokongan penyediaan infrastruktur, Kerajaan Negeri adalah disaran untuk mengambil peluang sepenuhnya untuk mempromosikan negeri Sabah dan Sarawak sebagai pusat perdagangan utama kepada rakyat Indonesia di Kalimantan. Peluang

NO SOALAN: 36

kerjasama perdagangan dengan rakyat Indonesia khususnya di Kalimantan ini perlu diterokai kerana terdapat potensi yang besar untuk rakyat Indonesia melabur dan memasarkan produk-produk tempatan mereka melalui Sabah dan Sarawak. Peluang perdagangan yang bersifat menang-menang (*win-win situation*) ini seharusnya diambil sepenuhnya oleh rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak dan bakal memberi impak ekonomi yang positif kepada negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN
MUSTAFA
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap produk yang menggunakan logo halal yang mengelirukan pengguna sama ada barangan dari dalam atau luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 memperuntukkan kesalahan kepada mana-mana peniaga yang memperihalkan halal termasuk penggunaan logo halal Malaysia tanpa mendapat perakuan halal daripada JAKIM atau Majlis Agama Islam Negeri. Begitu juga bagi produk import, penggunaan logo halal selain daripada badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM juga menjadi suatu kesalahan di bawah Perintah yang sama.

Dalam usaha bagi memastikan peniaga tidak menggunakan logo halal secara palsu atau mengelirukan, Kementerian melaksanakan tiga (3) pendekatan penguatkuasaan, iaitu:

1. Tindakan proaktif dengan menjalankan pemeriksaan secara berkala ke atas premis-premis perniagaan dan mengadakan operasi bersepadu bersama JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri;
2. Tindakan reaktif iaitu dengan menjalankan penyiasatan ke atas aduan-aduan yang diterima berkaitan halal dan juga isu halal yang tular di media massa; dan
3. Tindakan preventif (pencegahan) iaitu dengan membuat hebahan umum berkaitan logo halal yang sah melalui media sosial rasmi

NO SOALAN: 37

Kementerian dan juga membuat publisiti media ke atas operasi-operasi yang telah dijalankan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. NUIING JELUING
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk menangani masalah dadah di negara ini. Berdasarkan statistik, terdapat peningkatan drastik dalam bilangan penagih dadah dan perkara ini menunjukkan langkah-langkah kawalan semasa tidak berkesan. Apakah langkah-langkah tambahan yang akan dilaksanakan untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sentiasa komited dalam usaha menangani isu penyalahgunaan serta penagihan dadah di seluruh negara. Berdasarkan statistik perbandingan sehingga Oktober 2019, bilangan Orang Kena Pengawasan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 telah menunjukkan penurunan sebanyak 11.04% iaitu daripada 59,187 kes pada tahun 2018 kepada 52,651 pada tahun 2019.

Untuk menangani masalah dadah di negara kita dan memastikan jumlah penagih dadah terus menurun, Kerajaan sentiasa melaksanakan usaha berterusan. Antara langkah-langkah terkini yang diambil adalah seperti berikut:

i) Program Pencegahan Berasaskan Komuniti

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaksanakan pendidikan pencegahan menggunakan 4 strategi iaitu Keluarga Bebas Dadah, Komuniti Bebas Dadah, Institusi Pendidikan Bebas Dadah dan Tempat Kerja Bebas Dadah. Program *Community Empowerment* turut dilaksanakan untuk menggerakkan masyarakat setempat serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menangani permasalahan penagihan dadah.

NO SOALAN: 38

Selain itu, AADK telah memperkenalkan Projek Rintis Menangani Masalah Penyalahgunaan Dadah, Substan dan Pelencongan Sosial di 12 kawasan berisiko tinggi yang membabitkan penyertaan 9 Kementerian, 15 Agensi dan NGO. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk membangunkan komuniti melalui penglibatan NGO, Kerajaan telah bersetuju untuk memperuntukkan sejumlah RM15 juta bagi melaksanakan Projek Rintis AADK pada tahun 2020. Oleh itu, usaha memerangi dadah akan dipikul bersama dan diharapkan kerjasama bersepadu ini dapat memberi lebih impak positif kepada jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah kepada masyarakat.

- ii) Melaksanakan “Program Hijrah” kepada Orang Kena Pengawasan (OKP)

Di bawah program rawatan dan pemulihan, AADK telah melaksanakan “Program Hijrah”, di mana OKP akan dipindahkan ke dalam komuniti yang bukan tempat asal mereka, untuk memulakan kehidupan baru. AADK membantu golongan ini dengan menyediakan tempat tinggal dan menjalin kerjasama dengan pihak majikan untuk mendapatkan peluang pekerjaan kepada OKP. Mereka yang diambil bekerja ini secara tidak langsung mempunyai sumber pendapatan tetap selain dapat meneruskan kelangsungan hidup sekaligus membantu dari aspek psikososial dalam mengekalkan kepulihan sepanjang hayat.

NO SOALAN: 38

AADK juga telah menetapkan sasaran *Key Performance Indicator (KPI)* tahun 2019 iaitu 65% daripada jumlah klien yang telah menjalani program dapat kekal pulih selama 2 tahun. Sehingga Oktober 2019, seramai 13,016 Orang Kena Pengawasan telah menjalani program rawatan dan pemulihan dalam komuniti untuk tempoh 2 tahun. Daripada jumlah tersebut, seramai 7,495 (58%) OKP telah berjaya mengekalkan kepulihan.

iii) Pusat Gerakan Hotline AADK

Pusat Gerakan Hotline AADK (03-8911 2233) telah dilancarkan pada 28 Disember 2018 dan beroperasi 24 jam. Pusat Gerakan Hotline ini bertujuan untuk meningkatkan mutu serta perkhidmatan AADK dalam menangani aduan orang awam berkaitan penyalahgunaan dadah dan memberi khidmat nasihat berkaitan rawatan dan fasiliti AADK. Sehingga Oktober 2019, sebanyak 2,225 aduan telah diterima sejak penubuhannya. Semua aduan ini direkodkan dan disalurkan segera ke AADK Daerah bagi tindakan susulan.

Selain itu, bagi membendung aktiviti pengedaran dadah, Polis Diraja Malaysia telah membuat penilaian dan merangka pendekatan baru seperti berikut:

- i) Strategi '5M' sebagai teras utama iaitu:
 - a. menentang penyeludupan dadah;
 - b. menyekat penawaran dadah;

NO SOALAN: 38

- c. memperhebatkan jaringan nasional dan antarabangsa;
 - d. memperkukuh dan meningkatkan pelaksanaan pelucuthakan harta;
dan
 - e. menjadi rakan kepada rehabilitasi.
- ii) Menjalankan 'Operasi *Ice Breaker*' bermula pada pertengahan tahun 2019;
- iii) Melaksanakan 'Operasi *Damn Tokan*' bagi menggempur rangkaian pengedaran dadah secara agresif; dan
- iv) Melancarkan talian *Whatsapp* 'Hotline JSJN' (012-2087222) yang beroperasi 24 jam bagi membolehkan maklumat pengedaran dadah daripada orang awam disalurkan secara terus kepada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Bukit Aman.

Negara kita sepertimana negara-negara lain di dunia, mengakui bahawa dadah merupakan suatu isu yang memerlukan usaha yang berterusan bagi melindungi masyarakat daripada ancaman dadah. Bagi memastikan masalah dadah di negara kita terus terkawal dan dapat ditangani dengan lebih berkesan, Kerajaan akan terus mempertingkatkan kerjasama strategik dengan badan-badan bukan Kerajaan dan pihak-pihak yang prihatin dengan membanteras penyalahgunaan dadah di negara ini.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI
MAHAMAD
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit kronik yang mendapat rawatan di hospital Kerajaan dan berapakah bilangan Pakar Perubatan dan Personel Perubatan yang terlibat serta kos tanggungan pembiayaan rawatan pesakit ini bagi tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan menyedari bahawa beban penyakit kronik *non communicable diseases* (NCD) seperti diabetes dan darah tinggi dalam kalangan masyarakat amat membimbangkan. Survei Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) yang terkini pada tahun 2015 menganggarkan bahawa sebanyak 17.5% atau 3.6 juta rakyat Malaysia menghidapi kencing manis atau diabetes. Survei ini juga menganggarkan sebanyak 30.3% rakyat Malaysia menghidapi penyakit darah tinggi.

Mengikut *National Health and Morbidity Survey 2015*, 59.3% daripada pesakit diabetes mendapat rawatan di klinik kesihatan Kerajaan, 20% di hospital Kerajaan dan selebihnya di fasiliti swasta. Untuk pesakit darah tinggi pula, 58.3% mendapat rawatan di klinik kesihatan Kerajaan dan 17.7% di hospital Kerajaan manakala selebihnya di fasiliti swasta.

Berdasarkan data daripada *National Diabetes Registry* yang memantau pesakit diabetes di klinik kesihatan dan hospital terpilih KKM, terdapat 875,278 pesakit diabetes aktif yang mendapat rawatan di fasiliti-fasiliti tersebut. Dalam pada itu, bilangan Pakar Perubatan dan Personel Perubatan di KKM sehingga 30 September 2019 untuk memberikan perkhidmatan kesihatan kepada orang ramai adalah seperti berikut:

- a) Pakar Perubatan seramai 5,314 orang;
- b) Pegawai Perubatan seramai 24,253 orang;

NO SOALAN: 39

- c) Pegawai Farmasi seramai 7,987 orang;
- d) Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi) seramai 160 orang;
- e) Pegawai Pengimejan (Juru X-Ray) seramai 169 orang;
- f) Juru X-Ray (Diagnostik) seramai 2,493 orang;
- g) Juru X-Ray (Terapi) seramai 249 orang;
- h) Jururawat seramai 65,117 orang;
- i) Penolong Pegawai Perubatan seramai 13,986 orang;
- j) Penolong Pegawai Farmasi seramai 4,101 orang; dan
- k) Jurupulih Perubatan (Fisioterapi) seramai 1,383 orang.

Sementara itu, maklumat mengenai kos rawatan penyakit kronik di fasiliti awam adalah rumit dan tidak dikumpul secara rutin dan sistematik. Pihak KKM pernah membuat anggaran kos rawatan untuk penyakit kronik diabetes dan/atau darah tinggi sebagai rawatan pesakit luar. Kos rawatan ini meliputi kos infrastruktur, konsultasi, ujian makmal dan ubatan. Namun, kos ini tidak meliputi kos rawatan pesakit dalam untuk merawat komplikasi penyakit kronik. Mengikut harga semasa bagi tahun 2019, anggaran kos tanggungan pembiayaan rawatan pesakit kronik di fasiliti Kerajaan adalah sejumlah RM 3.2 Billion.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI HUSAM BIN MUSA
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Haji Husam Bin Musa minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan jangka panjang memperkenalkan tanaman alternatif kepada para petani terutamanya kepada pekebun getah dan sawit memandangkan harga komoditi yang rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat prihatin terhadap nasib pekebun kecil sawit dan getah yang amat bergantung pada hasil sawit dan getah yang telah terjejas akibat paras harga komoditi pada masa ini. Oleh yang demikian, bagi mengurangkan tahap kebergantungan sepenuhnya kepada hasil sawit dan getah, Kementerian amat menggalakkan para pekebun kecil melaksanakan integrasi tanaman. Kaedah ini dapat memberi pendapatan tambahan kepada pekebun kecil sekiranya diamalkan secara sistematik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika sawit masih di peringkat umur 1 hingga 3 tahun, pelbagai jenis tanaman jangka pendek atau tanaman kontan (*cash crop*) boleh diintegrasikan di antara baris-baris sawit seperti pisang, betik, jagung, nanas, tembikai, kacang tanah, keledak, tebu kuning dan sayur-sayuran.

Bagi membolehkan integrasi tanaman dengan sawit dijalankan ketika sawit telah matang iaitu berumur lebih 3 tahun, MPOB telah membangunkan sistem tanaman sawit dikenali sebagai sistem tanaman sawit dua baris kembar. Sistem ini dapat meningkatkan penembusan cahaya matahari dan ruang untuk pelaksanaan integrasi tanaman dengan sawit. Melalui sistem ini, integrasi tanaman boleh dilaksanakan dalam jangka masa panjang dan tidak terhad ketika umur sawit masih muda. Antara tanaman jangka panjang yang sesuai diintegrasikan dalam sistem tanaman sawit dua baris kembar

NO SOALAN: 40

adalah salak, kenaf, buluh dan lain-lain yang berpotensi tinggi untuk menjana pendapatan lumayan kepada pekebun kecil disamping hasil utama buah tandan sawit.

Selain itu, bagi komoditi getah, Kementerian juga menggalakkan pelaksanaan amalan integrasi tanaman dan ternakan sebagai pendapatan sampingan. Pekebun kecil digalakkan untuk memilih tanaman seperti pisang, betik, nenas, durian dan buah salak. Selain itu, integrasi ternakan seperti lebah dan kelulut juga berpotensi untuk diusahakan bersama tanaman getah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian juga berpandangan bahawa buluh merupakan contoh tanaman selain daripada komoditi sawit dan getah yang berpotensi dibangunkan sebagai sumber baharu untuk diusahakan secara ladang komersial. Hasil tanaman berasaskan buluh ini mempunyai pelbagai kegunaan dan berpotensi meningkatkan pendapatan pengusaha. Sebagai contoh, rebung buluh boleh dijadikan bahan makanan yang popular di negara seperti Korea, Jepun dan China. Buluh juga turut digunakan dalam pembuatan arang, perabot dan bahan binaan yang mana kualitinya setanding dengan kualiti produk-produk kayu yang lain.

Pada tahun 2018, nilai pasaran dunia bagi buluh mencecah sehingga USD68.8 bilion yang kini didominasi oleh China, India dan Taiwan. Manakala nilai eksport Malaysia bagi produk berasaskan buluh adalah sebanyak RM

NO SOALAN: 40

9.9 juta. Namun begitu, industri buluh di Malaysia boleh dimajukan dan dikembangkan lagi di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan tindakan untuk memasukkan silibus khas mengenai pembangunan mampan seperti 17 Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals-SDG) bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pembangunan mampan dan pada masa yang sama melibatkan sekolah dalam membantu mencapai matlamat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pendidikan untuk pembangunan lestari atau *Education for Sustainable Development* (ESD) merupakan asas utama dalam hala tuju pendidikan kebangsaan. Bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pembangunan mampan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membangunkan pelan tindakan bagi mencapai matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDG) di bawah penyelarasan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) selaku Jawatankuasa Induk *SDG* Kebangsaan.

KPM telah menerbitkan Buku Panduan Kelestarian Global pada tahun 2016 yang menekankan aspek pelaksanaan penyatupaduan kelestarian global dalam mata pelajaran. Buku panduan tersebut berfokus kepada tiga elemen kelestarian global dan guru-guru perlu menggunakan ketiga-tiga elemen ini melalui aktiviti pengajaran dan pengajaran serta kokurikulum iaitu:

1. penggunaan dan pengeluaran lestari;
2. kewarganegaraan global; dan
3. perpaduan.

Pembangunan mampan merupakan antara komponen yang diberi penekanan sejak di peringkat prasekolah lagi melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan

NO SOALAN: 41

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi setiap mata pelajaran juga telah menggariskan penerapan elemen kelestarian.

Sebagai contoh, salah satu pengetahuan yang perlu diajar oleh guru seperti yang ditetapkan dalam DSKP KSSM bagi mata pelajaran Sains Tingkatan 1 adalah di bawah tajuk Tenaga dan Kelestarian Hidup. Selain itu juga, KPM sentiasa menggalakkan pihak sekolah untuk menganjurkan program berkaitan, di peringkat sekolah atau program kolaboratif dengan agensi berkaitan bagi membantu mencapai matlamat Pembangunan Mampan atau SDGs tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan impak kenaikan kos pengangkutan ke atas barangan pengguna pada 2020 apabila Kerajaan mula melaksana Program Subsidi Petrol (PSP) yang akan terus meningkatkan tekanan ke atas kos sara hidup rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Subsidi Petrol yang diumumkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 7 Oktober 2019 adalah program yang memberikan subsidi petrol terus kepada penerima yang layak dalam bentuk bantuan tunai. Bantuan tunai ini akan dikreditkan terus ke akaun penerima setiap 4 bulan sekali. Pembayaran pertama kepada penerima adalah pada bulan April 2020, pembayaran kedua pada bulan Ogos 2020 dan pembayaran ketiga pada bulan Disember 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

Barangan pengguna secara umumnya menggunakan kenderaan pengangkutan seperti lori dan penggerak utama kontena bagi tujuan penghantaran dari kilang atau gudang ke pasar raya dan kedai. Kenderaan tersebut semuanya menggunakan diesel sebagai bahan api dan bukannya petrol. Untuk makluman, Kerajaan akan terus melaksana program subsidi diesel bagi sektor pengangkutan darat barangan yang pada masa ini menikmati harga diesel pada RM2.18 seliter.

Oleh yang demikian, inferens oleh Yang Berhormat Senator bahawa pelaksanaan Program Subsidi Petrol akan menyebabkan kenaikan kos pengangkutan barangan pengguna adalah kurang tepat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ISA BIN AB. HAMID
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah kutipan pendapatan cukai SST sejak dilaksanakan pada tahun 1 September 2018 dan syarikat yang terlibat serta peruntukan yang dibelanjakan hasil dari SST tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah hasil cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang dikutip oleh Kerajaan bagi tempoh 1 September 2018 sehingga 30 November 2019 adalah sebanyak **RM31.451 bilion**. Jumlah syarikat berdaftar cukai jualan dan cukai perkhidmatan sehingga 30 November 2019 pula adalah sebanyak **67,068**.

Selaras dengan Perkara 97 Perlembagaan, segala hasil dan wang tidak kira bagaimana jua pun diperdapatkan atau diterima oleh Persekutuan, hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan termasuk hasil daripada kutipan cukai jualan dan cukai perkhidmatan.

Selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, semua Perbelanjaan Mengurus (OE) dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan. Justeru semua hasil yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan termasuk hasil cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang akan digunakan untuk menampung perbelanjaan OE termasuk Tanggungan (T) dan Bekalan (B) yang terdiri daripada perbelanjaan emolumen, bekalan dan perkhidmatan, pembelian aset, pemberian dan kenaan tetap dan lain-lain bayaran.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini bagi mewujudkan komuniti yang selamat daripada keganasan rumah tangga, termasuk memudahkan akses mangsa mendapatkan Emergency Protection Order (EPO) serta penyediaan tempat selamat termasuk di kawasan luar bandar dan kawasan terpencil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini sentiasa prihatin dan memandang berat terhadap masalah keganasan rumah tangga. Bagi memberi perlindungan yang lebih baik kepada mangsa, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] digubal untuk memberikan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

Langkah untuk melindungi mangsa keganasan rumah tangga telah dipertingkatkan melalui pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] pada tahun 2017 dengan melantik Pegawai Polis dan Pegawai Kebajikan Masyarakat sebagai penguat kuasa dan juga menjadualkan tugas Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diberi Kuasa untuk mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) untuk mangsa keganasan rumah tangga di bawah Akta 521. Pindaan kepada Akta tersebut bertujuan untuk mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa dan membantu memulihkan institusi kekeluargaan.

Mengikut seksyen 3A Akta 521, pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) diberi kuasa untuk mengeluarkan EPO yang boleh dimohon pada bila-bila masa. Permohonan EPO boleh dibuat di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang berdekatan. Permohonan EPO juga boleh dibuat secara *ex-parte* oleh mangsa, peguam mangsa, penjaga, saudara, orang yang bertanggungjawab kepada kanak-kanak atau orang dewasa

NO SOALAN: 44

tidak berkeupayaan atau seorang pegawai JKM selain pegawai JKM yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan penyediaan tempat selamat, pada masa ini terdapat 41 buah Tempat Selamat yang telah diluluskan oleh Menteri di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga di seluruh negara yang menerima mangsa keganasan rumah tangga buat sementara waktu. Orang awam terutamanya mangsa keganasan rumah tangga boleh menghubungi mana-mana PKMD yang berdekatan atau Talian Kasih 15999 untuk mendapatkan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, antara tindakan Kerajaan untuk mendukung usaha menangani masalah keganasan rumah tangga adalah melalui penubuhan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga peringkat Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang bertujuan untuk membincangkan isu keganasan rumah tangga, menyelaraskan pengumpulan data dan maklumat serta mencari tindakan penyelesaian terbaik dalam menangani keganasan rumah tangga. Mesyuarat Jawatankuasa yang pertama telah diadakan pada 28 November 2019 yang lalu, antara lainnya bersetuju supaya kerjasama antara agensi dan pihak-pihak terlibat dalam menangani keganasan rumah tangga perlu dipertingkatkan. Ini dilakukan bukan sahaja dalam aspek penyelarasan dan pengemaskinian standard operasi (SOP) tetapi juga melalui penyelarasan

NO SOALAN: 44

data-data bagi menangani keperluan dan tindakan sebenar yang perlu dipastikan keberkesanannya di lapangan.

Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga ini merupakan platform pemantauan dan penyelarasan usaha menangani kes keganasan rumah tangga antara agensi Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) di peringkat persekutuan, negeri dan juga daerah.

Kementerian berharap agar usaha menangani masalah keganasan rumah tangga ini adalah usaha bersama dan menyeru semua rakyat Malaysia termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Negara sendiri untuk melaporkan masalah keganasan rumah tangga yang mungkin berlaku di mana-mana sahaja bagi melindungi dan membantu mangsa untuk menjalani kehidupan dan kembali kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L
SOMASUNDARAM
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang berita yang disiarkan dalam akhbar Tamil di mana menteri telah mencadangkan untuk menukar status seluruh SJKT kepada SK bagi menikmati kemudahan bantuan Kerajaan sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan dan fasiliti yang lengkap kepada semua sekolah tanpa mengira aliran bagi menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif kepada semua murid termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) bantuan Kerajaan. Untuk itu, Kerajaan menyalurkan peruntukan mengurus dan bantuan sumbangan modal kepada sekolah bantuan kerajaan (SBK) tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Selain itu, Kerajaan juga menyalurkan peruntukan Bantuan Persekolahan kepada SBK berbentuk Bantuan Persekolahan Umum, Bantuan Persekolahan Khusus dan Bantuan Persekolahan *one-off* berdasarkan kadar/syarat yang ditetapkan, enrolmen murid di sekolah serta peruntukan yang diluluskan.

SBK yang bertukar status kepada sekolah kerajaan akan menerima peruntukan yang sama seperti sekolah kerajaan yang lain dan segala urusan pengoperasian sekolah termasuklah dalam aspek penyelenggaraan sekolah adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan sepenuhnya. Kementerian Pendidikan bersedia menimbang permohonan pertukaran status mana-mana SBK kepada sekolah kerajaan tertakluk kepada syarat dan tatacara yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Lim Pay Hen minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah tahap pencapaian indeks ketegangan etnik di Malaysia sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum ke-14; dan
- (b) adakah Kementerian akan melibatkan sesi konsultasi bersama Ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang dalam penggubalan akta-akta baharu seperti Akta Kebencian Agama dan Kaum, Akta Anti Diskriminasi dan Akta Suruhanjaya Harmoni dan Perdamaian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pilihan raya perlulah dilihat sebagai suatu tapak yang menstabilkan, mengintegrasikan (mencari kesepakatan dalam perbezaan) secara demokratik berbanding sebagai tapak yang memecah-belahkan atau memisahkan masyarakat.

Dalam konteks Pilihan Raya Umum (PRU) di Malaysia yang telah diadakan sebanyak empat belas kali, hanya satu sahaja keputusan PRU yang mengundang konflik iaitu pada tahun 1969. Sebaliknya, sejumlah 13 lagi PRU yang telah diadakan berjalan dengan lancar dan terkawal termasuk yang terakhir pada 9 Mei 2018. Tiada rusuhan yang dilakukan, tiada tempat awam yang dibakar dan tiada pengisytiharan darurat yang mencerminkan bahawa *Business as usual* di seluruh negara. Malah ramai rakyat yang mengambil kesempatan untuk keluar bercuti tanpa rasa gusar untuk meraikan cuti umum yang diberikan oleh Kerajaan Baharu pada dinihari keputusan PRU diketahui pada 10 Mei 2018.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) mulai tahun 2008 telah membangunkan suatu petunjuk iaitu Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) untuk mengukur tahap keharmonian dan perpaduan rakyat berdasarkan kepada bilangan kes atau insiden ketegangan yang dilaporkan setahun berbanding dengan jumlah penduduk Malaysia. Setiap petunjuk diberi wajaran meliputi bilangan

NO SOALAN: 46

kes / insiden seperti Keganasan Sosial (Keganasan dan Rusuhan), Keingkaran Sosial (Demonstrasi, Protes, Serangan, Pergaduhan Antara Kaum (Sumber data PDRM) dan Pertelingkahan (Isu semasa).

Pemantauan dilakukan oleh PERPADUAN terhadap isu-isu yang menimbulkan ketegangan masyarakat sebelum PRU14 bermula sejak awal 2018 tidak menampakkan intensiti isu-isu tegang yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian rakyat. Skor IKM sebelum PRU14 bermula Januari hingga Jun 2018 adalah 4.7 kes per sejuta penduduk.

Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan tahap ketegangan masyarakat selepas PRU14 apabila skor IKM untuk bulan Jun hingga Disember 2018 adalah 6.9 kes per sejuta penduduk. Peningkatan ini adalah susulan daripada tercetusnya insiden-insiden perkauman dan agama seperti bantahan umum terhadap ICERD, Perhimpunan Aman Keadilan Untukmu Adib dan Penghinaan terhadap Nabi Muhamad pada suku tahun kedua 2018.

Tahap ketegangan yang berlaku di Malaysia adalah bersifat “pasang surut” mengikut situasi semasa. Ada kalanya sesuatu isu perkauman dan agama yang tercetus akan membangkitkan kebimbangan dan mengundang kemarahan serta reaksi negatif dalam kalangan rakyat. Namun, apabila sesuatu isu tersebut berjaya ditangani secara bijaksana dan berhemah, isu tersebut akan mula menampakkan suasana reda dan seterusnya rakyat kembali kepada keadaan yang normal.

NO SOALAN: 46

Keseluruhannya, tahap hubungan kaum di Malaysia masih berada pada tahap ketegangan yang stabil (*stable tension*). Apa yang dimaksudkan sebagai ketegangan yang stabil adalah, apabila kita dapat melihat secara keseluruhannya rakyat boleh terus hidup secara aman dan harmoni, walaupun kadangkala terdapat pertelingkahan yang kecil melibatkan kumpulan tertentu. Walaupun wujud pertengkaran kecil, namun ianya berjaya diselesaikan dengan segera melalui proses perundingan dengan izin, “*we talk conflict, but we walk cohesion*”.

- (b) Kerajaan tiada hasrat untuk menggubal suatu akta spesifik iaitu Akta Kebencian Agama dan Kaum dan Akta Anti Diskriminasi. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019 telah memutuskan supaya draf Rang Undang-Undang (RUU) Akta Kebencian Agama dan Kaum yang pernah disediakan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) disemak semula. Berdasarkan hasil semakan dan penelitian tersebut kemudiannya, Kerajaan memutuskan agar beberapa peruntukan yang dicadangkan di bawah Akta Kebencian Agama dan Kaum diperkukuhkan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Hasutan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional iaitu suatu suruhanjaya bebas melalui RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional (*National Harmony and Reconciliation Commission Bill*) dengan membuat beberapa pindaan terhadap draf sedia ada dengan mengambil kira kewujudan lain-lain suruhanjaya serta skop bidang kuasanya di negara luar.

NO SOALAN: 46

PERPADUAN sedang mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh kerajaan, badan bukan kerajaan dan masyarakat sivil bagi mengenal pasti skop, fungsi dan kuasa-kuasa Suruhanjaya agar tiada pertindihan dengan suruhanjaya sedia ada seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang ditubuhkan melalui Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 [Akta 597]. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan bersifat telus (*transparent*) maka sudah pasti Ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang akan turut dilibatkan kelak bagi mendapatkan input bernas terhadap cadangan penubuhan Suruhanjaya tersebut.

Kertas Memorandum Jemaah Menteri berhubung cadangan penubuhan Suruhanjaya akan diangkat untuk kelulusan Kerajaan pada tahun 2020. Sekiranya cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional dipersetujui oleh Kerajaan, sesi libat urus akan diadakan bersama Jabatan Peguam Negara untuk mendraf Rang Undang-Undang Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional untuk tujuan pembentangan di Parlimen.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk John Ambrose minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan bagi memperluas bidang kuasa dan memperkasakan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) memandangkan faktor bahawa AADK memainkan peranan penting dalam usaha membasmi penagih dadah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) merupakan agensi utama dalam membasmi gejala penagihan dadah. AADK mempunyai peranan yang amat penting dan oleh itu, langkah-langkah berikut telah diambil untuk memperkasa AADK:

- i. Dasar Dadah Negara baru yang diluluskan pada tahun 2017 telah memperkasakan halatuju AADK dalam mewujudkan negara dan masyarakat Malaysia yang bebas daripada ancaman gejala dadah;
- ii. Mempertingkatkan keberkesanan pengurusan AADK dengan memberi peruntukan tambahan dan pengisian jawatan. Pada tahun 2020, peruntukan belanja mengurus AADK telah meningkat sebanyak 15% dari tahun 2019. Sebanyak 173 perjawatan juga telah diluluskan pengisian oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun ini; dan
- iii. Pemerksaan undang-undang melalui kajian pindaan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 bagi meningkatkan pelaksanaan program rawatan dan pemulihan kepada penyalahguna dadah.

Kerajaan sedar bahawa dalam menangani masalah dadah, AADK tidak mampu bergerak bersendirian. Oleh itu, tanggungjawab membasmi gejala penagihan dadah di peringkat komuniti harus dipikul bersama-sama oleh

NO SOALAN: 47

Badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor swasta dan masyarakat setempat. Dalam hal ini, AADK mempunyai peranan utama sebagai penggerak komuniti melalui langkah-langkah berikut:

- i. Mempertingkatkan aktiviti pencegahan dadah dengan kolaborasi antara agensi melalui Projek Rintis AADK. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk membangunkan komuniti melalui penglibatan NGO, Kerajaan telah bersetuju untuk memperuntukkan sejumlah RM15 juta bagi melaksanakan Projek Rintis AADK pada tahun 2020; dan
- ii. Memperkemarkan keberhasilan program pemulihan dengan memberi fokus kepada 178 kawasan berisiko tinggi penagihan dadah dengan menggerakkan komuniti bagi menjalankan program pencegahan bersama-sama AADK.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk memastikan penggunaan e-Wallet patuh syariah, tidak ada unsur gharar dan tidak membebankan pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Secara asasnya, Islam membenarkan dan menggalakkan inovasi dalam hal-hal transaksi kewangan. Galakan ini termasuk penggunaan instrumen yang inovatif bagi membolehkan pelanggan menikmati pengalaman pembayaran yang lebih cekap dan mudah. Sebagai contoh, inovasi pembayaran melalui pengenalan kad kredit berlandaskan Syariah oleh institusi kewangan semenjak tahun 2002, berikutan peningkatan penerimaan kad kredit sebagai instrumen pembayaran oleh orang ramai. Trend ini disusuli dengan pengenalan kad debit dan perbankan elektronik berlandaskan Syariah.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI
MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pertimbangan dalam menyediakan lebih banyak kursus pengenalan kepada pemandu lori dan kenderaan awam yang rata-rata keliru serta tidak tahu mengenai syarat pendaftaran PSV dan GDL perlu supaya perkara ini tidak menjadi isu yang boleh dipolitikkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Seksyen 56 dan 57 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) menyatakan bahawa semua pemandu kenderaan barangan dan perkhidmatan awam perlu mempunyai Lesen Memandu Vokasional. Pelaksanaan latihan dan ujian PSV (Teksi/ e-hailing) adalah dibangunkan melalui Jawatankuasa Pembangunan Modul Latihan Baharu Pemandu Teksi dan E-Hailing telah ditubuhkan pada 20 Oktober 2016. Jawatankuasa ini terdiri daripada agensi-agensi seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan pakar akademik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA).

2. Tindakan ini dibuat bagi menambahbaik modul latihan bagi lesen Memandu Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) sedia ada dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan pemandu teksi menerusi program latihan seterusnya menyokong inisiatif Program Transformasi Industri Teksi (TITP) selaras dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan pemandu e-hailing.

3. Pada masa ini, JPJ sememangnya telah menggunakan pelbagai kaedah untuk memastikan semua pemandu kenderaan barangan dan kenderaan perkhidmatan awam cakna mengenai keperluan pemilikan lesen memandu vokasional yang berkaitan dan syarat-syarat yang telah

NO SOALAN: 49

ditetapkan oleh Jabatan. Sebagai contoh, pemakluman kepada orang awam melalui media sosial, portal rasmi Jabatan dan juga melalui makluman di kaunter-kaunter Jabatan seluruh negara. Selain itu, maklumat berhubung keperluan dan syarat lesen juga boleh diperolehi terus dari semua institusi latihan pemanduan yang berdaftar dan diiktiraf oleh JPJ.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL
SINGH
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha yang dilaksanakan bagi mengatasi golongan belia yang terjebak dengan permasalahan era digital yang dikenali sebagai 'digital drug'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk membendung permasalahan era digital, Kementerian melaksanakan beberapa program yang secara tidak langsung berupaya menukar permasalahan tersebut ke arah positif seperti:
 - a. Program Pembangunan Usahawan Digital (*Young Heroes*) yang telah mula dilaksanakan semenjak tahun 2018. Penganjuran program ini bertujuan untuk meningkat dan mengembangkan pendapatan melalui perniagaan atas talian kepada usahawan-usahawan belia. Pada tahun 2019, seramai 115 orang usahawan belia telah menyertai program ini yang dilaksanakan sehingga bulan Oktober di semua zon di seluruh negara.
 - b. Kementerian juga telah merangka beberapa program pembangunan e-sports peringkat akar umbi dalam pencarian bakat baru bagi sukan ini. Pada tahun ini, KBS telah melaksanakan Pertandingan Esports peringkat Negeri bagi kategori FIFA19 dan PES19 di seluruh negeri bermula dari bulan Mac 2019 dan selesai pada bulan Jun 2019. Pemenang di pertandingan ini akan bertanding semula di Kejohanan Grand Final Esports FIFA19 dan PES19 pada 12 Oktober 2019 dan 13 Oktober 2019 bertempat di Dewan Sri Putra, KL Sports City. Program ini merupakan platform pencarian bakat baru dan pelapis bagi sukan ini. Ia juga merupakan pendedahan serta

NO SOALAN: 50

memperolehi pengalaman sebelum mereka menyertai mana-mana kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

- c. Kementerian sedang melaksanakan program Program E-sports @ IPT : Bengkel E-Skill ini mempunyai tiga elemen dalam bengkel iaitu kemahiran Streaming, perkongsian E-sports Medica dan pelaksanaan Mini Tournament. Program ini dilaksanakan di tiga (3) zon iaitu di Zon Selatan bertempat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka pada 23 – 24 November 2019, Zon Utara di UiTM Caw. Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh pada 30 November 2019 – 1 Disember 2019 dan Zon Timur bertempat di Universiti Malaysia Terengganu pada 6 – 7 Disember 2019. Sasaran peserta adalah pelajar IPT dan terbuka kepada orang awam.
- d. Bagi memastikan keseimbangan kesihatan di kalangan peminat E-Sports, Kementerian Belia dan Sukan bersama Pasukan E-Sports Medica mempromosikan *healthy gaming* dalam Bengkel E-Skill 2019. E-Sports Medica diketuai oleh Dr. Zatul-Iffah Binti Abu Hasan, Pensyarah Fakulti Sains dan Perubatan USIM dan dibantu oleh beberapa orang pakar perubatan dengan kepakaran dalam kesihatan mata, otak, tulang dan telinga.
- e. Universiti Islam Sains Malaysia telah mengambil inisiatif menjalankan kajian mengenai masalah ketagihan di kalangan pemain E-Sports. Mereka menamakan projek kajian ini 'E-Sports Medica' di mana ia merupakan gabungan tiga elemen iaitu

NO SOALAN: 50

'Esports', 'Medical' dan 'Academic'. Dalam Bengkel E-Skill 2019 ini pasukan e-medica memberi perkongsian dan garis panduan kepada peserta yang terdiri daripada belia di institut pengajian tinggi akan kaedah bermain sukan elektronik secara sihat dan secara tidak langsung peserta dijadikan duta kecil kempen *healthy gaming* dalam usaha membendung ketagihan dalam permainan video di kalangan belia.

- f. Selain itu, KBS juga telah membentangkan Pelan Strategik Pembangunan E-Sports pada 21 November 2019 di Universiti Malaya. Antara 5 strategi keutamaan adalah *towards responsible gaming and esports ethics* yang memfokuskan ke arah kempen *healthy gaming*. Di dalam strategi ini, golongan ibu bapa dan belia diberi pengetahuan tentang mengenal pasti simptom ketagihan dan bagaimana untuk mengawal tabiat tersebut sebelum ia menular menjadi ketagihan yang tidak dapat dibendung. Pemilik pusat siber juga akan diberikan garis panduan dalam mengekang pemain yang bermain secara berlebihan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah bilangan syarikat yang menyediakan perkhidmatan e-dompet. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan kecekapan (dan menggalakkan persaingan) syarikat-syarikat ini termasuk membenarkan perkhidmatan yang disediakan oleh semua syarikat e-dompet ini digunakan untuk membayar tol dan tambang pengangkutan awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Landskap pembayaran elektronik di Malaysia adalah kompetitif, dan sehingga November 2019, terdapat 47 pengeluar wang elektronik. Bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan pembayaran secara elektronik, satu infrastruktur pembayaran nasional iaitu Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (*Real-time Retail Payments Platform, RPP*) telah pun dibangunkan.

RPP berperanan menghubungkan akaun-akaun deposit bank dan akaun-akaun wang elektronik bagi membolehkan pengguna dan peniaga menerima pembayaran secara mudah dan pantas dengan hanya menggunakan nombor telefon bimbit, nombor kad pengenalan, nombor pendaftaran perniagaan atau kod *Quick Response (QR)*.

Peniaga yang ingin menerima pembayaran secara elektronik, contohnya pasaraya, pengendali lebuh raya dan syarikat pengangkutan awam boleh memilih penyedia perkhidmatan bank atau bukan bank mengikut keperluan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah kegiatan penyeludupan masuk sisa plastik tercemar ke negara ini yang di dalangi pihak tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian ini memandang serius terhadap isu kemasukan sisa plastik yang tidak mematuhi peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan syarat-syarat lain yang ditetapkan. Antara tindakan yang telah diambil bagi mengatasi isu tersebut adalah seperti berikut:
 - a. meningkatkan penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi penguatkuasaan yang berkaitan ke atas kilang kitar semula plastik samada yang beroperasi secara haram atau berlesen. Sehingga 30 November 2019, sebanyak 175 kilang kitar semula plastik yang tidak mematuhi AKAS 1974 telah dikenakan tindakan tahan operasi kilang;
 - b. menjalankan operasi bersepadu di pelabuhan-pelabuhan utama negara; dan
 - c. penubuhan Jawatankuasa Induk Pengurusan Skrap Plastik yang diterajui bersama MESTECC dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menetapkan pelan perancangan dan tindakan yang bersesuaian.

NO SOALAN: 52

2. Selain itu, kilang kitar semula sisa plastik yang berkaitan juga hendaklah mematuhi sepenuhnya standard seperti yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. JAS juga telah menetapkan polisi-polisi berikut bagi pematuhan kilang kitar semula sisa plastik di Malaysia:

- a. **Kilang baharu** kitar semula sisa plastik adalah tertakluk di bawah Aktiviti 14(b)(ii), Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 yang dikehendaki menyediakan Laporan Penilaian Alam Sekeliling (EIA);
- b. **Premis sedia ada** wajib memastikan semua komponen sistem kawalan pencemaran alam sekitar seperti Alat Kawalan Pencemaran Udara (AKPU) dan Sistem Pengolahan Effluen Perindustrian (IETS) beroperasi dengan baik dan diselenggara;
- c. Premis hendaklah terletak di dalam kawasan perindustrian;
- d. Sistem Kawalan Pencemaran Alam Sekitar ini perlu mematuhi standard seperti yang ditetapkan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974;
- e. Premis hendaklah mempunyai Orang Yang Berwibawa (*Competent Person*) bagi pemantauan dan pengendalian Alat Kawalan Pencemaran; dan
- f. Premis hendaklah sentiasa mengamalkan '*good housekeeping*'.

Bagi pelan jangka panjang, strategi JAS adalah seperti berikut.

- g. Kawalan dari segi penempatan, dimana hanya kilang yang terletak dalam kawasan industri sahaja akan disokong oleh JAS untuk mendapatkan lesen operasi dari Pihak Berkuasa Tempatan;

NO SOALAN: 52

- h. Memastikan pematuhan berterusan kilang dengan mempertingkatkan penguatkuasaan termasuk penguatkuasaan yang dijalankan secara bersepadu dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan;
 - i. Kawalan terhadap kualiti sisa plastik yang akan diproses dan kilang hanya dibenarkan beroperasi berdasarkan kapasiti/had sebenar sisa plastik yang dikendalikan; dan
 - j. Kilang perlu menggunakan kelengkapan kawalan pencemaran/teknologi yang lebih cekap untuk memastikan pematuhan secara berterusan.
3. Selain daripada operasi penguatkuasaan bersepadu di kilang kitar semula sisa plastik dan pelabuhan utama negara secara berterusan termasuk tindakan penghantaran balik kontena sisa plastik yang tidak memenuhi syarat pengimportan, Kementerian ini akan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:
- a. mewujudkan pasukan khas melibatkan pelbagai agensi berkaitan; dan
 - b. penyediaan pelan tindakan peringkat kebangsaan termasuk menambah baik prosedur penguatkuasaan dan penghantaran balik sisa plastik;
 - c. mengadakan sesi konsultasi bersama semua pihak berkepentingan; dan

NO SOALAN: 52

- d. meningkatkan kerjasama strategik dan perkongsian maklumat dengan negara lain, badan antarabangsa dan lain-lain di peringkat serantau dan antarabangsa.
4. Jabatan Alam Sekitar melalui Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim sedang menyediakan '*guidance document*' untuk rujukan kepada stakeholders yang berkaitan seperti pengeksport, pengimport, '*shipping liner*', '*forwarding agent*' dan juga agensi-agensu penguatkuasa mengenai kriteria dan maklumat yang perlu dipatuhi dan disediakan sebelum pergerakan merentasi sempadan sisa plastik dibenarkan.
5. Selain itu, selaras dengan keputusan *Meetings of the Conference of Parties (CoPs) to the Basel, Rotterdam and Stockholm Conventions* pada 29 April – 11 Mei 2019 di Geneva, Switzerland, maka sisa plastik akan disenaraikan di bawah *Annex II* di bawah Konvensyen Basel dan akan mula berkuatkuasa pada 1 January 2021. Ini akan membolehkan sebarang pergerakan merentasi sempadan sisa plastik dikawal melalui prosedur yang ditetapkan iaitu '*Prior Inform Consent*' di bawah Konvensyen Basel. Prosedur ini akan membolehkan Malaysia mengawal kualiti dan pematuhan premis yang akan mengimport sisa plastik berkenaan. Prosedur ini juga membolehkan '*competent authority*' negara pengeksport mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada '*competent authority*' di Malaysia sebelum sebarang pergerakan merentas sempadan sisa plastik berlaku.

NO SOALAN: 52

6. Malaysia juga akan bekerjasama dengan UK untuk membangunkan garis panduan pengimportan dan pengeksporan sisa plastik di antara Malaysia dan UK. Garis panduan tersebut kemudian boleh digunakan sebagai rujukan kepada negara-negara Eropah yang lain. Adalah diharapkan dengan adanya kerjasama antarabangsa seperti ini akan dapat membantu menyekat dan mengurangkan kes-kes pergerakan dan perdagangan haram buangan yang masuk ke negara ini.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LEE TIAN SING
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Lee Tian Sing minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang bakal diambil Institut Pengajian Tinggi Awam untuk melindungi kualiti dan prestasi pendidikan memandangkan peruntukan jumlah pelajar dari matrikulasi dan STPM telah meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyelaras sebanyak 58,000 permohonan secara purata bagi tempoh tiga tahun pada Sidang Akademik 2017/2018 hingga Sidang Akademik 2019/2020 bagi kemasukan ke peringkat Ijazah Pertama dari calon lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Matrikulasi dan Asasi. Purata penawaran bagi tempoh tiga tahun adalah sebanyak 46,000 (79%) calon. Penawaran tempat pengajian adalah tertakluk kepada bilangan tempat yang disediakan oleh Universiti.

Untuk mengekalkan kualiti dan prestasi pendidikan, KPM mengamalkan sistem meritokrasi di dalam pemilihan kemasukan pelajar ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan institut latihan kemahiran awam (ILKA) yang mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di IPTA. Calon-calon yang layak dan memenuhi syarat Am, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon oleh calon.

NO SOALAN: 53

Markah akademik di dalam pengiraan merit semasa proses pemilihan kemasukan bergantung sepenuhnya kepada penilaian yang dibuat oleh Bahagian Matrikulasi KPM dan Majlis Peperiksaan Malaysia. Kedua-dua bahagian ini berfungsi sebagai penentu ukur tahap kualiti penilaian dan prestasi pendidikan bagi memastikan kualiti akademik pelajar lepasan matrikulasi dan STPM adalah pada tahap tertinggi.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Paul Igai minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah sedang diambil untuk mencapai matlamat mengurangkan kebergantungan industri ke atas tenaga kerja asing kepada kadar tidak melebihi 15% pada tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu mengenai pengurangan kebergantungan industri ke atas tenaga kerja asing sentiasa menjadi perhatian pihak Kerajaan. Dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan industri ke atas tenaga kerja asing, pihak Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah seperti yang berikut:

- (i) penggajian pekerja asing dari mana-mana negara sumber hendaklah berlandaskan kepada keperluan sebenar industri dan sektor-sektor yang dibenarkan sahaja (*real industrial demand*);
- (ii) sektor-sektor berintensif buruh digalakkan untuk beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi di mana langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran untuk melahirkan 35% pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020.
- (iii) saringan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) akan memastikan hanya majikan yang berkeupayaan (*genuine*) dan mematuhi standard perburuhan seperti menyediakan kemudahan kediaman berserta kemudahan asas, pematuhan gaji minimum dan tiada rekod pelanggaran kes buruh sahaja akan dipertimbangkan untuk memohon pekerja asing

NO SOALAN: 54

- (iv) syarat-syarat permohonan pekerja asing diperketat dari segi penetapan nisbah pengambilan berdasarkan komposisi pekerja tempatan dan pekerja asing; dan
- (v) menyediakan *exit policy* penggajian pekerja asing melalui pelaksanaan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara, memberi keutamaan kepada mekanisme *Industrialised Building System (IBS)* dalam sektor pembinaan, peralihan kepada intensif automasi dan mekanisasi, restoran berkonsepkan *self-service* dan sebagainya.

2. Selain itu, keutamaan kepada pekerja tempatan sentiasa didahulukan dalam pekerjaan untuk mengurangkan kebergantungan industri ke atas tenaga kerja asing berdasarkan inisiatif Kerajaan yang berikut:

- (i) pengiklanan oleh majikan mengenai kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal *JobsMalaysia* bagi memastikan kekosongan jawatan ditawarkan kepada pencari kerja tempatan terlebih dahulu;
- (ii) penawaran peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan melalui kolaborasi antara JTK dengan majikan melalui Program Penempatan Pekerja (3P);
- (iii) mempertingkatkan kemahiran tenaga kerja dengan memperkenalkan Sistem Latihan *Dual* Nasional untuk

NO SOALAN: 54

menyediakan tenaga kerja mahir negara melalui kaedah latihan industri yang komprehensif dan terkini;

- (iv) pembiayaan latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad melalui caruman levi majikan untuk melatih semula pekerja bagi meningkatkan kemahiran serta kepelbagaian kemahiran pekerja; dan
- (v) cadangan untuk melaksanakan *Multi-tier* Levi yang mana pengambilan pekerja asing adalah berdasarkan *Dependency Ratio Ceiling* (DRC) iaitu nisbah antara pekerja tempatan dan pekerja asing.

3. Kesimpulannya, pelbagai inisiatif telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan industri ke atas tenaga kerja asing kepada kadar tidak melebihi 15% pada tahun 2020 sekali gus memberi peluang kepada pencari pekerja tempatan untuk memenuhi kekosongan jawatan yang ditawarkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD
SALLEH
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan garis masa pelaksanaan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) secara umum dan senarai pelaksanaan NFCP di Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) yang telah dilancarkan dengan rasminya oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 19 September 2019 adalah bertujuan untuk menyediakan kesalinghubungan digital yang mampan, menyeluruh, berkualiti tinggi dan mampu milik agar perkhidmatan jalur lebar dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia di seluruh pelosok negara termasuklah di Negeri Terengganu.

Di antara sasaran NFCP yang ditetapkan adalah ketersediaan kelajuan Gigabit di kawasan perindustrian terpilih menjelang tahun 2020. Di Negeri Terengganu, sebanyak 3 kawasan perindustrian terpilih telah dikenal pasti iaitu di Kawasan Perindustrian Gong Badak, Kawasan Perindustrian MEIL Teluk Kalung dan Kawasan Perindustrian Kerteh.

Selain itu, sasaran yang turut ditetapkan di bawah NFCP adalah 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023. Menerusi inisiatif NFCP 1, sejumlah 13 tapak menara baharu telah dikenalpasti di Negeri Terengganu yang dijangka akan mula dilaksanakan dalam Suku Keempat 2019. Bagi inisiatif NFCP 2, pengenalpastian tapak menara baharu di 34 lokasi sedang dijalankan di Negeri Terengganu bagi menambahbaik liputan dan kualiti jalur lebar mudah alih dan inisiatif ini dijangka akan dilaksanakan bermula Suku Ketiga 2020.

NO SOALAN: 55

Sasaran NFCP yang lain seperti:-

- a) ketersediaan kelajuan Gigabit ke semua Ibu Negeri menjelang tahun 2023;
- b) 100% premis di Ibu Negeri dan kawasan berimpak tinggi terpilih (seperti hab pengangkutan awam dan pelabuhan) tersedia dengan capaian minima 500Mbps menjelang tahun 2021;
- c) 20% premis di kawasan pinggir bandar dan luar bandar tersedia dengan capaian sehingga 500Mbps menjelang tahun 2022; dan
- d) rangkaian gentian optik meliputi 70% sekolah, hospital, perpustakaan, balai polis dan pejabat pos menjelang tahun 2022 akan turut dilaksanakan di seluruh negara, termasuk di Negeri Terengganu secara berperingkat mengikut jangka masa yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL
SINGH
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengadakan satu program seperti "sukan perpaduan" untuk mengeratkan perpaduan di antara semua kaum di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KBS sentiasa mengambil kira sukan sebagai sebuah agen perpaduan dalam setiap pelaksanaan programnya. Agenda ini akan diteruskan dan menjadi salah satu fokus utama dalam program kendalian KBS masa dahulu, kini dan juga akan datang. Sukan juga berupaya mengatasi pelbagai perbezaan dan menyatukan kita sebagai sebuah negara.
2. Sebagai rekod, statistik penyertaan untuk program-program sukan di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negara dari tahun 2018 adalah sebanyak 2,014,045 orang. Manakala bagi tahun 2019 (sehingga November 2019) sebanyak 4,049 program telah dilaksanakan dan mencatatkan jumlah penyertaan seramai 2,188,868 orang.
3. Penyertaan didalam program-program sukan ini adalah diperingkat akar umbi yang terdiri daripada semua peringkat umur dan lapisan masyarakat dari seluruh negara.
4. Antara program yang mendapat tempat di kalangan rakyat Malaysia adalah Bulan Sukan Negara dan Fit Malaysia. Jelajah program Fit Malaysia yang memfokuskan pelaksanaan pelbagai program kecergasan seperti larian dan berbasikal di 4 buah negeri iaitu Pulau Pinang, Terengganu, Selangor dan Sabah telah mencatatkan penyertaan seramai 82,538 penyertaan. Momentum

NO SOALAN: 56

ini kemudiannya diteruskan dalam pelaksanaan Bulan Sukan Negara pada bulan Oktober 2019 yang lalu dengan penyertaan tidak rasmi seramai 5 juta penyertaan.

5. Program-program ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan bersukan bagi mewujudkan masyarakat yang cergas dan aktif serta memupuk dan menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Tuan Kamarudin bin Abdun minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan Hospital Padang Besar, Perlis yang ditunggu-tunggu oleh rakyat Padang Besar terutamanya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia telah dimaklumkan melalui surat daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bertarikh 24 Oktober 2018 bahawa status terkini pembinaan Hospital Padang Besar, Perlis telah dibatalkan oleh Kerajaan. Kementerian akan mempertimbangkan pembinaan Hospital Padang Besar pada masa akan datang berdasarkan keutamaan serta kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ZAIEDI SUHAILI
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Tuan Zaiedi Suhaili minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah Balai Polis baharu yang akan dibina di Sarawak untuk tempoh 5 tahun akan datang dan adakah perancangan Polis DiRaja Malaysia Sarawak untuk mewujudkan sebuah Daerah Pentadbiran Polis yang baharu untuk kawasan Dewan Bandaraya Kuching Utara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembangunan baharu yang telah, sedang dan akan dibina di Negeri Sarawak pada ketika ini adalah seperti berikut :

a) Siap Pembinaan :

1. Balai Polis Debak, Betong (siap pada 11 Ogos 2018).
2. Balai Polis Beladin, Betong (siap pada 17 Januari 2019).

b) Dalam Pembinaan :

1. Ibu Pejabat Polis Daerah Lawas (dijadualkan siap pada 17 Jun 2022).
2. Balai Polis Spaoh, Betong (dijadualkan siap pada 17 Ogos 2020).
3. Balai Polis Matang Jaya, Padawan (Fasa 1 Kerja Tanah) dijadualkan siap pada 28 Januari 2020 manakala bagi Fasa 2 iaitu pembinaan kompleks dijangkakan bermula pada bulan Julai 2020 dan dijadualkan siap pada pertengahan tahun 2023).

NO SOALAN: 58

c) Dalam Proses Dokumentasi :

1. Pembinaan Balai Polis Samalaju, Bintulu yang diluluskan di bawah pakej penjaminan Pembinaan BLT Sdn Bhd dengan kos RM20 juta. Pihak Syarikat Pembinaan BLT Sdn Bhd sedang dalam proses menyediakan pelan konsep rekabentuk untuk semakan dan kelulusan PDRM.

Untuk makluman, sempadan antara Kuching Utara dan Padawan adalah di kawasan Gita dan Matang di mana sebahagian kawasan Kuching Utara masih di bawah kawalan IPD Kuching manakala sebahagian lagi adalah di bawah IPD Padawan. Sehubungan itu, tiada keperluan mendesak untuk mewujudkan sebuah IPD yang baharu bagi kawasan Dewan Bandaraya Kuching Utara.

Susulan itu, rancangan pewujudan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuching Utara telah ditukar kepada pembinaan **IPD Padawan** yang baharu berikutan terdapat keperluan yang lebih mendesak memandangkan kawasan pentadbiran yang lebih luas iaitu **984,388 kilometer persegi** dengan jumlah penduduk seramai 225,000 orang. Pada ketika ini, IPD Padawan sedia ada sedang beroperasi di Balai Polis Siburan yang dibina pada tahun 1963. Balai Polis yang terletak di bawah kawasan pentadbiran IPD Padawan adalah seperti berikut :

1. Balai Polis Siburan;
2. Balai Polis Batu 10;
3. Balai Polis Beratok;

NO SOALAN: 58

4. Balai Polis Tapah;
5. Balai Polis Batu Kawa; dan
6. Balai Polis Kota Sentosa.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ZAHARI BIN SARIP
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Dato' Zahari bin Sarip minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bilakah projek-projek pembangunan yang diumumkan di Tanjung Piai baru-baru ini yang berjumlah 14.75 juta akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek pembangunan yang diumumkan di Tanjung Piai baru-baru ini yang berjumlah 14.75 juta sedang dalam fasa pelaksanaan. Berdasarkan maklumat daripada pihak ICU, JPM projek-projek ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan memandangkan Sabah dan Sarawak memiliki keluasan tanah yang luas, adakah Kementerian bercadang untuk menjadikan wilayah ini sebagai hab bagi penyelidikan dan pembangunan teknologi aeroangkasa negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah memberikan fokus yang khusus kepada pembangunan industri aeroangkasa negara. Menerusi Pejabat Penyelarasan Industri Aeroangkasa Malaysia (NAICO), MITI telah melaksanakan pelbagai program pembangunan industri bagi memperkasakan rantaian nilai aeroangkasa tempatan.

2. Usaha-usaha tersebut termasuklah fasilitasi industri, pembangunan pemain-pemain industri tempatan, pembangunan kompetensi, *Research & Technology* (R&T), kolaborasi antarabangsa dan pembangunan sumber manusia. NAICO turut menjadi pusat rujukan bagi inisiatif-inisiatif baru berkaitan aeroangkasa di peringkat negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan, Kedah dan Sabah selain mempromosikan pembangunan hab aeroangkasa di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Industri aeroangkasa Malaysia telah menunjukkan pertumbuhan positif sejak pelaksanaan Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia 2030. Pada tahun 2018, industri aeroangkasa Malaysia mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM14.4 bilion, pendapatan tertinggi yang dicapai oleh industri ini. Eksport aeroangkasa juga telah mencatatkan nilai eksport

NO SOALAN: 60

tertinggi sebanyak RM8.48 bilion; peningkatan sebanyak 20% berbanding tahun 2017.

4. Usaha promosi pelaburan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi MITI terutamanya Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah berjaya meningkatkan jumlah pelaburan di dalam industri ini. Mulai 2013 hingga 2017, terdapat 39 projek dalam industri aeroangkasa dengan pelaburan kumulatif sebanyak RM8.2 bilion. Pada 2018, 11 projek pelaburan bernilai RM816.3 juta telah diluluskan, di mana 41% adalah dari sumber asing. Antara pelabur-pelabur asing yang beroperasi di Malaysia termasuklah Airbus, Boeing & Hexcel, Spirit AeroSystems, Honeywell, GE Aviation, Leonardo, Safran, UTC Aerospace Systems dan GKN Aerospace. Kehadiran syarikat-syarikat ini telah merancakkan lagi pembangunan rantaian nilai tempatan dan menyediakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada rakyat negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

5. Untuk kekal relevan dan berdaya saing di dalam industri aeroangkasa global, penyelidikan dan pembangunan teknologi adalah penting bagi membangunkan teknologi baharu serta memajukan keupayaan teknologi industri aeroangkasa Malaysia. Penubuhan Aerospace Malaysia Innovation Centre (AMIC) pada tahun 2011 adalah merupakan usaha penting bagi menambah baik aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan teknologi berteraskan industri. AMIC juga ialah sebuah model inovatif yang dapat meningkatkan kejayaan komersial produk penyelidikan dan pembangunan aeroangkasa Malaysia yang dilaksanakan di bawah program

NO SOALAN: 60

High Value Added And Complex Product (HVA), RMK-11. Aktiviti perkhidmatan utama AMIC adalah usahasama penyelidikan dan projek teknologi dengan kerjasama industri dan universiti dalam sektor aeroangkasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

6. Pada masa ini, lokasi bagi aktiviti utama industri aeroangkasa adalah tertumpu di negeri Selangor dan Pulau Pinang. Menyedari peluang pembangunan industri aeroangkasa di Malaysia Timur, MITI menerusi NAICO telah memulakan gerak kerja untuk membangunkan Kota Kinabalu sebagai Hab Aeroangkasa di Borneo. Inisiatif ini dibangunkan berdasarkan status Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) sebagai lapangan terbang kedua paling sibuk di Malaysia dari segi pergerakan penumpang dan pesawat. Kota Kinabalu dilihat mempunyai potensi besar untuk dibangunkan sebagai pusat sokongan kepada sektor penerbangan komersil dan penerbangan am seterusnya diangkat menjadi Hab Aeroangkasa di Borneo melalui aktiviti-aktiviti berikut:

- (i) Pembangunan Kota Kinabalu Aerospace Park;
- (ii) Low Cost Carrier (LCC) hab bagi Borneo dengan memanfaatkan penglibatan syarikat penerbangan tambang murah AirAsia;
- (iii) Pusat MRO bagi *Commercial Aviation* dan *General Aviation*;
- (iv) Pusat pendidikan dan latihan aeroangkasa; dan

NO SOALAN: 60

(v) Pusat FBO (Fixed Based Operator) bagi jet peribadi dan perniagaan.

7. MITI menerusi NAICO sedang mengadakan perbincangan lanjut bersama Kerajaan Negeri Sabah berhubung cadangan pembangunan hab aeroangkasa di Kota Kinabalu ini. Manfaat yang bakal diperoleh dengan pembangunan hab aeroangkasa di Sabah adalah seperti berikut:

- (i) penghasilan 1000-1600 tenaga kerja berpendapatan tinggi;
- (ii) pembangunan *local talent* dan dapat mengekalkan tenaga kerja mahir tempatan dan industri sokongan;
- (iii) pembangunan perkhidmatan sokongan penerbangan dan sistem rantai bekalan tempatan oleh OEM;
- (iv) peluang untuk pembangunan hab operasi dan penyelenggaraan jet peribadi; dan
- (v) pembangunan pusat pembelajaran tempatan industri aeroangkasa terutamanya dalam bidang Kajian dan Penyelidikan (R&D).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

NO SOALAN: 60

8. Usaha pembangunan Hab Aeroangkasa ini juga akan turut diperluaskan di negeri Sarawak terutamanya yang melibatkan bidang-bidang berikut:

- (i) pengoperasian dan aktiviti MRO helikopter bagi industri minyak & gas, *Air Ambulance*, *Flying Doctor*, kawalan keselamatan dan pelancongan;
- (ii) latihan professional tenaga kerja mahir industri aeroangkasa terutamanya di dalam bidang MRO; dan
- (iii) pembangunan dan pengoperasian *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) untuk kawalan keselamatan dan pemangkin kepada pembangunan bandar pintar.

9. Perancangan pembangunan industri aeroangkasa di Sabah dan Sarawak merupakan agenda penting untuk membangunkan kedua-dua negeri ini ke arah industri berteknologi tinggi selaras dengan sasaran Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Sokongan padu daripada kerajaan negeri dan penglibatan agensi-agensi negeri yang berkaitan amatlah kritikal untuk memastikan kejayaan perancangan pembangunan industri aeroangkasa di Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha Kementerian dalam mengetatkan mekanisme kawal selia bagi membendung perkembangan 'permainan wang' dalam negara dan mengekang penglibatan syarikat-syarikat tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kuasa penguatkuasaan ke atas kes-kes yang melibatkan 'permainan wang' atau skim kewangan haram seperti pelaburan emas, pertukaran mata wang asing, aktiviti pelaburan tidak berlesen dan skim cepat kaya adalah juga di bawah pelbagai agensi lain iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Tindakan penguatkuasaan ke atas skim-skim kewangan haram tersebut telah dilaksanakan sama ada secara sendiri dan melalui kerjasama antara agensi.
2. Di pihak BNM, senarai "Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan" (*Financial Consumer Alert*) telah disiarkan di laman sesawang BNM sebagai panduan dan rujukan segera oleh orang ramai untuk membuat keputusan berhubung dengan pelbagai perkhidmatan kewangan. *Financial Consumer Alert* menyenaraikan syarikat dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan berkaitan yang ditadbir oleh BNM. Setakat 27 Mei 2019, sebanyak 438 syarikat dan

NO SOALAN: 61

laman sesawang telah disenaraikan di dalam senarai peringatan tersebut.

3. Selain daripada *Financial Consumer Alert* oleh BNM, terdapat agensi-agensi lain yang turut menyenaraikan syarikat-syarikat yang disyaki menjalankan skim-skim kewangan haram di dalam laman sesawang masing-masing. Antaranya:
 - i. KPDNHEP yang menyenaraikan status pendaftaran syarikat jualan langsung; dan
 - ii. SC yang menyenaraikan nama syarikat yang disyaki menjalankan skim-skim haram.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah lain yang dijalankan untuk membanteras skim kewangan haram adalah seperti yang berikut:
 - i. Mempertingkatkan kempen kesedaran orang ramai yang meliputi pengumuman di media massa (akhbar-akhbar tempatan, siaran televisyen dan radio) dan program kesedaran dan pendidikan pengguna di peringkat nasional (seperti Hari Pengguna, Karnival Kewangan, Hari Koperasi Malaysia, dan Minggu Saham Amanah Malaysia) yang dijalankan setiap tahun.
 - ii. Jalinan kerjasama antara BNM dan pelbagai persatuan pengguna, badan bukan kerajaan dan persatuan perniagaan dan perindustrian dalam menyampaikan maklumat terus kepada

NO SOALAN: 61

pengguna kewangan agar lebih berwaspada dengan skim kewangan haram. Antara medium penyampaian maklumat yang telah disediakan ialah melalui penerbitan RINGGIT yang melibatkan usaha sama antara Bank Negara Malaysia dan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Federation of Malaysian Consumers Associations, FOMCA).

- iii. Memperluaskan saluran untuk orang ramai membuat aduan mengenai aktiviti haram syarikat jualan langsung berbilang tingkat (multi-level marketing, MLM), skim cepat kaya, pelaburan emas dan pertukaran mata wang asing di laman sesawang agensi penguatkuasaan seperti BNM, SC, KPNDHEP dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).
- iv. Institusi-institusi kewangan turut diarah mengambil tindakan untuk mengesan akaun-akaun yang disalahgunakan oleh mana-mana individu atau syarikat untuk tujuan skim kewangan haram berdasarkan senarai tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah mesin-mesin dialisis akan disediakan di Pusat Kesihatan Felda Purun, Bera yang mana saya pernah menghantar permohonan berkenaan perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini Klinik Kesihatan Bera tidak mempunyai unit hemodialisis dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) belum bercadang untuk mewujudkan unit hemodialisis di Klinik Kesihatan Bera kerana Hospital Bera yang berdekatan dengan Klinik Kesihatan Bera yang dijangka siap pada awal tahun 2020 akan dilengkapi dengan kemudahan unit hemodialisis. Unit hemodialisis di Hospital Bera tersebut akan mempunyai tujuh (7) poin *Reverse Osmosis* (RO) yang boleh menempatkan tujuh (7) buah mesin hemodialisis di mana dengan sumber tenaga manusia yang mencukupi di unit tersebut, ia bakal menyediakan 42 slot rawatan pesakit.

Buat masa ini, pesakit-pesakit dari daerah Bera yang memerlukan rawatan dialisis menerima rawatan tersebut di pusat hemodialisis *National Kidney Foundation* (NKF) Sang Riang Bera dan Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh serta unit hemodialisis di Klinik Kesihatan Mentakab masing-masing berada 30km dan 65 km dari daerah Bera. Di samping itu, terdapat satu lagi pusat dialisis swasta yang akan dibuka pada bulan Mei 2020 di daerah Bera iaitu *Suria Dialysis Triang* yang boleh turut membantu dalam menyediakan perkhidmatan dialisis di daerah Bera.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 63

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI
MAHAMAD
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah langkah-langkah yang dapat diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia untuk melaksanakan dengan segera projek tebatan banjir Sungai Golok agar kekerapan bencana banjir dapat diatasi segera, seiring dengan Projek Tebatan Banjir Thailand di Sungai Golok sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- 1) Penyelesaian menyeluruh bagi mengatasi masalah banjir di Lembangan Sungai Golok memerlukan pelaksanaan projek yang meliputi RMKe 11, RMKe 12 dan RMKe 13. Di bawah RMKe 11, Kerajaan telah meluluskan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1 untuk dilaksanakan oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Air (KATS) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) siling kos projek sebanyak RM300 Juta.
- 2) Projek PLSB Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1 ini telah bermula pada 23 April 2018 dan dijangka siap pada tahun 2022 yang melibatkan Jajahan Tumpat dan Jajahan Pasir Mas. Pelaksanaan kerja-kerja di tapak adalah sebanyak 14% di mana kerja-kerja pembinaan gate di Kuala Jambu sedang dilaksanakan.
- 3) Langkah-langkah telah dan akan diambil oleh JPS untuk melaksanakan dengan segera projek ini adalah:
 - i) mengambil langkah proaktif bagi menyelesaikan isu-isu sosial dan pengambilan tanah diselesaikan dengan segera dengan kerjasama Kerajaan Negeri bagi mengurangkan risiko projek tertangguh.
 - ii) memastikan pihak kontraktor yang telah dilantik melaksanakan

NO SOALAN: 63

kerja-kerja di tapak mengikut jadual yang ditetapkan dan menyelesaikan isu-isu teknikal ditapak dengan jabatan-jabatan teknikal terbabit.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan mekanisme baharu penetapan harga air mentah yang dijual kepada Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perjanjian Air Sungai Johor 1962 (Perjanjian 1962) memberi hak kepada Singapura untuk mengekstrak 250 juta gelen sehari (1094 JLH) air mentah dari Sg. Johor pada kadar 3 sen untuk setiap 1,000 gelen dan Malaysia sebaliknya layak membeli sebanyak 5 juta gelen sehari pada kadar 50 sen untuk setiap 1,000 gelen.

2. Perjanjian 1962 yang dibuat pada 29 September 1962 dengan tempoh perjanjian selama 99 tahun juga menyebut bahawa harga jualan air mentah boleh dirundingkan semula selepas 25 tahun perjanjian ditandatangani.

3. Kementerian telah mengambil pendirian bahawa harga ini perlu disemak semula dan hasrat ini telah disampaikan kepada pihak Singapura. Mekanisme baharu penetapan harga air mentah yang dijual kepada Singapura masih dalam rundingan dan Kementerian berpendirian bahawa mekanisme ini secara dasarnya perlu menggunakan **kerangka harga** yang mengambil kira komponen-komponen berikut:
 - (i) Indeks Harga Pengguna;
 - (ii) kos pembangunan infrastruktur;
 - (iii) kos penjagaan alam sekitar;
 - (iv) kos melepasi dengan izin *economic loss/opportunity cost*; dan
 - (v) pembinaan Empangan Linggiu yang telah ditanggung oleh Kerajaan Singapura.

NO SOALAN: 64

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan fokus pencegahan rasuah di seluruh agensi dan jabatan Kerajaan dan berapakah kes-kes rasuah terkelas dan berprofil tinggi disiasat dan dilakukan pendakwaan sehingga November 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang dilancarkan pada 29 Januari 2019 oleh YAB Perdana Menteri adalah sebagai salah satu inisiatif kerajaan ke arah negara bebas rasuah dan berintegriti. Pelan khusus ini dibangunkan bagi menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil oleh setiap agensi kerajaan dan swasta dalam menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus untuk tempoh lima tahun akan datang.

NACP akan menjadi rujukan utama kepada semua agensi kerajaan dan entiti dalam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) masing-masing. OACP adalah satu dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. OACP berfokus kepada risiko rasuah sesuatu organisasi dan seterusnya mengenal pasti strategi dan pelan tindakan yang bersesuaian bagi menangani isu dan permasalahan yang berbangkit. Pelaksanaan dan pemantauan OACP akan dilaksanakan di peringkat kementerian, jabatan, agensi atau kerajaan negeri bagi memastikan pelaksanaan pencegahan rasuah yang berkesan di semua peringkat.

NO SOALAN: 65

Kerajaan telah mengenal pasti 3 agensi bagi membantu sektor awam untuk membangunkan OACP, iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), GIACC dan Institut Integriti Malaysia.

SPRM pula sebagai agensi pencegahan dan penguatkuasaan dalam membanteras jenayah rasuah di negara ini sentiasa memberi keutamaan dalam usaha-usaha pencegahan rasuah yang berterusan.

Unit Integriti yang ditubuhkan di setiap Kementerian dan agensi kerajaan sudah memasuki fasa pemeraksanaan dimana Kerajaan telah memutuskan supaya Unit Integriti diperkukuhkan dengan memperuntukkan bajet khas bagi melaksanakan tugas. SPRM selaku badan yang menyelia dan memantau Unit Integriti sentiasa memberikan input, panduan dan membuat pemantauan secara berkala.

Fokus pencegahan rasuah juga turut merangkumi pendidikan pencegahan rasuah yang melibatkan agensi dan jabatan kerajaan sama ada secara bersemuka atau kempen tidak bersemuka. Antara program-program utama adalah seperti Ikrar Bebas Rasuah, ceramah, majlis penerangan, perbincangan meja bulat dan kempen melalui media.

Berhubung pertanyaan Yang Berhormat, berkenaan kes-kes berprofil tinggi yang disiasat dan didakwa, SPRM menjalankan siasatan mengikut peruntukan Akta SPRM 2009 (Akta 694) tanpa mengira ideologi politik, pangkat dan orang yang terlibat. Tindakan siasatan oleh SPRM sama sekali tidak membezakan mana-mana pihak kerana setiap kes disiasat secara adil, bebas, telus dan profesional.

NO SOALAN: 65

SPRM akan mendakwa mereka yang terlibat dalam perlakuan rasuah sekiranya keterangan yang diperolehi dapat membuktikan kesalahan mereka. Jumlah Kertas Siasatan (KS) yang dibuka bagi tahun 2019 (Januari - November) adalah sebanyak 1,031 kertas siasatan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 333 kertas siasatan berprofil tinggi telah disiasat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ABDUL GHANI BIN
MOHAMED YASSIN
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi mengawal penjualan 'vape' atau rokok elektronik yang kini menjadi trend serta tarikan terutama remaja dan pelajar sekolah dan apakah status kempen larangan merokok di premis makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama Kementerian dan Agensi berkaitan bagi membincangkan strategi dan langkah-langkah untuk memastikan masalah penggunaan rokok elektronik atau vape di kalangan pelajar sekolah dapat dibendung. Di antara langkah yang telah diambil adalah dengan menjalankan pendidikan berterusan tentang bahaya penggunaan sebarang bentuk produk merokok termasuk penggunaan rokok elektronik. Selain itu, aktiviti penguatkuasaan terhadap penjualan rokok elektronik yang mengandungi cecair nikotin dan aktiviti penguatkuasaan terhadap penggunaan rokok elektronik di kalangan orang bawah umur iaitu berumur 18 tahun dan ke bawah juga telah dijalankan. Sepanjang penguatkuasaan pendidikan dijalankan, sebanyak 146,607 premis telah diperiksa dan 31,422 notis amaran telah dikeluarkan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 27,759 buah premis yang telah diberikan amaran kerana gagal meletakkan tanda larangan merokok serta 3,889 notis dikeluarkan bagi orang yang didapati merokok di kawasan kedai makan. Sejumlah 23,805 aduan telah diterima semenjak Januari 2019 sehingga 3 November 2019

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 67

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan adakah polisi mengenai GMO (Genetically Modified Organism) & LMO (Living Modified Organism).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- 1) Malaysia merupakan parti kepada protokol di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi (Convention on Biological Diversity - CBD) iaitu Cartagena Protocol on Biosafety (CPB) yang merupakan satu mekanisme kawalan antarabangsa terhadap penyelesaian mengikut kehendak perdagangan dan perlindungan alam sekitar berdasarkan perkembangan pesat industri bioteknologi.

- 2) Bagi melaksanakan obligasi dibawah protokol tersebut, Kementerian telah mengambil kira kepentingan biokeselamatan dalam Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2016-2025 iaitu dalam Sasaran 12: Menjelang tahun 2025, sistem biokeselamatan yang komprehensif termasuk mekanisme bagi liabiliti dan tanggung rugi (liability and redress) beroperasi untuk menangani potensi kesan negatif bioteknologi moden terhadap pemuliharaan dan penggunaan mampan biodiversiti dan kesihatan manusia. Untuk mencapai sasaran ini, tiga tindakan akan dilaksanakan iaitu:
 - (i) Meningkatkan pemeriksaan dan pematuhan biokeselamatan;
 - (ii) Menilai kesan Living Modified Organism (LMO) terhadap biodiversiti dan kesihatan manusia; dan
 - (iii) Membangunkan gerak balas (response) terhadap kecemasan yang diakibatkan oleh biokeselamatan.

NO SOALAN: 67

- 3) Kementerian telah menggubal Akta Biokeselamatan 2007 [Akta 678] dengan tujuan untuk mengawal selia pelepasan, pengimportan, pengeksportan dan kegunaan terkawal organisma diubah suai yang hidup dan pelepasan hasil organisma sedemikian, dengan tujuan melindungi kesihatan masyarakat dan sumber biodiversiti negara dengan menggunakan pendekatan berjaga-jaga. Setakat ini sebanyak 256 kelulusan notifikasi (Kajian di dalam makmal) dan 46 kelulusan pelepasan yang melibatkan LMO telah diberikan oleh Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan. Bagi memastikan penguatkuasaan Akta 678 dilaksanakan dengan berkesan, pengawalseliaan ke atas pengimportan produk-produk LMO dilakukan di pintu-pintu masuk negara dan premis.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 68

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD
SALLEH
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha untuk meningkatkan kemampuan ekosistem pengangkutan di Terengganu bagi memastikan setiap kampung dan 218 sumber jaya pelancongan dapat diakses oleh pelancong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat pelbagai usaha untuk meningkatkan ketersambungan pengangkutan bagi melancarkan perjalanan serta merancakkan pertumbuhan ekonomi di seluruh Malaysia.
2. Di Terengganu khususnya, program memperluas akses dan liputan perkhidmatan pengangkutan awam termasuklah mewujudkan insentif bagi syarikat bas untuk berkhidmat di kawasan sekitar bandar dan luar bandar seperti program MyBas (SBST) (15 buah bas dengan 4 laluan) dan program Dana Sokongan Sementara Bas Henti-henti (ISBSF) untuk syarikat bas tempatan. Seajar dengan program ini, RM450 juta juga telah diperuntukkan di bawah Belanjawan 2020 untuk 500 buah bas elektrik yang akan diagihkan ke seluruh negara termasuk Terengganu.
3. Inisiatif MyBas (SBST) merupakan inisiatif penambahbaikan liputan dan pemantauan menyeluruh terhadap keperluan tahap perkhidmatan merangkumi pematuhan laluan, kekerapan trip perjalanan, ketepatan masa dan kebolehpercayaan. Inisiatif ini ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan melalui model ‘gross cost’ dan diperkenalkan sejak 2015 di Seremban, Kangar, Ipoh dan Kuala Terengganu. Manakala inisiatif ISBSF adalah dana bantuan kepada pengendali bas henti-henti untuk menampung kos kerugian operasi bagi laluan-laluan

NO SOALAN: 68

tidak menguntungkan, khususnya di luar bandar. Ianya penting agar penyediaan perkhidmatan bas di laluan tersebut tidak terputus bagi penduduk luar bandar.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi meneruskan kelangsungan perkhidmatan laluan bas henti-henti di luar bandar, Kementerian melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) pada 29 Julai 2019 telah memperbaharui kontrak dana ISBSF dengan 52 pengendali bas henti-henti bagi 350 laluan di Semenanjung Malaysia bagi tahun 2019-2020.
5. Kini terdapat sebanyak 3 pengendali memberikan perkhidmatan bas henti-henti di Terengganu khususnya. 2 pengendali di dalam inisiatif ISBSF dan 1 pengendali di bawah MyBas (SBST).

ISBSF	Syarikat Kenderaan Noor & Hisham Sdn Bhd 1 laluan : Keruak – Kuala Besut
	Syarikat Pengangkutan Bumi Pantai Timur Sdn Bhd 5 laluan : KT – Kuala Berang KT – Kuala Besut KT – Jertih KT – Dungun Dungun – Kemaman

NO SOALAN: 68

SBST	Mara Liner Sdn Bhd 4 laluan : F100 Kuala Terengganu – City Feeder T102 MBKT – Jeti Merang T202 MBKT – Bukit Payung T301 MBKT – Marang
------	---

6. Kementerian sentiasa mengalu-alukan Pihak Berkuasa Tempatan/Kerajaan Negeri untuk mengemukakan sebarang cadangan untuk penambahbaikan pengangkutan awam di negeri masing-masing.
7. Selain itu, pelancong yang menggunakan perkhidmatan e-hailing di Terengganu juga mendapat manfaat dengan penguatkuasaan perkhidmatan ini yang diperkenalkan bagi memastikan tahap perkhidmatan yang berkualiti termasuk aspek keselamatan.
8. Untuk sektor rel pula, projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang dijangka siap pada Disember 2026 merentasi negeri-negeri pantai Timur termasuk Terengganu. Untuk makluman Yang Berhormat, Pemeriksaan Awam untuk jajaran baru dari Kota Bharu ke Dungun telah pun bermula pada 25 November 2019 dan Terengganu akan mempunyai 4 stesen di Jerteh, Bandar Pemasuri, Kuala Terengganu dan Dungun di jajaran ini.

NO SOALAN: 68

9. Bagi sektor udara pula, inisiatif Internet of Things (IoT) di bawah inisiatif Airport 4.0 yang sedang dalam peringkat percubaan di KLIA akan dikaji untuk dipanjangkan ke lapangan-lapangan terbang yang lain. Selain itu, untuk meningkatkan jumlah penumpang di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, pihak Malaysia Airports dan Kerajaan Negeri Terengganu telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan rundingan yang berterusan untuk membawa masuk penerbangan charter terutama dari negara China ke lapangan terbang ini.
10. Secara umumnya, inisiatif-inisiatif baru yang dicadangkan di dalam Dasar Pengangkutan Negara (DPN) akan bertindak secara menyeluruh untuk seluruh Malaysia dengan tidak mengambilkira lokasinya:
 - i. Teras dasar 1 yang berpaksikan pengukuhan tadbir urus;
 - ii. Teras dasar 2 yang berpaksikan kecekapan infrastruktur pengangkutan;
 - iii. Teras dasar 3 yang berpaksikan aspek keselamatan, integrasi, ketersambungan dan kebolehcapaian;
 - iv. Teras dasar 4 yang berpaksikan ekosistem pengangkutan hijau; dan
 - v. Teras dasar 5 yang berpaksikan pengantarabangsaan.
11. Bagi memastikan kemudahsampaian yang cekap kepada para pelancong di Terengganu juga, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sedang bekerjasama dengan Kerajaan Negeri

NO SOALAN: 68

Terengganu untuk membangunkan 7 kluster ekopelancongan yang telah dikenalpasti berpotensi di Terengganu seperti berikut:

- i. Setiu-Merang-Penarik-Pulau Redang-Pulau Lang Tengah;
 - ii. Kampung Raja-Besut-Pulau Perhentian-Jerteh;
 - iii. Ajil-Kuala Berang-Tasik Kenyir (Eco-Leisure Cluster);
 - iv. Kuala Terengganu-Kuala Nerus (City Eco-Nature);
 - v. Marang-Pulau Kapas;
 - vi. Dungun-AI-Mutakfi Billal Shah-Rantau Abang-Pulau Tenggol (Eco-Heritage Cluster); dan
 - vii. Kemaman-Kijal-Chukai-Kerteh.
12. Pembangunan kluster ekopelancongan ini adalah untuk memudahkan para pelancong merancang perjalanan dan mengunjungi semua destinasi ekopelancongan di Terengganu dengan melalui *scenic route*.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 69

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ALAN LING SIE KIONG
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah penyelarasan had umur perkahwinan (18 tahun) dapat mengurangkan jumlah kehamilan luar nikah bagi golongan remaja bawah umur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian Mengenai Perkahwinan Bawah Umur yang dilaksanakan oleh UNICEF mendapati kanak-kanak juga tiada mempunyai ilmu pengetahuan dan memahami kesan daripada perlakuan hubungan seksual terhadap diri mereka. Bagi menangani isu ini, Kerajaan telah merangka program atau tindakan melalui pendidikan kesihatan reproduktif (*Sexual Reproductive Health -SRH*). Kementerian juga telah bekerjasama dengan KPM dan LPPKN melalui program PEKERTI dan KafeTEEN.

Pendidikan SRH merupakan salah satu faktor selain daripada penyelarasan had minimum umur perkahwinan yang ditangani oleh Kementerian ini melalui penyediaan Draf Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur. Pelan ini merupakan pelan komprehensif melibatkan pelbagai agensi yang memberi penekanan bahawa pendekatan menyeluruh harus diambil bagi menangani isu perkahwinan bawah umur; sekali gus dapat mengurangkan kehamilan luar nikah di kalangan remaja.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Puan Sopiah binti Sharif minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mengenai pelan subsidi petrol dan diesel bersasar (targeted petrol and subsidy) serta subsidi terhadap barang- barang kawalan. Sejauh manakah Kerajaan dapat menampung kos-kos subsidi dalam keadaan ekonomi yang mencabar ini, serta usaha Kerajaan untuk mengatasi ketirisan subsidi barangan pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, harga jualan runcit petrol RON95 ditetapkan oleh Kerajaan pada RM2.08 seliter. Subsidi petrol secara pukal ini membantu golongan berpendapatan rendah (B40) membeli petrol pada harga yang berpatutan. Pada masa yang sama golongan berpendapatan tinggi (T20) turut menikmati lebih banyak subsidi petrol memandangkan mereka mempunyai kemampuan perbelanjaan yang lebih tinggi. Selain daripada itu, golongan bukan warganegara juga menikmati subsidi petrol yang sama. Oleh yang demikian, Kerajaan perlu membetulkan keadaan ini dengan melaksanakan **pengagihan semula subsidi yang saksama** (*equitable redistribution of subsidy*). Ini adalah prinsip yang dipegang dalam Program Subsidi Petrol iaitu menyampaikan subsidi petrol kepada kumpulan yang layak.

Subsidi petrol diberi dalam bentuk wang tunai yang akan dimasukkan ke dalam akaun penerima. Kadar subsidi yang diberikan adalah sebanyak RM30 sebulan bagi pemilik kereta atau RM12 sebulan bagi pemilik motosikal, terhad kepada salah satu kadar yang lebih tinggi.

Bantuan subsidi ini akan dikreditkan terus ke akaun penerima setiap 4 bulan sekali. Pembayaran tunai tersebut dijadualkan pada bulan April, Ogos dan Disember tahun 2020.

YB Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019 telah memperuntukkan sebanyak RM2.2 bilion untuk pelaksanaan Program Subsidi Petrol.

NO SOALAN: 70

Barang-barang kawalan di bawah kawal seliaan kementerian di mana kerajaan ada memperuntukkan subsidi adalah seperti **RON95, Diesel, Tepung Gandum Kegunaan Am, Minyak Masak Dan Gas Petroleum Cecair (LPG)**. Bagi mengatasi ketirisan subsidi untuk barangan kawalan tersebut, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan dengan memperkemaskan mekanisme pemberian subsidi, pelaksanaan operasi, penangkapan, siasatan dan operasi yang menyeluruh. Setakat ini Kementerian telah melaksanakan usaha seperti berikut:

- (a) taklimat bersepadu;
- (b) pemeriksaan menyeluruh terhadap rangkaian pengedaran barang kawalan bersubsidi;
- (c) kaedah baru kawalan antara negeri;
- (d) memperkukuhkan strategi risikan; dan
- (e) tindakan membekukan kuota.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN
ABDULLAH
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan bagi menangani masalah banjir kilat di dalam bandar khususnya Kuala Lumpur yang boleh melibatkan kerugian harta benda yang besar malah boleh mengancam nyawa rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, banjir kilat berlaku akibat hujan luar biasa, aliran balik (*backflow*) dari sungai, kekurangan *outlet* untuk aliran air dari jalan ke longkang, kekurangan kapasiti saluran sediaada dan saluran air yang tersumbat. Apabila *intensity* hujan melebihi 40 milimeter per jam dan anggaran untuk surut adalah selama 40 minit, ini akan menyebabkan kesesakan lalulintas, kerosakan harta benda, ketidakselesaian dan rungutan warga kota terhadap kerugian.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil tindakan penyelenggaraan secara berkala iaitu pembersihan sungai dan parit. Longkang-longkang pula akan dibersihkan oleh pihak Alam Flora. Tindakan penguatkuasaan juga dibuat terhadap tapak projek pembangunan yang melanggar syarat-syarat kelulusan DBKL.

Pihak DBKL juga telah menggunakan 2 kaedah pengurusan air hujan untuk mengawal banjir kilat iaitu melalui:-

- 1) Kaedah Jangka Pendek di mana pembersihan outlet sediaada akan dijalankan oleh pihak Alam Flora dan penambahan outlet untuk aliran air keluar dari jalan ke longkang; dan

NO SOALAN: 71

- 2) Kaedah Jangka Panjang adalah dengan menaiktaraf dan membina sistem perparitan, membina kolam takungan banjir, membina rumah pam dan pemasangan *flap gate*.

Untuk makluman Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat jua, pihak Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) juga telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sebanyak 34 buah kolam takungan banjir (KTB) di sekitar Kuala Lumpur sepanjang tahun 2019 dengan peruntukan berjumlah RM4.2 juta. Kerja-kerja penyelenggaraan KTB ini dapat mengembalikan fungsi kolam kepada asal dengan mengekalkan kapasiti takungan serta sebagai kawalan air masuk dan keluar di punca bagi mengelakkan banjir berlaku.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 72

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN
MUSTAFA
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah strategi terbaru yang telah dirangka dan dilaksanakan dalam mengatasi masalah 6 jam menunggu untuk mendapatkan rawatan di Hospital Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Masalah kesesakan pesakit terutama di Jabatan Kecemasan dan Trauma yang menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lama adalah disebabkan kedatangan pesakit bagi kes bukan kecemasan yang terlalu ramai. Berdasarkan data 2015-2018, sebanyak 18-21% daripada jumlah keseluruhan kedatangan pesakit ke Jabatan Kecemasan dan Trauma di seluruh Malaysia adalah kes bukan kecemasan.

Ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran di kalangan orang awam berkenaan fungsi Jabatan Kecemasan dan Trauma adalah masih rendah. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut menyediakan risalah serta poster dan juga tayangan video berkenaan fungsi Jabatan Kecemasan dan Trauma bagi memberi maklumat kepada orang awam.

Selain itu, sehingga tahun 2018, sebanyak 52 hospital yang telah melaksanakan inisiatif *Lean Healthcare* di Jabatan Kecemasan. Di Hospital Sultan Ismail Johor Bahru, pelaksanaan *Lean Healthcare* berjaya mengurangkan masa menunggu pesakit di Klinik Pakar Ortopedik dari 125 minit kepada 90 minit. Inisiatif *Lean Healthcare* di Zon Hijau Jabatan Kecemasan Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang telah berjaya mengurangkan tempoh perawatan bagi kes tidak kritikal dari masa pesakit mendaftar sehingga tamat rawatan yang mana sebelum ini hanya 18% daripada pesakit selesai mendapatkan rawatan dalam tempoh dua jam, tetapi kini 70.72% pesakit boleh pulang (yang tidak memerlukan rawatan

NO SOALAN: 72

lanjut di wad) dalam tempoh tersebut. Antara penambahbaikan yang dijalankan secara khusus di Jabatan Kecemasan melalui inisiatif Lean Healthcare adalah:

- a) Meletakkan Pegawai Perubatan di *Secondary Triage* bagi saringan awal pesakit yang memerlukan rawatan lebih lanjut dengan cepat atau boleh didiscaj dari Jabatan Kecemasan;
- b) Memberi keutamaan untuk xray bagi kes dari Jabatan Kecemasan – *Fast Track*;
- c) Pewujudan *Pneumatic Tube* di Jabatan Kecemasan untuk mempercepatkan penghantaran sampel darah ke makmal;
- d) Pewujudan satelit farmasi di Jabatan Kecemasan untuk memudahkan pendispensan ubat;
- e) *Push system* untuk kemasukan pesakit ke wad bagi membolehkan pesakit terus dimasukkan ke wad jika perlu;
- f) Pewujudan *bed manager* di Jabatan Kecemasan untuk memudahcara kemasukan pesakit ke wad; dan
- g) Projek rintis *Multi-Disciplinary Short Stay Unit* untuk pesakit yang memerlukan rawatan sehingga 72 jam. Ini akan membolehkan rawatan awal diberikan kepada pesakit dan mengurangkan masa menunggu pesakit untuk masuk wad.

NO SOALAN: 72

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD
YUSOFF
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan inisiatif Kerajaan untuk mengambil peluang daripada perang dagang di antara Amerika Syarikat dan China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Konflik perdagangan di antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China (China) telah mempengaruhi ekonomi global secara langsung dan tidak langsung. Beberapa siri rundingan telah diadakan sebagai usaha kedua-dua negara menyelesaikan pertikaian yang kini telah memasuki tahun kedua. Ini termasuk perbincangan fasa pertama yang masih berlangsung antara kedua-dua negara untuk tidak mengenakan tarif baru ke atas barangan yang diimport dari China.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan Malaysia berpandangan bahawa amalan dasar perlindungan yang diamalkan oleh Amerika Syarikat tanpa alasan yang wajar telah mengheret lain-lain negara yang mempunyai kepentingan untuk turut bertindak balas hingga mempengaruhi ekonomi global, terutama kepada negara-negara kecil seperti Malaysia. Kerajaan juga berpandangan bahawa konflik perdagangan yang berterusan boleh menjejaskan rantaian nilai global (*global value chain*) serta memberi impak kepada ekonomi dunia pada jangka masa panjang.

3. Memandangkan belum ada persefahaman dicapai antara kedua-dua kuasa ekonomi yang besar, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama-sama agensi seperti MATRADE dan MIDA serta

NO SOALAN: 73

lain-lain kementerian berkaitan telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mengimbangi situasi ini. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mempromosi perdagangan Malaysia termasuk:

- i) menganjurkan aktiviti promosi eksport di bandar-bandar peringkat pertama (*first tier*), peringkat kedua (*second tier*) dan peringkat ketiga (*third tier*) di China;
- ii) kerjasama program *In-Store Promotion* telah diadakan dengan pasaraya-pasaraya besar dan rangkaian peruncitan utama di negara China seperti Parkson, 7 Eleven, Kumpulan Hua Lian, Chengdu Hongqi dan lain-lain dalam mempromosi produk-produk Malaysia khususnya produk makanan dan minuman, kesihatan dan produk Halal;
- iii) mempromosi sektor e-Dagang, sektor yang mempunyai potensi besar di China dalam meningkatkan eksport negara. Beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara MATRADE dan Syarikat-syarikat Milikan Kerajaan China atau *State Owned Enterprise* khususnya syarikat yang mempunyai platform e-Dagang seperti Alibaba, China Post (Guangxi), Qinzhou Free Trade Port Area Management Committee, Bank of China (Malaysia), China Construction Bank (CCB) serta Industrial and Commercial Bank of China (ICBC Malaysia) bagi menganjurkan Program Penyumberan Antarabangsa atau *International Sourcing Programme* ke Malaysia bagi meningkatkan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia di platform e-Dagang China;

NO SOALAN: 73

- iv) mengadakan perjumpaan dengan syarikat-syarikat *International Buying Houses* untuk mempromosi Malaysia sebagai destinasi alternatif import selain China khususnya bagi pasaran Amerika Syarikat, di mana Malaysia berupaya menawarkan produk yang berkualiti dengan harga yang kompetitif berbanding negara ASEAN lain;
- v) fokus promosi eksport ke Amerika Syarikat giat diteruskan ke atas:
- sektor terpilih terutamanya elektrik dan elektronik (E&E), produk berasaskan getah, peralatan optik dan saintifik serta produk berasaskan kayu; dan
 - sektor baru seperti pakaian, kasut fesyen dan reka bentuk, makanan dan minuman, produk Halal yang terdiri dari makanan dan bukan makanan, bahan bangunan mesra alam, perkhidmatan pembuatan atau penyelenggaraan, pembaikan dan *overhaul (maintenance, repair and overhaul - MRO)* Aeroangkasa serta perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).
- vi) mengadakan kerjasama dengan saluran perdagangan dan pasaran elektronik (e-Dagang) seperti Ebay dan Amazon sebagai salah satu platform untuk memasuki pasaran Amerika Syarikat dan meningkatkan momentum eksport Malaysia; dan

NO SOALAN: 73

- vii) menganjurkan Program Penyumberan Antarabangsa yang membawa ahli perniagaan Amerika Syarikat untuk bertemu dan mendapatkan sumber produk dari syarikat-syarikat Malaysia sempena Pameran Perdagangan Antarabangsa Utama dan Program Penyumberan Antarabangsa Khusus di Malaysia seperti *Export Furniture Exhibition (EFE)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*, *Oil and Gas Asia (OGA)*, *Malaysian Wood Expo (MWE)*, *Langkawi International (LIMA)*, *Semicon SEA*, *Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM) International Conference and Exhibition* dan *International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference (IGEM)*.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pelabur-pelabur dari Amerika Syarikat dan China dilihat yakin dengan persekitaran perniagaan Malaysia yang dinamik dan cergas serta disokong oleh ekonomi yang berorientasikan pasaran terbuka dan dasar-dasar kerajaan yang pro-perniagaan. Strategi-strategi lain yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memperoleh manfaat kesan daripada perang perdagangan Amerika Syarikat – China termasuklah:

- i) menggalakkan penempatan semula syarikat yang berpotensi dari Amerika Syarikat dan China ke Malaysia;

NO SOALAN: 73

- ii) memberi fasilitasi bagi penempatan semula pelaburan dan pengeluaran ke Malaysia oleh Syarikat Multinasional yang mempunyai operasi sedia ada di China dan Malaysia; dan

- iii) memberi fasilitasi kepada projek pembesaran / pelaburan semula oleh syarikat-syarikat sedia ada yang beroperasi di Malaysia bagi menampung peningkatan import oleh Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 74

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pecahan jumlah warganegara Malaysia mengikut kaum yang didapati tidak memiliki kad pengenalan berdasarkan pengumuman terbaru pihak Kementerian bertarikh 16 Oktober 2019 yang menyatakan terdapat 1, 429, 196 warganegara Malaysia yang belum memiliki kad pengenalan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sehingga 30 September 2019, sebanyak 1,429,196 orang warganegara Malaysia yang berkelayakan namun masih tidak memiliki Kad Pengenalan MyKad mengikut pecahan keturunan adalah seperti mana berikut:-

- i. Melayu: 455,303 orang;
- ii. Cina: 478,673 orang;
- iii. India: 140,163 orang;
- iv. Etnik Sarawak: 120,258 orang;
- v. Etnik Sabah: 63,289 orang;
- vi. Orang Asli Semenanjung: 12,985 orang; dan
- vii. Lain-Lain Keturunan: 158,525 orang.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 75

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. NUIING JELUING
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Persekutuan (MPKKP) yang dirancang di Sarawak. Apakah perbezaannya dengan JKKK (Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung) yang sedia ada sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum Pilihanraya Ke-14, entiti pentadbiran di kampung adalah dikenali sebagai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Walau bagaimanapun, selepas Pilihanraya Ke-14, Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan dasar baharu dengan menjenamakan semula JKKK kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Perubahan dasar dan nama baharu ini adalah terpakai kepada semua negeri, namun Kerajaan negeri Sarawak memutuskan untuk mengekalkan JKKK mereka.

Oleh yang demikian, dengan mengambil kira kepentingan membangunkan kawasan dan masyarakat luar bandar, maka Kerajaan Persekutuan telah memutuskan bahawa bagi negeri-negeri yang tidak ditadbir oleh Kerajaan Persekutuan, MPKKP akan ditubuhkan berkuat kuasa 1 Januari 2020.

Tujuan utama penubuhan MPKKP adalah sebagai penghubung antara penduduk kampung di negeri-negeri yang tidak ditadbir oleh Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Persekutuan untuk membantu merancang dan melaksanakan program-program pembangunan komuniti dan fizikal di peringkat kampung dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

NO SOALAN: 75

Terdapat perbezaan di antara MPKKP yang akan dilaksanakan dengan JKKK sedia ada di negeri Sarawak seperti mana berikut:

- (i) urusan pelantikan, penamatan dan pertukaran MPKKP adalah di bawah bidang kuasa YB Menteri Pembangunan Luar Bandar sementara JKKK adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak;
- (ii) Elaun MPKKP akan dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Pengerusi dengan kadar RM500 sebulan dan Setiausaha dengan kadar RM300 sebulan. Manakala Elaun JKKK adalah di bawah budi bicara Kerajaan Negeri;
- (iii) pelantikan Anggota MPKKP sebagai Pengerusi dan Setiausaha adalah dipilih di kalangan penduduk tempatan (kampung/ rumah panjang) yang berkeelayakan yang dikenalpasti oleh Penyelaras MPKKP Negeri Sarawak. Manakala pelantikan sebagai Pengerusi JKKK adalah daripada kalangan Ketua Kaum di Sarawak iaitu Ketua Kampung bagi masyarakat Melayu, Tuai Rumah bagi masyarakat Iban, Kapitan Cina bagi masyarakat Cina dan Tuai Uma bagi masyarakat Orang Ulu; dan
- (v) memandangkan Sarawak tidak mengguna pakai MPKK, maka Geran MPKK yang disediakan tidak dapat dinikmati oleh penduduk luar bandar di Sarawak. Dengan pewujudan MPKKP, maka MPKKP Sarawak berpeluang untuk memohon Geran MPKKP dengan nilai maksima RM10,000 setahun yang akan diluluskan berdasarkan

NO SOALAN: 75

permohonan oleh MPKKP khusus bagi pelaksanaan program-program berkaitan aktiviti peningkatan ekonomi, keceriaan dan kesejahteraan kampung.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pada Mei 2019, menteri mengesahkan bahawa satu perbadanan tempatan menyatakan minat untuk membeli Perbadanan Fidlot Kebangsaan (NFCorp) yang berhutang lebih RM253 juta kepada Kerajaan persekutuan. Apakah perbincangan masih berjalan dan adakah syarikat baru yang bakal mengambil alih akan diberi rebat cukai sebagai insentif bagi pemulihan projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah menerima kertas cadangan daripada dua (2) syarikat pada Mei dan September 2019 untuk mengambilalih NFCorp dan membangunkan semula projek Pusat Fidlot Nasional (PFN) melalui kerjasama awam-swasta menerusi inisiatif pembiayaan swasta (PFI).
2. Projek PFN ini adalah melibatkan beberapa pihak seperti Kementerian Kewangan untuk pinjaman mudah, pihak Kerajaan Negeri Sembilan untuk tapak projek dan MOA bagi pelaksanaan projek tersebut. Oleh sebab itu bagi cadangan pengambilalihan dan pembangunan semula PFN, MOA berpandangan adalah wajar supaya cadangan ini dikemukakan dan dirundingi terlebih dahulu dengan pihak-pihak yang berkaitan.
3. MOA secara amnya menyambut baik dan sentiasa mengalu-alukan cadangan baharu untuk melaksanakan aktiviti penternakan daripada mana-mana syarikat yang berminat, namun ianya hendaklah tertakluk kepada tatacara perolehan, kewangan dan peraturan-peraturan sedia ada yang berkuatkuasa. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memenuhi matlamat pengeluaran daging lembu dalam negara dan mengurangkan jumlah import dari luar.

NO SOALAN: 76

Dalam pada itu, MOA melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar sememangnya sentiasa komited untuk memberikan panduan dan khidmat nasihat kepada mana-mana syarikat yang berminat berhubung perkara teknikal yang diperlukan dalam melaksanakan projek penternakan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 77

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan jerebu terutamanya yang merentasi sempadan dari segi perundangan dan diplomasi dan sejauh manakah keberkesanannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Menurut Pangkapan Data ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC), pada bulan Ogos tahun ini, bilangan titik panas yang dikesan di Sumatra dan Kalimantan berjumlah 6,306 manakala di Malaysia 395. Pada bulan September pula, bilangan titik panas yang dikesan di Sumatra dan Kalimantan meningkat kepada 15,652 manakala di Malaysia 284. Akhirnya, pada bulan Oktober, bilangan titik panas yang dikesan di Sumatra dan Kalimantan berjumlah 4,870 manakalala di Malaysia, tiada sebarang titik panas yang dikesan. Sepanjang tempoh tiga bulan dari bulan Ogos hingga Oktober, bilangan titik panas yang dikesan di Sumatra dan Kalimantan berjumlah 26,801 manakala jumlah bilangan titik panas di Malaysia yang dikesan oleh ASMC ialah 679, iaitu 2.5% daripada jumlah Sumatra dan Kalimantan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MESTECC telah mengambil tindakan bagi mengatasi masalah jerebu yang kebanyakannya berpunca daripada kebakaran hutan tempatan mahupun di negara jiran seperti yang berikut:

- i. Bagi tujuan membersihkan atmosfera dan mengurangkan kesan jerebu, MESTECC, dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dan Tentera Udara Diraja Malaysia

NO SOALAN: 77

(TUDM) telah menjalankan 5 kali operasi pembenihan awan di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia pada 16 hingga 19 September dan juga di Sarawak pada 21 dan 22 September. Operasi-operasi ini dilaporkan berjaya menghasilkan hujan dan seterusnya mengurangkan impak jerebu;

- ii. Bagi menangani impak jerebu akibat daripada kebakaran tempatan, kerajaan telah menggerakkan anggota-anggota Bomba, NADMA dan PBT bagi usaha pemadaman kebakaran. Apabila keadaan membenarkan, kerajaan telah juga melaksanakan operasi pengeboman air seperti pada 15 hingga 22 Ogos di Miri, Sarawak dan pada 22 dan 23 September di Sri Aman, Sarawak dengan menggunakan pesawat Bombardier 415 yang berjaya mengurangkan kejadian jerebu akibat daripada kebakaran hutan tempatan dan mengelakkan darurat jerebu di Sri Aman;
- iii. MESTECC melalui Kementerian Luar Negeri telah mengutus surat bertarikh 6 September 2019 kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia. Malaysia telah meminta pihak Indonesia mengambil tindakan segera memadamkan kebakaran hutan dan ladang di Indonesia;
- iv. Pada 10 September 2019, MESTECC telah mengadakan perjumpaan dengan wakil kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur dan menawarkan bantuan untuk memadamkan kebakaran hutan/ladang di Indonesia;

NO SOALAN: 77

- v. Pada 11 September 2019, MESTECC telah mengutus satu surat lagi kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia dan menyatakan hasrat untuk mengadakan mesyuarat di Jakarta bagi membincangkan isu jerebu rentas sempadan;
- vi. Pada 6 November 2019, telah mengutus satu surat lagi kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia untuk menyusul dan mendapat maklumat lanjut berkaitan penglibatan syarikat Malaysia dalam menyebabkan masalah jerebu merentas sempadan. Namun begitu, pada masa kini, surat tersebut belum dibalas oleh pihak Indonesia; dan
- vii. MESTECC juga telah mengutus surat dan mengadakan perbincangan *tele-conference* dengan Sekretariat ASEAN supaya mesyuarat *tele-conference* khas di peringkat Menteri untuk membincangkan isu jerebu rentas sempadan dapat diadakan dan bagaimana platform ASEAN boleh digunakan dengan lebih efektif lagi dalam menangani jerebu merentas sempadan.

Terdapat 3 langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal gejala jerebu di rantau ini.

Pertama, Malaysia akan terus menggunakan langkah-langkah diplomasi.

Di peringkat ASEAN, Malaysia akan terus memainkan peranan untuk menggesa negara anggota terutamanya Indonesia untuk mematuhi obligasi di bawah *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* bagi

NO SOALAN: 77

mencegah kejadian jerebu rentas sempadan. Selain itu, negara anggota perlu memberikan perhatian serius bagi merealisasikan *Road Map on ASEAN Cooperation towards Trans-boundary Haze Pollution Control with Means of Implementation*. (yang merupakan kerangka ke arah visi ASEAN Haze Free Region by 2020)

Baru-baru ini, delegasi Malaysia telah menghadiri Mesyuarat *Committee and Conference of Parties to ASEAN Transboundary Haze Pollution* dan *ASEAN Ministerial on Environment* yang diadakan dari 6 hingga 11 Oktober 2019 di Siem Reap, Cambodia. Malaysia telah menegaskan bahawa negara anggota ASEAN khususnya Indonesia perlu mengambil tindakan selaras dengan undang-undang negara masing-masing ke atas individu atau syarikat yang menyebabkan kebakaran hutan dan tanah tanpa mengira negara asal syarikat terbabit.

Melalui mesyuarat tersebut juga, Malaysia telah meminta panduan daripada Sekretariat ASEAN untuk meneliti instrumen yang lebih berkesan yang boleh dipersetujui secara bersama bagi membolehkan tindakan punitif diambil ke atas individu atau syarikat pemilik tanah yang menjadi punca kejadian jerebu merentas sempadan supaya ia tidak berulang pada masa akan datang.

Kedua, mengkaji keperluan perundangan baru untuk mengambil tindakan terhadap individu atau syarikat Malaysia yang mengakibatkan jerebu di Malaysia tanpa kira di mana pembakaran tersebut berlaku.

NO SOALAN: 77

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

MESTECC juga telah mengadakan mesyuarat dan konsultasi bersama pakar-pakar perundangan dan alam sekitar daripada Jabatan Peguam Negara dan beberapa buah universiti tempatan bagi membincangkan keperluan penggubalan Akta Pencemaran Alam Sekitar Merentas Sempadan, *Cross-boundary Pollution Act*, yang termasuk tetapi tidak dihadkan jerebu.

Berdasarkan konsultasi ini, satu kajian akan dilaksanakan terlebih dahulu bagi meneliti implikasi akta ini dan menetapkan hala tuju pelaksanaannya bagi memastikan akta yang bakal digubal dapat memenuhi keperluan semasa.

Kajian ini akan dilaksanakan oleh jawatankuasa khas yang diterajui oleh pakar perundangan dan pakar berkaitan alam sekitar dalam tempoh 3 bulan dan dijangka selesai pada Januari 2020. Seterusnya, kertas pertimbangan akan disiapkan dan dikemukakan kepada Jemaah Menteri. Jika Jemaah Menteri meluluskan kertas kabinet tersebut, maka MESTECC akan terus untuk mendraf RUU Pencemaran Alam Sekitar Merentas Sempadan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya percaya bahawa teknologi juga memainkan peranan yang penting dalam usaha menangani masalah jerebu. Oleh itu, langkah jangka masa panjang ketiga untuk menangani jerebu yang akan dijalankan oleh MESTECC ialah kami akan MESTECC akan memberi sokongan untuk

NO SOALAN: 77

mempertingkatkan R&D bagi meningkatkan keupayaan teknologi dan pembangunan kaedah yang efektif untuk mencegah ataupun memadam kebakaran di kawasan tanah gambut (*peat fire*). Untuk tahun 2020, RM 3 juta dana R&D MESTECC akan diperuntukkan untuk tujuan ini.

Untuk makluman dewan yang mulia ini,

Kebakaran tanah gambut bukan sahaja memberi impak negatif kepada kualiti udara, bahkan menambah kepada pelepasan gas rumah kaca.

Untuk meletakkan perspektif YB-YB sekalian, dalam tempoh sepuluh tahun di antara 1997 dan 2006, purata pelepasan gas rumah kaca tahunan akibat daripada kebakaran tanah gambut di Indonesia adalah 5-6 kali ganda jumlah keseluruhan pelepasan tahunan gas rumah kaca Malaysia. Jumlah pelepasan gas rumah kaca akibat kebakaran tanah gambut sedunia ialah lebih kurang 3% daripada jumlah pelepas gas rumah kaca sedunia.

Oleh sebab itu, Kementerian juga dalam proses mengenal pasti sumber-sumber kewangan dan institusi antarabangsa yang sudi menghulurkan dana bagi tujuan R&D tersebut. Pada masa kini, kaedah-kaedah yang digunakan oleh negara-negara untuk mencegah dan memadam kebakaran tanah gambut adalah bersifat konvensional dan berteknologi lama. Tiada banyak inovasi dalam bidang ini. Kami berharap dengan R&D seed fund dari MESTECC dan dorongan Malaysia untuk kerjasama R&D peringkat antara bangsa, kaedah yang lebih efektif, murah dan *scalable* (dengan izin) dapat dicari dengan secepat mungkin.

NO SOALAN: 77

Mengenai tindakan ke atas syarikat Malaysia yang menjadi penyebab kepada jerebu merentas sempadan, buat masa ini, pihak Kementerian tidak mempunyai sebarang maklumat rasmi mengenai syarikat yang terlibat dan menyumbang kepada krisis jerebu pada tahun ini. Walau bagaimanapun, Malaysia berpendirian bahawa pihak Indonesia berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana syarikat atau individu yang melakukan pembakaran terbuka di negara tersebut berlandaskan peruntukan undang-undang domestik yang dikuatkuasakan.

Berdasarkan pemantauan dan siasatan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), didapati punca utama jerebu di dalam negara adalah daripada aktiviti pembakaran terbuka melibatkan pertanian dan kebakaran hutan gambut. Bagi kes pembakaran terbuka, individu-individu dan syarikat-syarikat yang terlibat telah dikenalpasti dan sehingga kini 89 kompaun telah dikeluarkan manakala 23 kertas siasatan telah dibuka bagi kesalahan pembakaran terbuka. Selaras dengan Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan jika didapati bersalah melakukan pembakaran terbuka. Kompaun RM2,000 juga boleh diberikan bagi setiap kesalahan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG
TARIKH : 10 DISEMBER 2019**

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menandatangani Konvensyen Pelarian 1951 supaya hak-hak pelarian di Malaysia terpelihara atas dasar kemanusiaan dan prinsip 'non-refoulement'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk Malaysia menjadi Negara Ahli kepada Konvensyen Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) Mengenai Pelarian 1951 dan Protokol 1967 dalam masa terdekat. Walaubagaimanapun, atas dasar kemanusiaan (*humanitarian basis*) Kerajaan amat komited dan terus melaksanakan banyak program atau inisiatif untuk membantu Pelarian. Ini termasuklah mendapatkan bantuan dana daripada *Qatar Fund For Development* (QFFD) untuk membantu pelarian di dalam isu berkaitan kesihatan, pendidikan asas dan latihan kemahiran. Malah, bantuan kemanusiaan ini sebenarnya melebihi apa yang sepatutnya dilaksanakan oleh Negara Ahli kepada Konvensyen dan Protokol tersebut.
2. Pelarian yang telah diberikan status perlindungan antarabangsa dan memiliki kad yang dikeluarkan oleh Pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) di Malaysia juga telah dibenarkan tinggal untuk sementara waktu sebelum mereka dihantar pulang ke negara asal atau ditempatkan di negara ketiga. Pelarian juga dijamin kebebasan bergerak dan tidak akan ditahan atau didakwa selagi mana tidak melakukan sebarang kesalahan. Bantuan yang diberikan oleh Malaysia kepada pelarian ini sebenarnya jauh melebihi daripada bantuan yang diberikan oleh negara-negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian

NO SOALAN: 78

1951 dan Protokol 1967 di ASEAN yang sepatutnya menawarkan bantuan kepada pelarian Rohingya dan pelarian dari negara lain.

3. Kerajaan akan dari masa ke semasa menambah baik pengurusan pelarian di negara ini selaras dengan hasrat di dalam Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 79

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan senarai projek-projek penambakan pantai (beach nourishment) dan sungai bagi mengatasi masalah hakisan di setiap negeri mengikut panjang yang telah diluluskan dari tahun 2013 sehingga 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa memantau masalah hakisan yang berlaku di sepanjang pantai di Malaysia berpandukan kepada *National Coastal Erosion Study* (NCES) yang telah siap dilaksanakan pada tahun 2015.

Bagi mengatasi masalah hakisan pantai, terdapat 2 projek yang melibatkan kerja-kerja penambakan pantai (*beach nourishment*) yang telah diluluskan dari tahun 2013 hingga 2018 iaitu:

Bil	Projek	Negeri	Panjang Tambakan
1	Projek Mencegah Hakisan Pantai Tok Jembal, Kuala Terengganu (Fasa 2), Terengganu	Terengganu	3.25 km
2	Projek Menaiktaraf Ban Pantai Lagun Setiu, Gong Batu, Setiu, Terengganu	Terengganu	1.2 km

Bagi mengatasi masalah hakisan sungai, kerja-kerja yang dilaksanakan adalah kerja-kerja penstabilan tebing sungai dan ianya tidak melibatkan kerja-kerja penambakan sungai.

NO SOALAN: 79

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 80

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Puan Raj Munni binti Sabu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan prestasi indeks terkini bagi sektor-sektor saham di Bursa Malaysia, adakah ia menunjuk tren yang baik untuk Malaysia khususnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 29 November 2019, FBMKLCI mencatat kemerosotan sebanyak 7.6% berbanding bursa saham serantau. Prestasi pasaran ekuiti ini disebabkan oleh kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global, ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik, pertumbuhan sektor pembuatan yang lemah, penurunan dalam keuntungan korporat pada suku kedua 2019 serta kebimbangan bon Kerajaan Malaysia dikeluarkan daripada *World Government Bond Index* (WGBI) oleh FTSE Russell yang menyebabkan aliran keluar dana asing.

Walaupun pasaran saham tempatan berhadapan dengan pelbagai faktor luaran yang tidak menentu, prestasi bagi indeks utama telah mencatat tren yang positif kecuali aras penanda FBMKLCI dan FBM Hijrah. Sehingga 29 November 2019, prestasi pelbagai indeks meningkat termasuk Mids Cap (naik 25.5%), indeks Small Cap (naik 18.2%), indeks ACE (naik 10.1%) dan indeks Mid 70 (naik 6.1%). Penyertaan yang lebih aktif oleh pelabur runcit ke atas indeks-indeks ini menyumbang kepada peningkatan tren selain risiko dan volatiliti yang lebih rendah.

NO SOALAN: 80

Bagi prestasi sektoral pula, sektor tenaga telah mencatat prestasi yang memberangsangkan dengan pertumbuhan sebanyak 46.4% berbanding dengan sektor lain. Sektor yang turut mencatat pertumbuhan adalah seperti sektor pembinaan sebanyak 30.4%, teknologi (23.4%), telekomunikasi dan media (10.9%) serta hartanah (6.2%).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk John Ambrose minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini dalam merangka pelan pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional yang bertujuan menangani isu utama yang dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelan Pembangunan Nasional Orang Asli (PPNOA) adalah merupakan pelan jangka panjang yang melibatkan hala tuju, pernyataan dasar, pelan tindakan bersama dan Pelan Strategik JAKOA.

Matlamat utama PPNOA adalah bagi menangani isu utama masyarakat Orang Asli iaitu mengatasi kemiskinan tegar dan mengarusperdanakan masyarakat Orang Asli seiring dengan kemajuan rakyat Malaysia secara amnya.

JAKOA telah menganjurkan Bengkel Pelan Pembangunan Nasional Orang Asli bermula pada 24 hingga 25 November 2019. PPNOA yang akan diwujudkan ini adalah sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) sehingga tahun 2030. Ia adalah teras utama dalam Pelan Pembangunan Nasional Orang Asli 2030.

Seterusnya terdapat dua perkara dalam proses perancangan pelaksanaan PPNOA iaitu penyediaan dasar Pembangunan Nasional Orang Asli bagi tujuan kelulusan Kabinet. Perkara kedua adalah memperhalusi Pelan Tindakan Bersama antara Agensi kerajaan berkaitan strategi-strategi yang telah diusulkan.

NO SOALAN: 81

Pelan melalui bengkel ini berasaskan kepada 136 resolusi yang telah dipersetujui sewaktu Konvensyen Orang Asli iaitu meliputi 7 bidang fokus seperti tanah, pendidikan, kepimpinan, infrastruktur, ekonomi, kesihatan dan kebudayaan. Bengkel ini telah dilaksanakan dengan jayanya melibatkan 107 penyertaan daripada ahli akademik, Pakar Bidang Khusus (SME) dan Agensi Kerajaan yang berkaitan.

Hasil daripada bengkel ini telah berjaya merangka 7 pernyataan dasar umum, 39 pernyataan dasar khusus dan 167 strategi bagi Pelan Pembangunan Nasional Orang Asli 2030. Seterusnya, JAKOA akan menganjurkan bengkel bagi merangka Pelan Tindakan Bersama untuk pelaksanaan strategi-strategi yang telah dibentuk. Pelan ini merupakan komitmen Kerajaan dalam melindungi hak bagi kemajuan dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli. JAKOA mensasarkan pelancaran Pelan ini pada tahun 2020 dan tempoh pelaksanaan adalah dari tahun 2021-2030 dalam tempoh RMKe-12 dan RMKe-13.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 82

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ABDUL GHANI BIN
MOHAMED YASSIN
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kos-kos subsidi terhadap barang-barang kawalan, sama ada kos-kos subsidi ini dapat ditampung Kerajaan, serta usaha Kerajaan untuk mengatasi ketirisan subsidi barangan pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Barang - barang kawalan di bawah kawal seliaan kementerian di mana kerajaan ada memperuntukkan subsidi adalah seperti **Ron95, Diesel, Tepung Gandum Kegunaan Am, Minyak Masak Dan Gas Petroleum Cecair (LPG)**.

Bagi tahun 2019, Kerajaan telah memperuntukkan bajet berjumlah **RM 1.94 Billion** bagi membiayai subsidi ke atas **tiga (3)** barang kawalan iaitu tepung gandum kegunaan am, minyak masak dan gas petroleum cecair (LPG) serta dijangkakan akan membelanjakan lebih **kurang RM 4 Billion** lebih bagi Ron95 dan Diesel.

Kos - kos subsidi ini jika diambil kira memang merupakan sesuatu yang **(unsustainable) dengan izin** untuk jangka masa yang panjang. Sebagai contoh bagi Ron95, harga pasarannya pada masa kini adalah **RM 2.27** seliter. Demi membolehkan stesen minyak menjual Ron95 pada harga siling RM2.08 seliter, kerajaan terpaksa menampung **RM 0.19 seliter**, atau **RM 64.91 juta seminggu** dan ini merupakan sistem subsidi secara pukal. Di bawah sistem ini, kerajaan telah membelanjakan sejumlah lebih kurang RM 2.7 Billion bagi subsidi Ron95 pada tahun 2018.

Apa yang jelas adalah subsidi petrol secara pukal ini selain daripada membantu golongan berpendapatan rendah (B40) membeli petrol pada harga yang berpatutan tetapi ia juga menyebabkan golongan berpendapatan

NO SOALAN: 82

tinggi (T20) menikmati lebih banyak subsidi petrol kerana mereka mempunyai kemampuan perbelanjaan yang lebih tinggi. Selain daripada itu sebagai contoh, warganegara Malaysia dan mereka yang bukan berwarganegara Malaysia juga secara langsung menikmati subsidi petrol daripada pihak kerajaan. Selain daripada itu negeri-negeri yang bersempadan dengan negara jiran seperti Johor, Perak, Perlis, Kelantan dan Kedah juga mendapati bahawa pemilik kenderaan dari luar ikut mengisi petrol bersubsidi ini dan mereka juga menikmati harga rendah. Ini merupakan suatu yang tidak saksama dan adil serta merupakan salah satu punca ketirisan berlaku.

Oleh yang demikian, selain daripada Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, Kerajaan akan menggantikan sistem subsidi secara pukal itu dengan program yang dinamakan Program Subsidi Petrol iaitu pemberian subsidi Ron95 secara bersasar supaya hanya mereka yang layak, iaitu dikategorikan sebagai B40 dan M40 sahaja yang menerima subsidi.

Selain daripada itu, secara amnya, bagi mengatasi ketirisan subsidi untuk barangan kawalan lain, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan dengan memperkemaskan mekanisme pemberian subsidi, pelaksanaan operasi, penangkapan, siasatan dan operasi yang menyeluruh. Setakat ini Kementerian telah melaksanakan usaha seperti berikut:

- (a) taklimat bersepadu;
- (b) pemeriksaan menyeluruh terhadap rangkaian pengedaran barang kawalan bersubsidi;

NO SOALAN: 82

- (c) kaedah baru kawalan antara negeri;
- (d) memperkukuhkan strategi risikan; dan
- (e) tindakan membekukan kuota.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 83

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kita masih berdebat sama ada subjek Matematik, Sains dan IT harus diajar dalam Bahasa Inggeris sedangkan negara lain telah mengorak langkah memulakan kurikulum maju berasaskan Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0). Adakah pengajaran subjek-subjek tersebut dalam Bahasa Inggeris akan dilaksanakan untuk tujuan ini dan apakah pendirian Kerajaan dalam isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari pentingnya negara kita bersedia menghadapi gelombang Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan antara pendekatan dan usaha yang dilaksanakan dalam bidang pendidikan adalah melalui pelaksanaan kurikulum, program dan pembelajaran abad ke-21.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), KPM telah memperkenalkan mata pelajaran baharu seperti Reka Bentuk & Teknologi (RBT), Asas Sains Komputer (ASK) dan mata pelajaran Sains Komputer termasuk mata pelajaran Reka Cipta (RC) serta mata pelajaran vokasional dan teknikal yang telah melalui proses semakan semula bagi menyediakan murid-murid mendepani IR 4.0. Mata pelajaran ini juga dimasukkan elemen *coding* agar murid berupaya menyelesaikan masalah logik dan sistematik melalui pengaplikasian konsep pemikiran komputasional (*computational thinking*).

Berhubung pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris, bermula pada tahun 2016 KPM telah memperkenalkan program *Dual Language Programme* (DLP). DLP memberi pilihan kepada sekolah-sekolah yang memenuhi kriteria untuk mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris selain daripada Bahasa Melayu bagi mata pelajaran Matematik dan Sains.

NO SOALAN: 83

Pada masa ini mata pelajaran IT atau Asas Sains Komputer (ASK) dan Sains Komputer diajar di sekolah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Walau bagaimanapun guru dan murid boleh menggunakan bahasa Inggeris sewaktu pengajaran dan pembelajaran sebagai pengukuhan dalam menguasai ilmu yang dipelajari seperti mana yang diamalkan di negara lain seperti Jepun, Perancis dan China.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, universiti di Malaysia sentiasa menjadi tumpuan pelajar asing untuk melanjutkan pelajaran kerana beberapa sebab termasuklah pengajaran program akademik dalam Bahasa Inggeris. Di peringkat universiti awam, Bahasa Inggeris diberi keutamaan sebagai bahasa pengajaran untuk memastikan pelajar lebih peka dengan perkembangan di dalam bidang masing-masing di samping menyiapkan pelajar dalam menghadapi perkembangan teknologi yang amat pantas berpunca daripada IR4.0.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Tuan Manolan bin Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak JAKOA bercadang untuk berpindah dari Ibu Pejabat JAKOA sekarang ke bangunan yang lain untuk mengurangkan bebanan Kerajaan dengan sewa RM1,534,992.27 setahun pada 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

JAKOA serta beberapa agensi kerajaan lain telah dicadangkan untuk berpindah ke Kompleks D, Putrajaya melalui surat Bahagian Pengurusan Hartanah pada 21 Ogos 2019. Namun perbincangan bagi tujuan perpindahan ini masih belum dilaksanakan di peringkat JPM.

Semakan awal JAKOA mendapati kadar sewaan yang paling minima di Putrajaya adalah RM6.50 kaki persegi berbanding kadar sewaan tempat sekarang RM5.80 kaki persegi.

Buat masa ini JAKOA masih mempunyai kontrak sewaan bangunan sehingga Januari 2021.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 85

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ALAN LING SIE KIONG
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam usaha untuk menyelesaikan ketidaktepatan kaedah pengiraan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) di negara ini dan adakah Kementerian akan menyediakan statistik baru untuk menunjukkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) di setiap negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam mengukur kemiskinan mutlak di Malaysia, Kerajaan mengguna pakai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Pengiraan PGK adalah berdasarkan *Canberra Group Handbook on Household Income Statistics, Second Edition* (2011) yang diterbitkan oleh *United Nations* dan diterima pakai di peringkat antarabangsa.
2. Berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (PPIR&KA) 2016, Kerajaan telah melaporkan PGK di peringkat nasional. Di samping itu, Kerajaan juga telah mengeluarkan PGK mengikut negeri untuk rujukan Kementerian, jabatan dan agensi pemberi bantuan. Oleh yang demikian, tidak timbul isu ketidaktepatan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, model PGK semasa sedang dikaji semula sejak bulan Mac 2019 untuk lebih menggambarkan corak penggunaan dan keperluan serta demografi semasa isi rumah. Pelaksanaan kajian ini sedang giat dijalankan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia serta jabatan dan agensi berkaitan. Dapatan kajian semula ini akan dijadikan input bagi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

NO SOALAN: 85

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 86

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN
ABDULLAH
TARIKH : 11 DISEMBER 2019

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian perlu mengkaji semula operasi pencegahan dan sejauh mana ketelusan anggota dalam menangani isu yang sering berulang melibatkan pelacuran dalam kalangan warga asing di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) memberikan perhatian yang khusus terhadap penglibatan warga asing dalam aktiviti-aktiviti jenayah sama ada yang datang untuk bekerja, belajar atau yang melancong ke negara ini. Gejala ini jika tidak dibendung boleh menimbulkan perasaan takut dan menyebabkan kegusaran kepada masyarakat tempatan. Di samping itu, kedatangan warga asing turut menyumbang kepada peningkatan masalah sosial terutama kes yang berunsurkan maksiat, perjudian, penyalahgunaan dadah dan kes sosial yang lain.

Bagi membendung penglibatan warga asing dalam jenayah dan masalah sosial yang lain dari terus merebak dan boleh menjejaskan kerukunan dan keharmonian masyarakat tempatan, pelbagai langkah dan usaha telah diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) seperti berikut:

- (i) mengenal pasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat serta mengambil tindakan tegas ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkaitan;
- (ii) mengadakan operasi-operasi semasa ke atas tempat-tempat yang dikenalpasti sebagai sarang-sarang sindiket dari semasa ke semasa;

NO SOALAN: 86

- (iii) menyenarai hitam wanita-wanita warga asing yang dikenalpasti sering memasuki Negara ini khusus untuk menjalankan kegiatan pelacuran;
- (iv) mengenalpasti tempat-tempat yang sering menjadi *point of entry* oleh penyeludup-penyeludup yang membawa wanita-wanita warga asing untuk dijadikan pelacur dan penyeludupan dadah untuk tindakan pencegahan; dan
- (v) kerjasama yang erat di antara agensi-agensi penguatkuasa lain dalam membendung gejala tidak bermoral ini.

Kementerian juga memandang serius isu-isu berkaitan korupsi, penyalahgunaan kuasa dan lain-lain perkara negatif yang dapat menjejaskan imej Negara. Bagi mengekang perkara seumpamanya daripada berlaku, Kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengambil tindakan pencegahan dan pemantapan polisi serta prosedur sedia ada supaya setiap pegawai imigresen dapat menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan baik selaras dengan 6 fungsi teras amalan integriti yang diterapkan di JIM iaitu:

- (i) Tadbir Urus
- (ii) Pengukuhan Integriti
- (iii) Pengesanan dan Pengesahan
- (iv) Pengurusan Aduan
- (v) Pematuhan
- (vi) Tatatertib

NO SOALAN: 86

Antara langkah-langkah yang diambil oleh JIM dalam mengukuhkan integriti setiap pegawai dan kakitangan imigresen untuk menjalankan tugasnya termasuk melaksanakan operasi penguatkuasaan berkaitan kegiatan pelacuran di kalangan warga asing adalah seperti berikut:

- (i) sepanjang tahun 2019, JIM telah melaksanakan pelbagai program pengukuhan integriti seperti ceramah, bengkel dan seminar bagi memberikan kesedaran kepada kakitangan dan pegawai JIM tentang kepentingan mengamalkan sikap berintegriti pada setiap masa dan program seumpamanya akan diteruskan pada tahun 2020;
- (ii) JIM sentiasa membuat pemantauan dan pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa ke atas penugasan pegawai JIM bagi mencegah berlakunya sebarang salahlaku tatatertib dan penyelewengan dalam pelaksanaan sesuatu penugasan;
- (iii) JIM juga menjalankan siasatan ke atas pegawai-pegawai JIM yang disyaki telah melakukan kesalahan dari segi tatakelakuan seperti pelanggaran arahan dan peraturan sedia ada. Manakala jika wujud kesalahan dari segi pelanggaran undang-undang yang menjurus kepada jenayah maka maklumat berkaitan akan disalurkan kepada jabatan yang bertanggungjawab iaitu Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (iv) JIM menjadi antara agensi penguatkuasaan utama yang mendapat pensijilan ISO 37001: 2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS) dalam usaha mengekang gejala rasuah di kalangan anggota JIM. Polisi yang diperkenalkan melalui ABMS merangkumi Polisi Anti Rasuah, Polisi Tolak Hadiah dan Garis Panduan

NO SOALAN: 86

Pengurusan Aduan Di Bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010; dan

- (v) JIM juga telah melaksanakan Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) bagi mengenalpasti risiko atau punca-punca berlakunya rasuah di kalangan anggota JIM.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 87

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan rancangan jangka panjang Kerajaan bagi pembangunan belia negara untuk tempoh 10 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan belia kerana menghargai peranan dan sumbangan mereka dalam pembangunan negara. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, belia yang berumur 15 hingga 30 tahun pada tahun 2018 adalah sebanyak 9,998,000 belia atau 31%, dan menjelang 2030 anak muda ini merupakan kumpulan majoriti negara yang akan menjadi pemegang taruh penting dalam menentukan dan mencorakkan kepimpinan negara pada masa hadapan.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan jangka panjang KBS berkenaan pembangunan belia adalah berdasarkan kepada Dasar Belia Malaysia (DBM). DBM adalah satu perancangan dan pelaksanaan pembangunan belia bagi tempoh 20 tahun mendatang sehingga ke tahun 2035. Strategi Pelaksanaan DBM bagi setiap 5 tahun adalah selari dengan Rancangan Malaysia Lima Tahun bermula daripada Rancangan Malaysia Ke-11 hingga 14 (RMK11 – RMK 14).
3. Pelaksanaan dasar yang diterapkan di dalam DBM antaranya telah diterjemahkan di dalam pindaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 668) pada tahun 2019. Ini merupakan suatu usaha sokongan perundangan dalam memastikan

NO SOALAN: 87

pembangunan belia adalah selaras dengan DBM. Secara ringkasnya, pindaan ini antara lain melibatkan penurunan had umur belia itu sendiri iaitu daripada 15 ke 40 tahun kepada 15 ke 30 tahun sahaja, penetapan had umur bagi ketua/ pemegang jawatan pertubuhan belia iaitu daripada 18 hingga 30 tahun dan mengehadkan tempoh ketua dan pemegang jawatan selama empat tahun sahaja. Pindaan ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan lebih ramai belia, mengurangkan jurang generasi dalam kalangan belia, mempercepatkan proses kematangan belia dan seterusnya mengurangkan tingkah laku berisiko dalam kalangan belia.

4. Isu kepimpinan dan pembangunan belia turut diketengahkan di dalam DBM dan telah direalisasikan melalui pelaksanaan beberapa program/aktiviti dan pembentukan jawatankuasa seperti berikut:
 - a. Parlimen Belia Malaysia (PBM) yang bertujuan untuk melatih dan melahirkan barisan pelapis kepimpinan muda yang berkaliber dan berwibawa sejajar dengan keperluan negara masa kini dan masa hadapan. Ahli PBM akan diberikan pendedahan untuk mendalami sistem pentadbiran di Malaysia di samping dapat meningkatkan pengetahuan berkaitan kepimpinan negara. Pada tahun 2019, Persidangan PBM Sidang 1 Tahun 2019 telah berlangsung pada 25 dan 26 September 2019 bertempat di Dewan Persidangan, Parlimen Malaysia. Seramai 153 perwakilan belia telah terpilih sebagai ahli PBM.

NO SOALAN: 87

- b. Program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) yang bertujuan untuk melahirkan pemimpin belia yang boleh menyumbang dalam pembangunan negara serta berkeupayaan berperanan di peringkat antarabangsa di samping membentuk generasi belia yang lebih berwawasan dan tinggi nilai jati diri. Program ini menyasarkan belia yang berumur 15 hingga 17 tahun dan akan melibatkan seramai 35,000 peserta pada tahun ini;
- c. Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia (JKPB) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Jawatankuasa ini berperanan sebagai badan perunding, penyelaras dan penasihat kepada Kerajaan dalam isu-isu pembangunan belia dari aspek dasar, perancangan serta pelaksanaan agenda pembangunan belia. Secara ringkasnya, JKPB akan memastikan pelaksanaan inisiatif pembangunan belia lebih teratur dan tersusun serta efektif bagi membentuk kedinamikan pembangunan, penyerlahan potensi serta peluang baharu untuk golongan belia secara bersepadu di antara kementerian/agensi yang terlibat;
- d. Jawatankuasa Peluang Pekerjaan Anak Muda. Bagi memastikan adanya lebih banyak peluang pekerjaan dengan gaji yang selayaknya kepada anak muda, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 September 2019 telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Peluang Pekerjaan Anak Muda yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Jawatankuasa ini bertindak sebagai badan perunding, penyelaras dan penasihat

NO SOALAN: 87

kepada Kerajaan untuk meluaskan peluang pekerjaan anak muda daripada aspek dasar, perancangan serta pelaksanaan agenda pembangunan ekonomi anak muda. Jawatankuasa ini terdiri daripada pihak Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), perbankan, penyelidik, dan peneraju industri. Penglibatan pelbagai pihak ini akan dapat membantu Kerajaan ke arah mencapai mewujudkan 1 juta peluang pekerjaan kepada anak muda dalam tempoh 5 hingga 10 tahun seperti yang terkandung dalam Manifesto Kerajaan. Antara isu-isu yang akan dibincangkan oleh jawatankuasa ini meliputi pengangguran, tawaran gaji rendah, peluasan sektor pekerjaan dalam pelbagai bidang, kesepadanan pendidikan/latihan mengikut keperluan industri dan lain-lain;

- e. Mesyuarat Khas Jemaah Menteri bagi membincangkan isu-isu berkaitan belia telah diadakan pada 15 Ogos 2019 dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Mesyuarat tersebut antara lain telah bersetuju supaya kadar elaun pelajar atau pelatih praktikal yang menjalani latihan amali/praktikal di sektor Kerajaan dinaikkan kepada RM5 sejam berkuat kuasa pada 1 September 2019 yang lalu. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan pembayaran elaun kepada pelatih praktikal ini, KBS telah membangunkan sebuah portal melalui Kempen #PaidInternship. Portal ini antara lain bertujuan untuk membantu pelatih praktikal melaporkan kekurangan bayaran upah di Kementerian/Agensi Kerajaan serta syarikat-syarikat di sektor swasta. Pelaksanaan pembayaran elaun ini membolehkan lebih

NO SOALAN: 87

ramai pelajar khususnya di luar bandar dan kumpulan B40 menjalani latihan amali/praktikal bagi menimba pengalaman bekerja. Ini kerana, pembayaran elaun ini dapat membantu meringankan beban pelajar yang memerlukan wang untuk menampung kos pengangkutan harian dan juga sara hidup sepanjang tempoh amali/praktikal.

5. Selain itu, DBM turut menggariskan 9 bidang keutamaan yang terlibat di dalam pembangunan belia negara iaitu pendidikan dan latihan kemahiran, kenegaraan dan jati diri, gaya hidup sihat dan sejahtera, kepimpinan, kesukarelawanan dan masyarakat sivil, keusahawanan, penyelidikan dan inovasi, profesionalisme kerja belia, dan pengiktirafan. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan program-program pembangunan di bawah bidang-bidang keutamaan ini bukan sahaja dilaksanakan secara bersendirian oleh KBS tetapi juga secara bersama oleh 10 kumpulan pelaksana atau pemegang taruh iaitu keluarga, masyarakat, badan bukan Kerajaan (NGO), NGO belia dan individu belia, Kerajaan Negeri, Institusi Pendidikan dan Penyelidikan, media, syarikat berkaitan Kerajaan dan swasta, kepimpinan politik, serta Agensi Persekutuan.
6. Pembentukan jawatankuasa dan pelaksanaan program/aktiviti berdasarkan kepada DBM memudahkan pemeraksanaan pembangunan belia dilaksanakan secara lebih menyeluruh dan terancang. Ini akan memberi lebih keyakinan kepada pemegang taruh pembangunan belia untuk bersama-sama menyumbang ke arah pembangunan ekosistem belia yang bersepadu. Di samping itu,

NO SOALAN: 87

ia juga memberi ruang pelaksanaan pembangunan belia oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dilaksanakan dengan lebih bersepadu dan teratur.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 88

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan perkataan yang ditambah dalam Kamus Dewan edisi 4 tahun 2010 berbanding edisi yang sama terbitan tahun 2005. Adakah Kementerian bercadang untuk menambah bilangan perkataan agar selaras dengan perkembangan dalam ilmu pengetahuan dan menerbitkan edisi yang lebih terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kamus Dewan disusun dan diterbitkan bagi memenuhi keperluan masyarakat untuk dijadikan sebagai sumber rujukan utama perbendaharaan kata bahasa Melayu. Sejak terbitan pertamanya pada tahun 1970, *Kamus Dewan* telah diperkemas dan ditambah kata masukannya melalui beberapa edisi, dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* merupakan edisi mutakhir yang diterbitkan pada tahun 2005 (cetakan pertama) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Edisi mutakhir ini mengandungi 82,900 kata masukan yang meliputi entri, subentri dan frasa entri yang mencakup pelbagai bidang, termasuk sains dan teknologi. Sehingga kini *Kamus Dewan Edisi Keempat* telah diulang cetak sebanyak lapan kali (termasuk cetakan yang ketiga, iaitu pada tahun 2010) dengan mengekalkan jumlah kata masukan.

Bagi meneruskan usaha perakaman kosa kata bahasa Melayu agar seiring dengan perkembangan terkini ilmu pengetahuan, DBP telah menyusun sebuah kamus baharu yang lebih besar dan lengkap, iaitu *Kamus Dewan Perdana* yang akan diterbitkan pada tahun 2020. Kamus ini merupakan kamus bahasa Melayu yang pertama di dunia yang memanfaatkan data korpus dan data web sebagai sumber utama dalam penyusunannya. Kamus ini memuatkan 120 000 kata masukan merangkumi kata umum, istilah, dialek dan kata bahasa serumpun. Selain itu, kamus ini memberikan maklumat tambahan tentang kata masukan yang dimuatkan, antaranya termasuklah ejaan Jawi, transkripsi fonetik, kelas kata dan maklumat etimologi.

NO SOALAN: 88

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 89

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Datuk Theodore Douglas Lind minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi membantu Kerajaan Filipina membangunkan Wilayah Filipina Selatan khususnya dalam bidang ekonomi yang secara langsung dapat mengurangkan isu keselamatan di Negeri Sabah yang sering kali timbul dari keadaan yang kurang maju di wilayah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia senantiasa komited dalam usaha membantu Kerajaan Filipina membangunkan Wilayah Selatan Filipina dari segi pembangunan ekonomi dan juga keamanan yang berpanjangan.

3. Dalam hal ini, Malaysia telah menyumbang dalam membangunkan keupayaan pelbagai institusi-institusi dan sosio-ekonomi Bangsamoro termasuk melalui *Malaysian Technical Cooperation Program* (MTCP). Kerjasama ini meliputi perkongsian pengalaman serta melatih masyarakat Bangsamoro dalam bidang urustadbir, pendidikan, pertanian dan sektor sosio-ekonomi yang berkenaan termasuk pembangunan luar bandar bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat Bangsamoro.

4. Sehingga kini, lebih 100 orang rakyat Wilayah Selatan Filipina telah menghadiri program pembangunan di bawah MTCP. Malaysia akan memastikan bahawa sumbangan seperti ini akan terus di salurkan untuk membantu dalam usaha membangunkan ekonomi di Wilayah Selatan Filipina.

NO SOALAN: 89

Tuan Yang di-Pertua,

5. Selain itu, Malaysia telah diberikan kepercayaan untuk memainkan peranan sebagai fasilitator kepada proses perdamaian di antara Kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) sejak 2001 sehingga berjaya membawa kepada penubuhan *Bangsamoro Autonomous Region in Muslim Mindanao* (BARMM) melalui ratifikasi Undang-Undang Organik Bangsamoro (BOL).

6. Penglibatan secara berterusan oleh Tim Pemantauan Antarabangsa Malaysia di Mindanao sejak tahun 2004 telah berjaya mengurangkan jumlah laporan pelanggaran gencatan senjata/permusuhan (*ceasefire/hostility violation*) di antara Kerajaan Filipina dan MILF secara drastik. Sehingga kini tiada sebarang insiden pelanggaran gencatan senjata dilaporkan sejak tahun 2013.

7. Seperti Dewan yang mulia ini maklum, YAB Perdana Menteri telah mengadakan lawatan rasmi ke Manila, Filipina pada bulan Mac 2019. Lawatan ini merupakan antara usaha Kerajaan Malaysia untuk memperkukuhkan hubungan sedia ada antara Malaysia dan Filipina selain memperkasakan jalinan hubungan antara kedua negara serta menerokai peluang-peluang kerjasama baru terutamanya di Wilayah Selatan Filipina.

8. Semasa lawatan ini, YAB Perdana Menteri telah memberi jaminan kepada Presiden Filipina mengenai komitmen Malaysia untuk terus membantu dalam pembangunan di Wilayah Selatan Filipina kerana ia mempunyai potensi ekonomi yang besar dan boleh dimajukan. Hubungan

NO SOALAN: 89

ekonomi antara kedua-dua negara dapat di tingkatkan melalui Wilayah Autonomi Islam Mindanao Bangsamoro (BARMM) di Selatan Filipina.

9. Selain itu, YAB Perdana Menteri juga telah menekankan untuk memanfaatkan sepenuhnya inisiatif perdagangan dua hala dan pelbagai hala agar inisiatif baru ini dapat dilaksanakan di dalam platform-platform seperti *Brunei-Indonesia-Malaysia-the Philippines-East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA).

Tuan Yang di-Pertua,

10. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Malaysia menyambut baik sebarang usaha kerjasama antara agensi-agensi Kerajaan Malaysia dengan agensi-agensi Kerajaan BARMM kerana ianya merupakan peluang bagi Malaysia menunjukkan sokongan terhadap pembangunan kawasan-kawasan dibawah BARMM. Perkara ini amat dititikberatkan oleh YAB Perdana Menteri semasa lawatan rasmi beliau ke Filipina.

11. Sehubungan dengan ini, Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri Republik Filipina (DFA) melalui nota diplomatik kepada semua Perwakilan Asing di Filipina bertarikh 11 Jun 2019 telah memaklumkan bahawa semua permohonan kerjasama dengan Kerajaan BARMM perlu melalui saluran Diplomatik. Oleh yang demikian, segala kerjasama yang ingin disalurkan perlu diselaraskan dengan pihak DFA bagi memastikan Malaysia mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Filipina.

Sebagai rumusan, Kerajaan Malaysia yakin bahawa proses damai di Selatan Filipina akan terus mencapai kejayaannya berdasarkan kepada komitmen

NO SOALAN: 89

yang ditunjukkan oleh Kerajaan Filipina dan MILF. Dengan adanya kestabilan dan keamanan di Selatan Filipina, usaha-usaha untuk pembangunan ekonomi dan sosial rakyat tempatan boleh diteruskan demi kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 90

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH
TARIKH : 11 DISEMBER 2019**

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan berapa peratuskah pencapaian Malaysia dalam sumber tenaga boleh guna (renewable energy source) setakat ini dan apakah tindakan susulan untuk mencapai sasaran tersebut menjelang tahun 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 31 Oktober 2019, peratus pencapaian Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam kapasiti pembekalan elektrik negara adalah sebanyak 6.45% atau kira-kira 2,258MW.

Untuk mencapai sasaran tenaga boleh baharu sebanyak 20% menjelang 2025, selain kapasiti terpasang kini sebanyak 2.057 GW serta projek yang diluluskan 2.806 GW, kami memerlukan projek penjanaan tenaga boleh baharu sebanyak 4.100 GW. Erti kata, dari kini sehingga 2025, kita akan melihat penambahan sebanyak 6.906 GW ke dalam system untuk memenuhi permintaan elektrik yang makin meningkat.

Selaras dengan penetapan sasaran sebanyak 20% TBB dalam pembekalan elektrik negara menjelang tahun 2025, pelbagai program dan inisiatif telah dilaksanakan seperti berikut:

- (i) menyediakan *Renewable Energy Transition Roadmap (RETR) 2035* untuk mengenal pasti potensi TBB negara, menggariskan strategi dan inisiatif pembangunan industri TBB serta menyediakan perancangan pembangunan TBB sehingga tahun 2035. RETR sedang dalam peringkat akhir penyediaan dan akan dilancarkan pada suku kedua tahun 2020; dan

NO SOALAN: 90

- (ii) meneruskan pelaksanaan program seperti Feed-in Tariff (FiT), *Net Energy Metering* (NEM), dan *Large Scale Solar* (LSS).

Mekanisme Feed-in-Tariff

Mekanisme Feed-in-Tariff adalah mekanisme di mana kerajaan membayar premium untuk membeli tenaga boleh diperbaharui melalui Akaun Amanah Tenaga Boleh Baharui (RE Fund) dan telah dilaksanakan sejak 2011.

Sejak Julai 2018, kami telah membatalkan 389 projek FiT tidak kompetitif (non-performing projects) dan ini telah berjaya menjimatkan RE fund sebanyak RM2.16 bilion.

Penjimatan ini membolehkan kerajaan untuk membuka untuk membuka lebih daripada 160 MW kuota FiT kepada tenaga boleh baharui bukan solar seperti biomas, biogas dan hidro kecil.

Selain itu, pada bulan November tahun 2018, buat kali pertama dalam sejarah FiT, kami telah melancarkan sistem e-bidaan untuk mengagihkan kuota biogas FiT dan tahun ini kami telah memperluaskannya kepada kuasa hidro mini.

Dengan bidaan kompetitif, kami mampu mendapat harga bidaan yang lebih rendah daripada kadar FiT yang dijadualkan justeru membenarkan kami mengagihkan lebih banyak kuota FiT kepada pengusaha TBB.

Net Energy Metering

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia mempunyai 3.2 juta hartanah kediaman, 450, 000 lot komersial, 90,000 kilang teres, 21,000 kilang tunggal dan seribu pusat beli belah.

Dasar Net Energy Metering mampu merealisasikan potensi penjanaan kuasa solar daripada bumbung-bumbung sedia ada ini – unlocking the potential of rooftop solar. Melalui skim ini, pengguna yang memasang sistem penjanaan kuasa solar atas bumbung mereka boleh menjual lebih tenaga kembali kepada TNB.

Program ini dimulakan pada tahun 2016 tetapi sehingga 2018, kadar penyertaan skim ini agak rendah disebabkan harga jualan balik kepada TNB yang amat rendah iaitu pada *displaced cost*. Oleh itu, pada Oktober 2018, kami telah mengumumkan penambahbaikan kepada NEM 2.0 di mana pengguna akan menjual balik tenaga kepada TNB pada kadar 1-on-1 offset basis. Dengan ini, pengguna-pengguna yang memasang panel solar atas bumbung boleh menurunkan bil elektrik mereka secara signifikan.

Di samping itu, kerajaan juga akan melanjutkan Elaun Cukai Pelaburan Hijau (Green Investment Tax Allowance - GITA) sehingga 2023 seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Kewangan. GITA memberi elaun cukai kepada syarikat-syarikat ke atas perbelanjaan CAPEX pemasangan teknologi hijau termaksud sistem solar atas bumbung.

NO SOALAN: 90

Penjimatan bil elektrik daripada NEM 2.0 bersama dengan GITA membolehkan pemasangan sistem solar atas bumbung menjadi suatu pelaburan yang cukup berbaloi terutamanya di premis komersial dan industry yang memiliki bumbung besar, di mana *pay back period* adalah 3 hingga 5 tahun sahaja. Perbelanjaan CAPEX (tolak elaun cukai) mampu dibayar balik oleh penjimatan bil elektrik selepas 3-5 tahun dan pengguna elektrik boleh menikmati penjimatan bil elektrik pada tahun tahun yang seterusnya. Syarikat bukan sahaja boleh dapat menjadi lebih mesra alam, ia juga akan membawa penjimatan kewangan.

Untuk pengguna elektrik yang tidak mampu membayar peberlanjaan CAPEX tetapi ingin memasang panel solar, Kerajaan telah memperbaharui dasar untuk menggalakan pajakan solar (*solar leasing*).

Pada Oktober 2018, saya telah mengumumkan penambahbaikan kepada dasar pajakan solar (*solar leasing*) melalui pembaharuan polisi *Supply Agreement of Renewable Energy (SARE)*, bagi membolehkan pengguna menikmati manfaat solar tanpa memerlukan jumlah wang pendahuluan yang tinggi, iaitu zero upfront cost.

Belanjawan ini memberi suntikan yang memberangsangkan kepada industri *solar leasing* di Malaysia, kerana telah merangkumi pengusaha pajak solar (*solar leasing companies*) dalam GITE (*green income tax exemption*), di mana mereka akan menikmati pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% untuk tempoh sehingga 10 tahun.

NO SOALAN: 90

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak polisi NEM 2.0 bermula pada bulan Januari, kami telah melihat peningkatan pengguna program NEM yang amat menggalakkan. Dalam 9 bulan ini, kapasiti NEM 2.0 yang telah diluluskan adalah 3 kali ganda jumlah yang diluluskan 3 tahun di bawah dasar lama antara 2016- 2018. Saya amat yakin dengan pelanjutan GITA dan GITE ke tahun 2023 dan peluasan GITE kepada *solar leasing companies*, NEM dan solar atas bumbung akan berkembang dengan lebih pesat lagi pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

Oleh kerana dasar NEM ini menarik dan hanya dapat dilaksanakan di Semenanjung Malaysia pada tahun ini, saya telah meluluskan kuota sebanyak 50MW untuk program NEM di Sabah pada bulan lepas dengan jumlah perbelanjaan tambahan kepada kerajaan sebanyak RM13 juta bagi NEW 50 MW *1-to-1* untuk tempoh 10 tahun dan ia akan dibiayai oleh Akaun Amanah Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE).

Tuan Yang di-Pertua,

LSS

Teknologi tenaga boleh baharui kini makin matang dan harganya juga makin kompetitif. Sebagai contoh, harga satu panel solar telah menurun sebanyak 80% sejak 2009.

NO SOALAN: 90

Impak harga kompetitif ini ternyata dalam bidaan terbuka projek solar berskala besar (LSS) yang baru sahaja ditutup dan yang kini di peringkat *technical evaluation* dengan izin dan pembida yang berjaya akan diumumkan oleh Suruhanjaya Tenaga pada akhir tahun ini.

Namun begitu, saya ingin menarik perhatian kepada kedudukan harga yang ditawarkan oleh pembida. Empat projek paling murah yang merangkumi 365 MW daripada 500 MW, telah menawarkan harga kurang daripada 23.22 sen per kWh, iaitu purata kos penjanaan loji kuasa gas di Malaysia.

Buat kali pertama dalam sejarah Malaysia, tenaga boleh diperbaharui mencatatkan kos generasi yang lebih murah daripada kos penjanaan gas.- iaitu bahan api fosil.

Saya yakin ini hanya permulaan. Kami akan membuka satu lagi pusingan 500MW pembidaan LSS pada tahun depan dengan spesifikasi penawaran yang diharapkan akan mengurangkan kos lagi terutamanya dengan menggunakan tanah kerajaan negeri dan tanah yang kini tidak digunapakai seperti kolam perlombongan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Bukan sahaja perkembangan industri TBB boleh menurunkan pelepasan karbon, tetapi belanjawan ini amat tepat dalam mengenalpasti sektor hijau sebagai industri baru Malaysia (*green sector as the new frontier of growth*) untuk mencipta peluang perkerjaan, menarik pelaburan serta meningkatkan aktiviti perniagaan.

NO SOALAN: 90

Untuk makluman dewan yang mulia ini, sasaran baru 20% TBB dalam campuran elektrik menjelang 2025 dianggar boleh membawa pelaburan setinggi RM33.2 bilion serta mencipta lebih daripada 100,000 peluang pekerjaan. *It's killing two birds with one stone*, dengan izin. Bukan sahaja kita dapat mencapai objektif alam sekitar tetapi juga dapat memperkembangkan ekonomi pada yang sama.

Oleh itu, MESTECC dan Kerajaan akan terus komited untuk membangunkan industri TBB di Malaysia.

Sekian, terima kasih.